

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 4	Rabu	23 April 2014
---------------	-------------	----------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman	1)
USUL:		
- Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>YB. Senator Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam</i>	(Halaman	29)
- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman	65)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

Rabu, 23 April 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan pemeriksaan yang lebih teliti terhadap setiap pelawat yang masuk dan keluar negara bagi mengelakkan kemasukan pemegang-pemegang pasport palsu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab bersekali soalan daripada Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan pada 24 April 2014 dan Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg pada 24 April 2014 dan Yang Berhormat Dato' Khairudin Samad pada 24 Mei 2014 memandangkan soalan-soalan berkenaan mempunyai kaitan dan pertanyaan perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian melalui Jabatan Imigresen Malaysia untuk memastikan pemeriksaan yang lebih teliti terhadap setiap pelawat yang memasuki dan keluar negara bagi mengelakkan kemasukan pemegang-pemegang pasport palsu adalah seperti berikut:

- (i) untuk melaksanakan *Advanced Passengers Screening System* ataupun APSS sebagai satu sistem jaringan maklumat komprehensif dan menyeluruh yang akan menghubungkan kesemua pintu masuk sempadan negara dengan sistem maklumat berkaitan pengembara dan diperoleh serta-merta dari serata dunia;

APSS boleh membantu agensi-agensi di pintu-pintu masuk untuk melaksanakan kawalan dengan lebih selamat, cekap dan mengurangkan tempoh menunggu memandangkan data-data maklumat pengembara telah sedia disaring dan diperoleh dengan lebih awal sebelum pengembara tiba. Selain ini, APSS juga dapat memberi respons yang cepat daripada pembekalan data yang telah diintegrasikan seperti Interpol, *Lost and Stolen Passport*, *APEC Regional Movement Alert System*

ataupun RMAS. Lebih daripada 20 pangkalan data yang akan diintegrasikan dalam sistem ini yang mempunyai keupayaan untuk berkongsi bersama agensi risikan keselamatan antarabangsa, iaitu:

- (ii) Jabatan Imigresen juga akan memperkenalkan kembali pengisian kad mendarat IMM26 yang perlu diisi oleh para warganegara asing yang akan memasuki negara ini;
- (iii) memasang kamera *facial recognition* yang berdefinisi tinggi di kaunter-kaunter pemeriksaan imigresen di pintu masuk; dan
- (iv) memasang *closed circuit television* resolusi tinggi bagi tujuan pengawasan di pintu-pintu masuk yang mengekang sindiket penyeludupan manusia.

Berhubung dengan kes pemalsuan pasport dan penyamar, Jabatan Imigresen Malaysia telah berjaya menangkap seramai 431 orang pesalah yang melanggar peruntukan di bawah Akta Pasport 1966 dari tahun 2011 hingga tahun 2014. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan pertama, Dato' Haji Abdul Rahim.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dengan pemasangan APSS ini, adakah bermakna seseorang itu apabila masuk misalnya melalui KLIA, boleh keluar melalui kompleks-kompleks yang lain seperti di Melaka, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Saat. Pada masa ini kononnya, jika seseorang pengembara itu masuk melalui KLIA, dia tak boleh keluar negara melalui kompleks lain, seperti nak keluar menerusi kompleks di Melaka misalnya. Itu soalan tambahan saya, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sistem APSS ini berfungsi begini Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Apabila seseorang itu hendak membeli tiket umpamanya penerbangan untuk datang ke Malaysia, semasa itu dia mendaftarkan nama dia dengan mana-mana *travel agency* ataupun syarikat penerbangan. Pada ketika itulah nama dia akan disalurkan menerusi APSS ini kepada sistem Interpol dan agensi-agensi penyeliaan seluruh dunia dan kita akan mengetahui sama ada dia memegang pasport palsu ataupun dia ada rekod-rekod jenayah ataupun rekod-rekod *terrorism*. Dengan itu kita boleh tidak memberi dia tiket untuk terbang ke Malaysia.

Jadi, makna dia *screening* kepada individu hendak datang ke Malaysia itu dibuat secara awal lagi, sebelum dia menaiki kapal terbang. Akan tetapi apabila dia dah menaiki kapal terbang, makna dia sudah dapat *clearance* daripada APSS ini untuk datang ke Malaysia. Apabila dia sampai ke Malaysia ini, di mana dia masuk, di mana dia keluar, masih atas arahan ataupun permintaan dia semasa dia memasuki dan mengisi borang IMM26 tadi. Dia duduk di mana, dia hendak keluar ke mana, itu tidak ada halangan di bawah sistem ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

■1010

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi sedikit pencerahan tentang *screening* tadi. Saya hendak tanya satu soalan yang berkaitan. Apakah kaedah yang digunakan oleh kerajaan kita pada titik kita mengeluarkan visa kepada pelawat. Contohnya di negara China. Saya difahamkan kita

memberi visa itu dengan tidak membuat *screening* terlebih dahulu. Apabila dia sudah beli tiket, itu cerita lainlah seperti kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Akan tetapi pada titik sebelum kita mengeluarkan visa itu sendiri, adakah kedutaan kita melalui imigresen, menyemak dan menyaring mereka ini supaya kalau memang mereka ini sudah ada rekod jenayah, *then* kita tidak perlu lagi keluarkan visa. Jadi, jangan sampai dia sudah sampai ke *airport*, baru kita hendak tahan dia.

Adakah itu dibuat? Kalau ada, kaedahnya bagaimana dan negara mana yang kita laksanakan? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan ini amat baik sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua.

Ini kerana apa yang kebanyakan kita lihat ialah saringan pintu masuk imigresen sahaja dan *screening* ataupun penyemakan kepada pemohon visa ini tidak ada seorang pun bertanya di Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat. Itu kenapa saya sebut soalan ini cantik. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, apabila kita laksanakan APSS ini nanti, aplikasinya akan diperluaskan kepada permohonan visa sebagaimana Amerika buat. Amerika membuat sedemikian. Sebelum orang itu hendak datang ke Amerika, dia memohon visa dulu. Visa itu juga menerusi proses-proses tertentu di mana tiap-tiap individu itu akan *discreen* begitu rupa. Maknanya, kalau dia beli tiket itu, sudah *screen* yang kedua dan bukan *screening* yang pertama. Peringkat pertama di peringkat visa.

Saya mengetahui sendiri seorang dari Malaysia ini telah ditahan pemergiannya oleh pihak Amerika oleh kerana namanya termasuk daripada kalangan lebih satu ribu nama-nama lain yang mungkin disuspek oleh pihak Amerika terlibat dengan *terrorisme*. Jadi akhirnya, bila dapat tahu dan mengenal pasti rakyat Malaysia itu tidak langsung terlibat, barulah visa itu diberi untuk masuk ke Amerika. Jadi, *insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua, kita akan melihat perkara ini dibuat sedemikian apabila APSS ini dilaksanakan nanti. Terima kasih.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Tuan Yang di-Pertua, tadi kerana tertinggal jawapan untuk soalan saya. Dijawab sekali gus tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, kalau ada jawapan Yang Berhormat dari tadi. Merangkumi daripada Yang Berhormat juga, saya benarkan untuk memberi jawapan.

Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah: Okey, biar saya jelaskan dulu, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ada tiga bahagian. Satu, mengenai inisiatif-inisiatif yang diambil. Itu sudah dijawab. Bilangan orang yang menggunakan pasport palsu. Sebenarnya, saya minta mengikut pecahan tahun dan jawab secara *total*. Kalau boleh / hendak dapat ikut pecahan tahun 2011 hingga 2013 tadi secara *lump sum*, sudah jawab. Akan tetapi bahagian ketiga soalan saya. Ikut pecahan kerakyatan. Sebenarnya, tujuan saya bila / tanya pecahan kerakyatan itu, / cuma hendak tahu dari negara mana supaya hendak dapat tahu sama ada mereka *economic refugees* atau *political refugees*. Kalau jawapan itu ada sekarang, okey. Kalau tidak ada, hendak hantar kepada saya pun *no problem*.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak ada, saya rasa Yang Berhormat boleh beri secara bertulis. Silakan Yang Berhormat kalau boleh jawab.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya berbincang dengan pegawai saya dari semalam, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya jawapannya semua ada, Yang Berhormat. Saya ikut pecahan tahunan 2011, 2012 dan 2013, Yang Berhormat.

Pada tahun 2011, di bawah seksyen 12(1), undang-undang pun saya bawa juga. 12(1) iaitu *forge, alter, tempers*. Minta maaf, dalam bahasa Inggeris. *Which is passport or internal travel documents or any visa or endorsement thereon or without lawful authority uses or attempts to use or has in his possession any passport or internal travel documents which has been so forged, altered and tempered with*. Itu yang 12(1)(a). Memasuki sini pada tahun 2011 seramai 13 orang, tahun 2012 seramai enam orang dan tahun 2013 ramai. Terperanjat saya iaitu seramai 318 orang, manakala sehingga Mac 2014 seramai 55 orang.

Begitulah di bawah seksyen 12(1)(b) pula ialah *impersonate or falsely represent himself to be or not to be the person whom the passport or internal travel documents has been duly issued*. Ini di bawah 12(1)(b). *Impostor*- penyamar. Pada tahun 2011 seramai lima orang, tahun 2012 seramai tujuh orang, tahun 2013 seramai 14 orang dan sehingga Mac 2014 seramai 13 orang. Jumlah keseluruhan tadi ialah seramai 18 orang pada tahun 2011, 13 orang pada tahun 2012, 32 orang pada tahun 2013 dan sehingga Mac 2014 seramai 68 orang.

Pecahan mengikut negara, Yang Berhormat, pun ada juga. Panjang dan banyak, Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir, Yang Berhormat, agaknya Yang Berhormat boleh beri jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat ini.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Secara bertulis. Ya, baik Yang Berhormat. Sebenarnya, saya ada 46 *nationalities* terlibat. Jadi, saya akan bagi secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Puas hati, Yang Berhormat? Terima kasih.

2. Puan Norliza binti Abdul Rahim minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, adakah kementerian mengkaji kemungkinan menggunakan sumber air bawah tanah sebagai alternatif bagi mengatasi kekurangan bekalan air semasa musim kemarau seperti mana yang dipraktikkan di kebanyakan negara di Scandinavia seperti negara Denmark yang terbukti berkesan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Puan Norliza. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRA) sememangnya sentiasa mengkaji kemungkinan menggunakan air bawah tanah sebagai sumber alternatif bagi mengatasi kekurangan atau kebergantungan kepada sumber air permukaan ataupun *surface waters*. Memandangkan air adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri mengikut Perlembagaan Persekutuan, justeru terpulang kepada kerajaan negeri untuk membangunkan air bawah tanah sebagai sumber air alternatif.

Walau bagaimanapun, NRA akan sentiasa memantau kerajaan negeri untuk mengenal pasti sumber air bawah tanah yang berpotensi untuk dibangunkan di samping membina telaga air untuk air

bawah tanah di *water stress areas*, dengan izin, seperti yang diamalkan sekarang. Kementerian juga bercadang untuk membuat kajian dan merangka pelan induk secara komprehensif bagi penggunaan air bawah tanah di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Sekian, terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab. Saya difahamkan baru-baru ini saya ada terbaca dalam satu akhbar BERNAMA yang mana kajian yang dibuat oleh seorang profesor dari Institut Pengurusan Sumber Alam Sekitar dan Air, UTM yang mana didapati kita mempunyai 5,000 bilion meter padu simpanan air di bawah tanah.

Jadi, saya rasa inisiatif kementerian untuk menggalakkan kita menggunakan air bawah tanah ini adalah sangat baik. Jadi, pertanyaan saya kepada kementerian. Adakah kementerian bercadang seperti di kawasan-kawasan pinggir bandar ataupun di kampung-kampung. Kita harus menggalakkan ataupun mewajibkan supaya dikorek perigi-perigi dan diberi sedikit insentif kepada kawasan-kawasan itu yang boleh mengguna atau membuat- mengorek paip bawah tanah supaya kita tidak perlu bergantung sangat kepada empangan-empangan. Jadi kalau di kawasan luar bandar kita boleh bergantung kepada sumber air bawah tanah. Mungkin di kawasan bandar sahaja yang perlu kita dapatkan sumber daripada empangan.

■1020

Jadi soalan saya yang kedua pula saya ingin bertanya kementerian ada juga menubuhkan Dasar Sumber Air Negara (DSAN) pada tahun 2012. Jadi saya ingin tahu apakah peranan dan kejayaan di bawah pertubuhan ini. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Norliza atas soalan tambahan. Yang pertama untuk air bawah tanah bagi kegunaan di pinggir bandar atau pun di luar bandar, di kampung-kampung memang diperlukan. Saya pun menggalakkan tetapi kajian rapi perlu dibuat kerana bukannya semua air di bawah tanah adalah bekalan bersih, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana banyak air di bawah tanah, akuifer-akuifer di bawah tanah mengandungi kualiti air yang tidak sebaiknya iaitu mengandungi logam berat seperti arsenik.

Arsenik ini adalah satu bahan logam berat yang amat beracun dan *World Health Organization* (WHO) memberi satu piawaian bahawa kalaulah air itu mengandungi 0.01mg/liter arsenik maka ianya boleh diguna pakai. Kalau lebih daripada itu ianya sudah beracun. Jadi kita tidak boleh pakai.

Kajian yang akan dibuat oleh Jabatan Mineral dan Geosains pada Rancangan Malaysia Kesebelas memangnya satu kaji selidik yang rapi dan yang akan buat perancangan dengan betul kerana kita perlu mengenal pasti ada dua faktor. Pertamanya, yang saya sebut tadi iaitu kandungan arsenik. Kandungan arsenik ini datang daripada batu *arsenian pyrite*. Lebih-lebih lagi kawasan yang ada emas di bawah tanah. Batu ini bercampur dengan batu emas.

Keduanya, mengenali kawasan yang mana nanti kita guna air panas, permukaan tanah itu mendap iaitu turun ataupun *subsidence*. Kalau permukaan tanah itu mendap atau pun turun ini bermakna paras tanah akan lebih rendah lagi. Jadi pada waktu hujan lebat ianya juga menghasilkan banjir. Jadi ini adalah dua faktor yang paling penting dalam kajian dan perancangan kita.

Majlis Sumber Air Negara sememangnya ada dan peranan Majlis Sumber Air Negara adalah untuk mengenal pasti sumber-sumber air yang sesuai untuk dirawat dan untuk diguna pakai. Ini kerana kalau air sungai itu tercemar, maka kos rawatan juga akan meningkat tinggi. Jadi syarikat yang membuat rawatan ini juga akan panjangkan kos ini kepada kita- pengguna. Jadi ini juga yang kita tidak mahu. Oleh itu kita selalu memastikan bahawa air yang diguna pakai atau dirawat adalah dari sungai yang bersih dan bukannya dari sungai yang tercemar. Di negara kita sekarang 59% sungai yang bersih. Yang lain-lainnya adalah sungai yang tercemar. Oleh itu peranan Majlis Sumber Air Negara ini adalah untuk mengenal pasti semuanya itu. Terima kasih.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik tentang soalan air yang kita bahaskan hari ini yang mana kita dapati tadi daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawasanya air yang kita lihat hari ini dibawa dari sungai sumbernya. Kemudian kita selalu bawa ke loji sebelum kita boleh edarkan kepada pengguna-pengguna. Akan tetapi sekarang ini loji air orang tidak sebut lagi. Sekarang ini orang sebut loji rawatan air. Itu bermakna air yang datang daripada sumber sungai yang kita dapati hari ini telah pun tercemar yang mana kita lihat negara kita dalam pembangunan hari ini banyak sampah yang dibuang di dalam sungai dan sebagainya.

Namun air yang telah dirawat itu pun saya kira kalau kita uji ketulenan dari segi kebersihan penggunaan air pun kita masih belum dapat mengatakan bahawa air itu betul-betul cukup bersih. Ini kerana air itu disalurkan ke rumah-rumah menggunakan paip-paip yang telah pun ditanam dan yang diguna pakai bertahun-tahun lamanya. Ini kerana kalau kita ambil air itu dan kita uji daripada loji rawatan, air memang dia boleh katakan totalnya dia telah pun dirawat dengan sepenuhnya bersih tetapi apabila kita ambil dari rumah yang telah disalur ke rumah, kita uji, kita dapati airnya kurang menepati sebagaimana ia berada di loji rawatan air.

Maka itu saya minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana cara untuk memastikan air ini bersih terus sampai ke rumah. Bagaimana pula tentang paip-paip yang telah pun kita guna pakai berpuluh-puluh tahun haruslah kita juga tukar dan gunakan paip yang baru supaya pengguna-pengguna atau rakyat negara kita dapat menggunakan air yang bersih sepenuhnya. Ini kerana air adalah punca penyakit buah pinggang. Kita dapati hari ini penghidap sakit buah pinggang di Malaysia bertambah dan pusat-pusat dialisis seluruh negara khususnya hospital-hospital kerajaan tidak mampu menanggung pesakit-pesakit buah pinggang. Itu yang saya minta jawapan dari pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator tentang air ini. Air yang dirawat di loji sememangnya sudah bersih tetapi apabila ia disalurkan melalui paip yang sudah uzur atau yang sudah lama, lebih 20 tahun dan sebagainya sampai ke rumah kita, ia bukan sahaja berwarna teh tarik tetapi berbau busuk juga.

Saya mengingati di kuarters kerajaan di Putrajaya. Memang begitu airnya. Ianya mengandungi bahan-bahan tanah juga dan mungkin mengandungi *ferric chloride* iaitu besi, kalau paip itu paip besi sebab ianya begitu lama. Ianya sudah pun berkarat. Oleh itu untuk memastikan bahawa dari loji sampai

ke rumah kita kalau disalurkan, paip itu perlu ditukar Tuan Yang di-Pertua, supaya air itu sentiasa bersih. Akan tetapi di rumah di Putrajaya memang macam itu. Saya tidak tau pula di rumah lain. Oleh itu saya tidak gunakan air itu untuk memasak. Saya gunakan air yang beli dalam satu tong itu. Itu yang saya guna pakai sebab yang saya takut adalah kandungan besi daripada paip yang sudah berkarat itu. Itu yang saya takut selain daripada plumbum yang mungkin ada juga di dalam air itu. Saya hanya menggunakan air itu untuk mandi sahaja. Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. So, sokong itu Yang Berhormat.

3. Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, kelebihan bentuk perniagaan baru yang dikenali sebagai Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) yang diperkenal pada Februari 2013 serta sejauh manakan penerimaan komuniti perniagaan dan kumpulan sasar berhubung pengenalan bentuk perniagaan ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain.

Bagi menjawab soalan yang ketiga, Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) adalah satu bentuk perniagaan baru yang diperkenalkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia iaitu SSM melalui penguatkuasaan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 iaitu Akta 743. Mulai pada 26 Disember 2012, Perkongsian Liabiliti Terhad diperkenalkan sebagai tambahan pilihan kepada bentuk perniagaan konvensional yang sedia ada iaitu pemilikan tunggal, perkongsian dan juga syarikat. Pengenalan PLT ini merupakan inisiatif daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif, kompetitif dan dinamik di negara ini agar ianya setanding dengan negara-negara maju.

■1030

PLT boleh ditubuhkan oleh mana-mana kumpulan perniagaan untuk menjalankan apa-apa perniagaan yang sah di sisi undang-undang dan kumpulan sasaran adalah golongan profesional perniagaan kecil dan sederhana, usaha sama iaitu *joint venture*, dengan izin, dan modal teroka *venture capital*. Di antara kelebihan PLT ialah ia memberikan status liabiliti terhad kepada pekongsi-pekongsi di mana tanggungjawab keberhutangan dan obligasi firma PLTN itu secara amnya ditanggung sepenuhnya oleh firma tersebut. Di samping itu keperluan pematuhan adalah lebih fleksibel yang mudah yakni tidak keperluan untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan, penyata kewangan yang tidak perlu diaudit, ini kelebihan dia dan diserahkan simpan dengan SSM serta memberi fleksibiliti kepada pekongsi-pekongsi PLT dalam membuat keputusan.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat, perundangan PLT ini menetapkan mekanisme kawalan yang mewajibkan setiap PLT menyediakan akaun untung dan rugi dan juga kunci kira-kira (*balance sheet*) dari semasa ke semasa bagi memberi gambaran yang benar dan adil tentang hal ehwal PLT itu. Selain itu PLT juga dikehendaki menyerahkan simpan satu perakuan tahunan kepada SSM dan

maklumat ini boleh diakses oleh pihak awam. PLT ini ialah perkara baru dan perundangan juga mempunyai mekanisme perlindungan yang mencukupi untuk memastikan kepentingan pihak ketiga berurusan dengan sesebuah PLT serta perkongsian juga dilindungi di mana seseorang pekongsi adalah bertanggungjawab bersama dengan PLT bagi membuat perbuatan salah laku ataupun peninggalan.

Sehubungan itu dengan keistimewaan dan manfaat PLT yang diberikan status liabiliti terhad, fleksibiliti *optimum*, prosedur dan keperluan pematuhan yang mudah, kos pentadbiran yang kurang berbanding sesebuah syarikat, PLT dijangka akan menjadi penyumbang kepada pertumbuhan perniagaan di Malaysia dan dapat menjadi negara ini sebuah pusat perniagaan yang dinamik dan berdaya maju.

Oleh sebab itu dalam usaha untuk menggalakkan penerimaan PLT ini, Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah melaksanakan pelbagai program promosi kerana ini perkara baru, baru Februari 2013 dan promosi ini memberi kesedaran dan telah disertai oleh semua pihak berkepentingan dalam kumpulan sasaran. Penerimaan komuniti perniagaan berhubung dengan perniagaan yang baru ini adalah menggalakkan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas penjelasan pada soalan ini. Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah mengemukakan satu cara dasar baru berkenaan PLT ini yang telah mula diperkenalkan pada Februari 2013. Cuma Dewan ini mengambil maklum, sehingga hari ini berapakah jumlah pendaftaran PLT sehingga hari ini dan dalam bentuk sektor utama mana yang PLT ini telah didaftarkan pendaftaran, jadi mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat seperti yang saya sebut awal tadi memang terdapat begitu respons yang menggalakkan dari individu dan kumpulan-kumpulan.

Untuk makluman bagi segi pecahan pendaftaran yang bermula pada 2013 sebanyak 1,440 PLT telah pun didaftarkan dan pada 2014 sehingga bulan Mac yang lalu sebanyak 541 PLT telah didaftarkan dan *insya-Allah* sehingga penghujung tahun 2014 ini mungkin jumlahnya lebih daripada tahun 2013 kerana telah pun mendapat respons yang cukup baik.

Untuk makluman Yang Berhormat juga iaitu pelbagai sektor yang telah didaftarkan di bawah PLT ini. Di antaranya ialah:

- (i) perkhidmatan perundingan pengurusan perniagaan;
- (ii) organisasi promosi atau pengurusan secara iaitu *organization promotion or management of event*;
- (iii) ada juga penjualan produk di internet;
- (iv) ada juga jualan produk melalui jualan langsung atau jualan pintu ke pintu;
- (v) restoran;
- (vi) perdagangan domestik dan antarabangsa;
- (vii) perkhidmatan perundingan pengurusan projek;

- (viii) perkhidmatan perundingan pengurusan harta;
- (ix) *franchisor* dan juga *franchisee* ; dan
- (x) lain-lain aktiviti perundingan pengurusan.

Inilah sektor-sektor yang telah didaftarkan pada tahun sudah dan tahun ini. Terima kasih.

4. **Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tentang apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan pusat untuk memulihkan projek-projek perumahan yang terbengkalai di Pulau Pinang semasa pemerintahan Barisan Nasional supaya bilangan perumahan mampu milik yang dijanjikan oleh BN dapat dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader bertarikh 24 April 2014 Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kedua-dua soalan yang dibangkitkan Tuan Yang di-Pertua ini adalah mengenai isu yang sama iaitu isu projek perumahan yang bermasalah ataupun kita panggil isu projek terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mengklasifikasikan projek pemajuan perumahan bermasalah kepada tiga kategori Yang Berhormat. Pertama lewat, kedua sakit dan ketiga ialah terbengkalai.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Mac 2014 kerajaan telah pun mengisytiharkan sebanyak 206 projek perumahan sebagai projek terbengkalai berdasarkan kepada peruntukan seksyen 11(ca) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan 1966) di bawah Akta 118. Hasil daripada inisiatif dan juga tindakan proaktif ini yang telah pun dilaksanakan yang telah pun dilaksanakan oleh Kementerian KPKT Yang Berhormat, maka daripada jumlah sebanyak 206 projek yang terbengkalai, kita telah berjaya memulihkan sebanyak 151 projek ataupun 73.3% daripada jumlah yang diisytiharkan terbengkalai telah berjaya disiapkan dan telah berjaya memberikan manfaat kepada 23,942 orang pembeli yang ada.

Selain daripada itu untuk makluman Yang Berhormat juga, di negeri Pulau Pinang sahaja Yang Berhormat terdapat sebanyak 14 projek terbengkalai. Saya sudah semak Yang Berhormat, tidak adalah sampai tempoh 15 tahun seperti yang dibahaskan oleh Yang Berhormat semalam. Daripada jumlah tersebut sebanyak 12 projek terbengkalai ataupun 85.72% telah pun berjaya disiapkan oleh kementerian dan berjaya dihuni oleh 4,503 orang pembeli rumah, di Pulau Pinang Yang Berhormat. Manakala dua lagi projek sedang dipulihkan oleh pihak kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, terbengkalainya sesuatu projek ia tidak ada kaitan dengan politik Yang Berhormat, sama sekali tidak ada kaitan dengan politik. Jadi saya harap Yang

Berhormat ambil maklum tentang perkara ini kerana sebaliknya ia adalah berpunca daripada pengurusan syarikat yang berkenaan, pengurusan syarikat yang tidak memuaskan dan selain daripada itu ialah keadaan ekonomi semasa, pasaran hartanah. Saya harap Yang Berhormat tidak akan menyebut kembali isu pembinaan perumahan rumah untuk rakyat yang memerlukan ini sebagai isu yang sengaja mahu dipolitikkan oleh Kerajaan Barisan Nasional terutamanya Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

■1040

Selain daripada itu Yang Berhormat, saya juga ingin memaklumkan, atas inisiatif inilah Yang Berhormat, kita tidak kira di negeri mana sekali pun oleh kerana keutamaan kepada Kerajaan Barisan Nasional dan Kerajaan Persekutuan ialah pembelaan kepada rakyat tidak kira negeri itu diperintah oleh pembangkang ataupun Kerajaan Barisan Nasional. Yang penting ialah kesejahteraan rakyat itu. Maka kerana itu, kementerian KPKT bergerak secara proaktif bagi membantu untuk meringankan segala beban yang ditanggung oleh rakyat akibat daripada projek yang terbengkalai ini.

Saya juga ingin memaklumkan, kemajuan projek perumahan ini Yang Berhormat, ia bergantung pada perancangan dan juga komitmen pemaju perumahan dalam melaksanakan sesuatu projek selain daripada beberapa perkara yang dah saya sebutkan kepada Yang Berhormat tadi. Di antara punca-punca yang menyebabkan kelewatan serta kegagalan sesuatu projek perumahan termasuklah di Pulau Pinang seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu ialah:

- (i) pengurusan pembinaan yang tidak efektif;
- (ii) ketidakstabilan kewangan pemaju syarikat;
- (iii) masalah teknikal yang ada di tapak;
- (iv) jualan kurang/tidak mendapat sambutan;
- (v) kurang kesedaran tentang tanggungjawab sebagai seorang pemaju yang berwibawa;
- (vi) bantahan yang terdapat daripada penduduk kawasan setempat;
- (vii) kenaikan harga bahan binaan;
- (viii) pelanggaran terma perjanjian antara pihak pemaju dengan kontraktor utama; dan
- (ix) perselisihan antara pemaju syarikat bersama-sama dengan tuan tanah yang ada.

Jadi bagi memudahkan rakyat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat termasuklah Yang Berhormat, kementerian turut memuat naikkan senarai-senarai projek yang bermasalah ini di dalam laman sesawang KPKT, www.kpkt.gov.my dan semua maklumat ini kita kemas kini setiap bulan. Jadi saya hendak menasihatkan kepada pembeli-pembeli, sebelum membeli sesuatu unit perumahan daripada mana-mana projek yang ada, sila layari *website* yang telah saya sebutkan tadi supaya pembeli dapat membuat pilihan yang baik terhadap projek-projek yang sihat, yang tidak ada masalah yang akhirnya akan memberikan masalah dan derita kepada pembeli-pembeli.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang serius tentang permasalahan yang dihadapi oleh semua pembeli terutama kepada projek-projek terbengkalai. Bukan sahaja di negeri Pulau Pinang Tuan Yang di-Pertua tetapi di seluruh negara. Sehubungan dengan itu, kementerian KPKT telah pun mengambil beberapa inisiatif atau langkah pendekatan untuk menangani masalah-masalah projek terbengkalai daripada berlaku pada masa-masa yang akan datang.

Pertamanya ialah Jabatan Perumahan Negara di bawah kementerian KPKT telah pun mengenal pasti pemaju-pemaju yang berkeupayaan dan berpengalaman, kita panggil *wide necks*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk kita mengambil alih semua projek pemulihan bagi projek-projek perumahan swasta yang terbengkalai. Projek-projek yang kita ambil alih ini Yang Berhormat ialah projek-projek terbengkalai oleh pihak swasta iaitu projek-projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah.

Jadi jangan Yang Berhormat tanya kalau rumah yang harga mahal untuk orang yang berkemampuan macam mana, adakah kerajaan akan mengambil alih? Tidak. Pihak kementerian akan mengambil alih untuk kita memulihkan dua projek terbengkalai yang terdiri daripada projek perumahan kos rendah dan projek perumahan kos sederhana rendah yang dibangunkan oleh syarikat swasta.

Seterusnya ialah untuk kita melaksanakan pemulihan projek-projek swasta terbengkalai ini melalui peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Peruntukan ini adalah bagi menampung tambahan kepada kos untuk memulihkan sesuatu projek yang telah dikenal pasti dan yang boleh mengisytiharkan sesuatu projek terbengkalai ini ialah Yang Berhormat Menteri. Bukan maknanya kalau ada projek terbengkalai, kita akan kata ini projek terbengkalai. Yang akan mengisytiharkan sesuatu projek itu sebagai projek terbengkalai adalah di bawah kuasa Yang Berhormat Menteri.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga bekerjasama dengan Jabatan Insolvensi Malaysia dan juga pelikuidasi swasta bagi membantu projek-projek perumahan terbengkalai dan pihak kementerian KPKT akan bertindak sebagai mediator bagi membantu pelikuidasi dan juga kontraktor penyelamat untuk berhubung dengan pihak berkuasa tempatan dan semua agensi teknikal serta pihak pembiaya iaitu institusi kewangan.

Seterusnya mengenakan tindakan pendakwaan dan kompaun, bukan suka-suka. Kalau hendak buat projek untuk rakyat Yang Berhormat, mesti pastikan yang syarikat adalah syarikat yang berkeupayaan dan pemaju adalah pemaju yang berwibawa. Sekiranya pemaju mengambil sikap sambil lewa hanya untuk mengaut keuntungan, maka kementerian akan mengenakan tindakan pendakwaan dan juga kompaun ke atas mana-mana pemaju yang tidak mematuhi peruntukan dan juga mana-mana peraturan yang terkandung dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996 di bawah Akta 118.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga mengambil tindakan untuk menyenaraihitamkan semua pemaju yang menyebabkan projek-projek perumahan terbengkalai dan bukan sahaja pemaju-pemaju yang disenaraihitamkan Yang Berhormat, termasuklah ahli-ahli lembaga pengarah kepada syarikat yang telah menyebabkan projek itu terbengkalai.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga amat serius, bukan setakat beberapa perkara yang saya maklumkan kepada Yang Berhormat tadi, termasuk juga telah pun membuat pindaan kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996 [Akta 118] yang dijadualkan akan dikuatkuasakan secara bersekali dengan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] dan bersama dengan Akta Hakmilik Strata (Pindaan) 2013 [Akta 318]. Saya harap Yang Berhormat faham tentang tindakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat berpuas hati dengan jawapan yang diberi. Maka, tiadalah soalan tambahan. Jawapan ini saya akan kemukakan kepada kelompok-kelompok yang suruh saya timbulkan soalan ini di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat, jawapan pun baik, soalan Yang Berhormat pun bertanggungjawab. Bagus. Seterusnya... Oh, ada hendak bertanya? Saya silakan orang Pulau Pinang lah, Yang Berhormat Puan Norliza.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada pihak menteri yang menjawab begitu holistik secara menyeluruh. Cuma saya ingin meminta pandangan kepada pihak kementerian, sekiranya saya ingin bercakap ini khusus di Pulau Pinang sebab saya juga mendapat aduan daripada pemaju-pemaju di Pulau Pinang yang amat-amat berhasrat untuk membina rumah mampu milik di Pulau Pinang tetapi masalah yang kita hadapi, apabila kita masuk pelan perancangan dan pelan bangunan, ianya memakan masa sehingga setahun, dua tahun untuk mendapatkan kelulusan. Jadi saya rasa tempoh masa yang panjang ini boleh menyebabkan projek kita terbengkalai juga disebabkan pemprosesan yang lama, tanah dah dibeli, *holding cost* kepada pemaju.

Jadi saya ingin bertanya sama ada kementerian boleh membuat pemantauan atau bolehkah ada *website* yang pemaju pula boleh membuat aduan mengenai kes-kes ini? Perlukah kita wujudkan *one-stop centre* dalam pemprosesan pelan supaya ianya boleh diluluskan dalam tempoh masa yang lebih singkat. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, bagi sesuatu perancangan pembangunan pemajuan, urusan termasuklah permohonan kepada kebenaran merancang, ia termasuk ke dalam proses yang perlu dimohon melalui pihak berkuasa tempatan. Jadi saya harapkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang Yang Berhormat, tolonglah balik beritahu dengan Ketua Menteri supaya mengambil berat tentang masalah-masalah yang telah dikemukakan oleh pemaju-pemaju perumahan yang ada. Ini yang hendak membina rumah mampu milik untuk rakyat di Pulau Pinang Yang Berhormat, selain daripada tunggu perancangan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Sepatutnya di semua peringkat pihak berkuasa tempatan, dah ada OSC nya. Di semua peringkat pihak berkuasa tempatan, ada *one stop centrenya*. *One-stop centre* ini Yang Berhormat, akan membantu kepada pemaju-pemaju perumahan supaya permohonan-permohonan yang perlu dilaksanakan akan diuruskan dan dipermudahkan urusan itu tanpa meninggalkan mana-mana

peraturan dan syarat yang perlu dikenakan. Jadi saya harap selepas ini mungkin tidak ada masalah agaknya. Saya nampak Yang Berhormat tadi angguk kepada saya Tuan Yang di-Pertua.

■1050

Tuan Yang di-Pertua terima kasihlah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana akan membantu menyelesaikan masalah pemaju perumahan di Pulau Pinang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

5. **Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan penglibatan belia dan beliawanis kaum India untuk turut serta dalam agenda pembangunan negara di mana golongan ini dilihat tercicir dalam arus pembangunan negara menuju negara berpendapatan tinggi dalam tempoh yang terdekat ini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah yang telah diambil oleh kementerian dalam meningkatkan penglibatan belia dan beliawanis kaum India untuk turut serta dalam agenda pembangunan negara adalah menyediakan latihan kemahiran secara formal di IKBN dan latihan jangka pendek secara tidak formal di luar IKBN.

Tuan Yang di-Pertua, satu langkah khusus telah dan sedang dilaksanakan di peringkat kementerian untuk belia India iaitu melalui Program Latihan dan Kemahiran di IKBN yang menawarkan pelbagai bidang latihan dengan menggunakan peruntukan khusus Program Kemahiran Belia India di bawah Pakej Rangsangan Khas.

Program ini adalah bagi memastikan golongan belia India mendapat akses pendidikan latihan teknikal dengan lebih teratur dan *inclusive* ke arah meningkatkan taraf hidup mereka. Ini adalah lanjutan dari ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2013. Pelaksanaan program ini adalah di bawah penyelarasan pengurusan petugas khas pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri. Ia adalah antara program yang dilaksanakan secara NBOS ataupun *National Blue Ocean Strategy*, dengan izin yang mana turut melibatkan beberapa kementerian iaitu Kementerian Sumber Manusia sebagai urus setia program dan Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dalam hal ini, KBS telah menyediakan peluang latihan kemahiran dengan menawarkan pelbagai bidang latihan kemahiran seperti teknologi minyak dan gas, teknologi automatif, teknologi hospitaliti, teknologi awam dan sebagainya dan mempunyai permintaan tinggi dan lebih peluang pekerjaan. Persijilan yang ditawarkan antaranya adalah:

- (i) Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 hingga 3;
- (ii) sijil *American Welding Society*, dengan izin; serta
- (iii) sijil *Health and Safety Environment*.

Bagi tahun 2013, seramai 110 pelajar India telah berpeluang mengikuti program ini dengan mengikuti latihan kemahiran peringkat sijil dan diploma di IKBN seluruh negara. Manakala, sepanjang tahun 2014 dijangka seramai 120 pelajar belia India akan mendapat manfaat dari pelaksanaan. Walau

bagaimanapun, baru-baru ini Jawatankuasa Kabinet di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat telah memutuskan pengambilan di IKBN seluruh negara keseluruhan 7.5% di mana ia akan meningkat daripada sasaran awal seramai 120 pelajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerajaan turut meluluskan peruntukan sebanyak RM37 juta melalui Yayasan NAAM bagi tahun 2014 dan 2015 untuk Program Pembangunan Sosioekonomi Belia India. Kerajaan juga telah melantik Menteri-menteri di kalangan kaum India bagi memantau pembangunan sosioekonomi kaum India. Belia India juga digalakkan untuk menyertai Pertubuhan-pertubuhan Belia India seperti Majlis Belia India Malaysia (MIYC), Kelab Bell Belia Tamil, *Hindu Youth Organization* (HYO) ataupun dengan penyertaan dalam pertubuhan belia, pergerakan belia dapat diaktifkan dan ianya memberi sumbangan kepada negara. Keadaan ini menunjukkan bahawa belia India tidak tercicir dalam sama-sama mengharungi arus pembangunan negara menuju ke arah berpendapatan tinggi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan seterusnya Yang Berhormat S. Bagiam.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang mantap tadi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah merombak kembali Jawatankuasa Kabinet bagi memperkasakan kedudukan ekonomi kaum India secara lebih komited dan efisien.

Persoalannya adalah setakat mana komitmen yang dipamerkan oleh kementerian-kementerian yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam merealisasikan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita memandangkan kementerian adalah mekanisme pelaksana tunjang dalam memperkasakan ekonomi belia India di negara kita? Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan tadi. Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet yang di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah ditubuhkan pada tahun 2009 untuk memastikan masyarakat India khususnya golongan belia tidak tercicir daripada arus pembangunan negara.

Dari segi komitmen ini adalah julung kali kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menunjukkan penubuhan Jawatankuasa Kabinet itu sendiri telah menunjukkan komitmen Perdana Menteri dan kerajaan terhadap pembangunan masyarakat India di negara ini. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengagihkan kerja-kerja ataupun tanggungjawab kepada menteri-menteri daripada masyarakat India di mana telah dibahagikan kepada empat skop. Di antaranya ialah Yang Berhormat Datuk Seri G.Palanivel, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, sahabat saya Yang Berhormat Tuan P. Kamalanathan dan saya sebagai Timbalan Menteri Belia dan Sukan.

Mungkin saya tidak dalam situasi untuk menjawab bagi pihak yang lain tetapi dari segi skop Kementerian Belia dan Sukan telah menentukan tiga skop utama iaitu yang pertama memastikan pengambilan belia-belia India di semua IKBN, Institut Latihan Kemahiran Belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan dengan sasaran 7.5% bagi tahun 2014.

Kedua, latihan kemahiran untuk belia-belia yang tercicir. Mereka yang tidak layak untuk memasuki IKBN kerana mereka tidak dapat menyambung pendidikan dan sebagainya, mungkin latihan khas untuk mereka melalui Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Sumber Manusia.

Ketiga, skop yang ketiga membantu masyarakat India khususnya golongan belia dalam bidang pertanian dan penternakan di bawah Yayasan NAAM dan Kementerian Pertanian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengemukakan soalan tambahan. Saya ingin tahu, selain daripada komponen-komponen teknikal yang diberikan kepada belia-belia India yang mengikuti pelbagai latihan ini, apakah komponen-komponen berkenaan perpaduan pembinaan negara bangsa dan patriotisme yang diberikan dalam latihan-latihan itu? Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya sebutkan tadi kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan RM37 juta. Ini julung kali satu peruntukan yang begitu banyak telah diluluskan untuk pembangunan masyarakat belia India. RM37 juta ini bukan sahaja hanya untuk latihan kemahiran tetapi termasuk kursus-kursus khas dan latihan-latihan khas untuk memberi ciri-ciri kepimpinan, patriotisme dan sebagainya.

Maka Yayasan NAAM akan menguruskan program-program di kalangan masyarakat India untuk memastikan mereka mendapat ciri-ciri kepimpinan dan semangat patriotisme terhadap negara.

6. To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah peranan kerajaan di dalam melindungi rakyat yang telah ditipu atau diperdaya semasa urusan jual beli secara ansuran dengan dikenakan pelbagai caj tambahan yang tidak dimaklumkan oleh peniaga. Adakah terdapat sebarang peraturan yang boleh melindungi rakyat di dalam hal ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun. Menjawab soalan Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah menguatkuasakan peraturan-peraturan perlindungan pengguna iaitu jualan kredit 2012 pada 1 Oktober 2012 bertujuan untuk melindungi pengguna yang membuat urus niaga secara kredit atau secara ansuran daripada terpedaya dengan dikenakan pelbagai bentuk caj tambahan.

Peraturan ini telah mewajibkan penjual dan pemberi kemudahan kredit memaklumkan kepada pengguna secara lisan dan bertulis mengenai beberapa maklumat penting sebelum urus niaga secara kredit dilaksanakan seperti kadar faedah yang dikenakan, jumlah harga barangan termasuk faedah, caj sampingan, caj bayaran lewat dan formula pengiraannya.

■1100

Selain itu, peraturan ini juga telah menetapkan beberapa perkara seperti berikut:

- (i) tidak membenarkan penjual ataupun pembeli menerima, memberi kemudahan kredit mengenakan lebih dari satu fi pemprosesan dokumen bagi pembelian melebihi satu barangan dengan satu transaksi;
- (ii) kadar faedah tidak boleh diubah selepas perjanjian jualan kredit ditandatangani;
- (iii) pengguna tidak boleh dikenakan sebarang bentuk fi jika permohonan kredit tidak diluluskan; dan
- (iv) pengguna tidak boleh dikenakan penalti jika membuat penyelesaian awal pembayaran.

Untuk makluman Yang Berhormat, pengguna boleh membuat aduan sekiranya terdapat penjual ataupun pemberi kemudahan kredit yang tidak mematuhi peraturan-peraturan ini kepada kementerian melalui aduan atau boleh menghubungi *hotline* 1800 886 800 atau memfailkan tuntutan di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia. Terima kasih.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab secara tepat. Sebagaimana yang diketahui, kerajaan telah punewartakan Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna Jualan Kredit 2012 pada 30 Mac 2012. Bagaimanapun pengguna khususnya suri rumah ramai yang dibelenggu dengan hutang terutamanya dengan peniaga asing.

Suri rumah yang kurang mampu khususnya biasanya ramai yang berminat untuk membeli sesuatu barangan yang diinginkan secara tunai biasanya mudah digula-gulakan oleh peniaga-peniaga asing dengan menawarkan ansuran mudah tetapi barangan yang dijual ini dengan harga yang tinggi.

Soalan tambahan saya, apakah langkah kerajaan bagi mengawal harga barangan yang dijual secara ansuran ini dan setakat mana penguatkuasaan oleh pihak kementerian kerana langkah tadi nampaknya Yang Berhormat telah pun sebahagiannya menjawab dan apakah langkah kerajaan mengawal peniaga asing ini seperti dari Pakistan, Bangladesh, Afrika dan India yang menjual pelbagai barangan seperti tekstil, pakaian, dompet, tali pinggang dan permaidani, begitu juga termasuk peralatan-peralatan termasuklah penapis air secara langsung dari rumah ke rumah di negara kita ini tanpa lesen yang secara langsung menjejaskan peniaga tempatan.

Saya ingin tahu juga adakah KPDNKK telah memperoleh maklumat syarikat-syarikat atau individu-individu yang telah disenaraihitamkan dalam kes penipuan ini. Jika ada, saya mencadangkan supaya ia dipamerkan dan dimaklumkan kepada awam supaya dapat membanteras secara berleluasa penipuan ini secara berterusan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Toh Puan Hajah Zaitun mengenai soalan tambahan. Seperti saya sebut pada awal tadi Yang Berhormat, memang kita sepatutnya menjadi pengguna yang bijak untuk membuat pilihan. Akan tetapi, kadang-kadang oleh kerana kita hendak mendapat sesuatu barangan dengan agak begitu mudah, maka kita akan terjerat dengan masalah-masalah Yang Berhormat sebut tadi.

Jadi sebab itu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, kita mengadakan pemeriksaan berkala terutama di syarikat-syarikat yang menjual jualan barang secara kredit yang saya sebutkan tadi. Contohnya di Courts Mammoth, Singer dan sebagainya.

Jadi itu bagi syarikat-syarikat yang sedia ada. Akan tetapi, bagi segi individu Yang Berhormat sebutkan tadi, itu menjadi tanggungjawab pengguna supaya mesti berhati-hati kerana sekarang ini memang terdapat aduan-aduan daripada pengguna mengenai dengan individu-individu yang menjual barang-barang secara langsung kepada pengguna kadang-kadang di luar dari premis-premis yang telah ada tetapi mereka menjual di kawasan-kawasan lapang dan sebagainya.

Jadi ini bergantung kerana peniaga asing ini seperti yang saya sebut tadi, peraturan ini hanya tertakluk kepada peniaga dan juga syarikat yang sedia ada yang berdaftar dengan kerajaan. Penjual asing ini ataupun pendatang asing ini adalah merupakan di bawah kawalan selia mungkin kementerian lain tetapi kita juga ambil pandangan daripada Yang Berhormat untuk kita mengadakan pemeriksaan daripada semasa ke semasa iaitu jualan secara langsung.

Untuk maklumat Yang Berhormat, buat masa ini tidak ada kes yang disenaraihitamkan mengenai dengan aduan-aduan yang dibuat dan kita harap supaya pengguna dapat membantu kita supaya menjadi pengguna yang bijak kerana dalam keadaan ini ataupun dalam tempoh yang terdekat ini Yang Berhormat, musim-musim perayaan akan menjelang dan mungkin tawaran-tawaran yang akan disediakan oleh syarikat-syarikat begitu memikat pengguna-pengguna.

Kita harap pengguna-pengguna ini akan ambil perhatian supaya tawaran-tawaran istimewa yang akan ditawarkan menjelang musim-musim perayaan ini harus diberi perhatian kerana kita tidak mahu diambil kesempatan oleh syarikat-syarikat dan menganiaya pengguna. Saya lebih memahami kerana syarikat juga hendak supaya mereka lebih banyak pelanggan ataupun pengguna yang membeli barangan di syarikat-syarikat mereka. Oleh sebab itu kita hendak supaya kedua-dua pihak iaitu peniaga dan juga pengguna mesti dapat membantu di antara satu sama lain bagi menangani masalah Yang Berhormat sebut tadi. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu, ada tak tentang usaha daripada kementerian ini ataupun kementerian yang lain untuk memastikan bahawa penjaja-penjaja ini adalah penjaja-penjaja yang datang ke negara ini secara halal atau pernahkah ini dilakukan untuk memastikan bahawa penjaja-penjaja itu bukannya PATI, bukannya pendatang-pendatang tanpa izin?

Saya tahu ini bukan secara langsung tanggungjawab kementerian ini tetapi kerana kegiatan yang dilakukan iaitu menjaja rasanya ada kena mengena. Jadi barangkali memerlukan kerjasama di antara kementerian ini dan Kementerian Dalam Negeri untuk memastikan bahawa yang berjaja itu adalah bukan individu-individu yang masuk ke negara ini tanpa izin. Terima kasih.

Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai dengan soalan tambahan, memang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, kita menyelia syarikat-syarikat asing yang berdaftar dengan syarikat dan juga pihak

kementerian. Contohnya, macam *Tesco*, *AEON BiG* dan sebagainya. Jadi ini syarikat-syarikat asing yang di bawah kelolaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

Mungkin individu ataupun penjaja-penjaja asing yang disebut oleh Yang Berhormat tadi akan melibatkan juga kementerian-kementerian yang lain iaitu Kementerian Dalam Negeri dan kita akan bekerjasama supaya memastikan orang-orang asing, pendatang-pendatang asing ini tidak mengambil kesempatan terutamanya untuk menjalankan perniagaan secara langsung di kawasan-kawasan tertentu.

Jadi itu akan kita mendapat kerjasama dan *insya-Allah* kita hendak memastikan supaya penjaja dan juga PATI ini tidak dapat menjalankan perniagaan tetapi ia berada di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri. Akan tetapi, *insya-Allah* penguat kuasa daripada kementerian akan mengadakan operasi secara berkala bersama-sama dengan agensi-agensi lain untuk kita, contohnya dengan imigresen, Polis Diraja Malaysia dan juga lain-lain untuk kita menangani masalah penjaja-penjaja yang secara individu ini menjual begitu berleluasa di kawasan-kawasan lapang di dalam negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya silakan pertanyaan nombor 7, Datuk Chiu Tiang Chai.

■1110

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Tuan Yang di-Pertua, Datuk Chiu meminta saya untuk wakilkan beliau.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri ada sini? Kalau Yang Berhormat Menteri ada, silakan.

Datuk Seri Ibrahim bin Kader: Soalan Datuk Chiu adalah soalan nombor 7.

7. **Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader** [*Di Bawah P.M. 23(2)*] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, adakah kementerian berpandangan agar Majlis Sukan Negara (MSN) perlu dirombak fungsinya dengan penambahan bidang kuasa sekali gus membenarkan badan induk sukan ini mencampuri urusan operasi dan pengurusan bagi membantu mana-mana badan sukan yang terus menunjukkan prestasi yang merudum di sebalik peruntukan yang diterima setiap tahun.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih pada Ahli Yang Berhormat walaupun Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan ini. Atas soalan...

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan kalau sekiranya dia minta bantuan. Kalau semalam dia tidak memberi apa-apa bantuan daripada mana-mana pihak, saya tidak benarkan. Akan tetapi kalau dia sudah beritahu, saya benarkan. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih atas soalan mengenai Majlis Sukan Negara sama ada perlu dirombak dari fungsinya untuk menambahkan bidang kuasa dan segalanya. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kementerian berpuas hati dengan prestasi Majlis Sukan Negara setakat ini dengan kekangan dan kekurangan yang sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat, secara dasarnya Majlis Sukan Negara ataupun MSN telah pun diperkukuhkan dengan akta yang cukup relevan dalam menyelaras pembangunan sukan prestasi tinggi khususnya dibuat masa ini.

Ini meliputi fungsi MSN yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras kegiatan yang berkaitan dengan sukan dalam agensi bukan kerajaan ataupun NGO. Badan-badan sukan yang mentadbir sukan di Malaysia ialah sebuah entiti NGO yang bernaung di bawah Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dan badan sukan antarabangsa. Di bawah peraturan dan garis panduan *Olympic Charter*, tidak boleh ada mana-mana kerajaan mencampuri urusan operasi dan pengurusan persatuan sukan. Jika sekiranya ia terjadi dan dilaporkan kepada badan dunia tersebut, atlet ataupun pasukan negara boleh digantung daripada mengambil bahagian di mana-mana pertandingan antarabangsa. Sekiranya fungsi Majlis Sukan Negara dirombak sekalipun, bidang kuasa yang ada tetap secara terhad.

Kementerian melalui Majlis Sukan Negara sentiasa berusaha untuk memastikan agar semua program latihan yang dirancang melalui kerjasama yang erat bersama Persatuan Sukan Kebangsaan dan agensi pelaksana yang lain dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan bagi meningkatkan prestasi sukan di negara ini. Di samping itu bantuan dan khidmat nasihat juga disediakan bagi menjadikan pengurusan pentadbiran Persatuan Sukan Kebangsaan lebih profesional. Di dalam memastikan Persatuan Sukan Kebangsaan melaksanakan tanggungjawab mengikut perlembagaan masing-masing. Kementerian Belia dan Sukan telah menubuhkan Pejabat Pesuruhjaya Sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan 1957 dengan melantik Pesuruhjaya Sukan bagi mengambil alih peranan yang dijalankan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) sebelum ini yang bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan pembangunan serta pentadbiran sukan di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Datuk Megat.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang telah disampaikan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan kuasa-kuasa yang mungkin ada, yang diperuntukkan kepada Yang Berhormat Menteri ataupun Majlis Sukan Negara berkenaan Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) yang dilihat hari ini yang mungkin ada sebahagian Persatuan Sukan Kebangsaan ini yang tidak mampu lagi untuk melahirkan atlet, mungkin kerana ada krisis dalaman mereka yang tertentu. Akan tetapi ia tidak menyeluruh. Mungkin ada satu, dua Persatuan Sukan Kebangsaan.

Sebelum ini kita tahu Yang Berhormat Menteri dan juga Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara telah memberikan perhatian yang cukup baik kepada Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan. Mungkin boleh ditambah sedikit kuasa yang boleh membenarkan Yang Berhormat Menteri ataupun Pesuruhjaya Sukan Malaysia untuk membantu mengurus tadbir mana-mana Persatuan Sukan Kebangsaan yang dilihat bermasalah. Mungkin ada beberapa yang telah pun tidak menjelaskan

perbelanjaan-perbelanjaan mereka dengan secara yang lebih telus dan ini kerana melibatkan wang rakyat dan kepentingan rakyat ada di situ.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan tambahan Yang Berhormat apa dia?

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Jadi bagaimanakah mungkin boleh difikirkan oleh kementerian? Mungkin ada kuasa-kuasa yang boleh ditambah melalui kuasa Yang Berhormat Menteri ataupun Pesuruhjaya Sukan bagi menangani masalah-masalah PSK yang saya sebutkan tadi. Jadi, mohon pandangan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Belia dan Sukan melalui MSN tiada masalah dengan badan-badan sukan di negara ini kecuali satu atau dua. Memang saya setuju ada juga masalah daripada segi pentadbiran dan pengurusan. Akan tetapi segala masalah ini diuruskan secara berhemah untuk mengatasi. Walau bagaimanapun, pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian akan mengkaji kerelevanan, sekiranya perlu kita ambil langkah-langkah yang positif untuk mengatasi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya persilakan pertanyaan yang kelapan Yang Berhormat Puat Bathmavathi.

8. Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, adakah sebarang kemudahan atau keistimewaan yang diberikan kepada golongan OKU yang ingin membeli rumah di bawah skim perumahan PPR dan juga skim lain seperti Skim Rumah Pertamaku dan Skim Rumah Mudah Milik.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi kerana soalan Yang Berhormat ini Tuan Yang di-Pertua, dia mewakili kepentingan rakyat golongan orang kurang upaya. Terima kasihlah kepada kerajaan kerana telah melantik seorang wakil bagi membangkitkan suara daripada rakyat yang perlukan pembelaan. Tuan Yang di-Pertua, perumahan bukan saja berperanan sebagai komponen guna tanah utama dalam sesebuah bandar malah turut memainkan peranan sebagai sektor utama yang menjana dan juga memacu pembangunan.

Pembangunan industri harta tanah dan juga pertumbuhan ekonomi di peringkat tempatan dan negara. Sektor ini Tuan Yang di-Pertua, telah pun mengalami beberapa perubahan pemikiran dan juga matlamat dari semasa ke semasa daripada melihat perumahan itu sebagai suatu tempat tinggal sahaja, *shelter*, kepada memastikan perumahan yang disediakan ini mencukupi dan mampu dimiliki oleh pelbagai golongan masyarakat. Termasuklah golongan orang-orang kurang upaya, sehinggalah kepada keperluan untuk menikmati persekitaran perumahan yang kondusif, selesa, berkualiti, selamat dan juga harmoni.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai hasrat yang tersebut, kerajaan dalam usaha untuk menyediakan perumahan kepada rakyat, tidak pernah meminggirkan mana-mana golongan rakyat. Kerajaan tidak pernah meminggirkan negeri-negeri yang diperintah oleh pembangkang, inikan pula rakyat yang perlu dibela iaitu rakyat golongan kurang upaya. Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun memperuntukkan sebanyak 1% daripada jumlah PPRT yang kita sediakan, yang dibina oleh Jabatan Perumahan Negara untuk golongan orang kelainan upaya ataupun untuk golongan orang kurang upaya yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan OKU.

Unit-unit ini dilengkapi dengan kemudahan bilik air yang bersaiz lebih besar supaya mudah kerusi roda keluar masuk daripada bilik air dan turut dilengkapi dengan *handrail*. Kemudian kemudahan yang lain yang disediakan seperti penyediaan rem, kemudahan butang *Braille* dalam lif, *handrail* dan lain-lain kemudahan yang diperlukan oleh orang-orang kurang upaya ini.

Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, pemilikan rumah PPR oleh golongan orang kurang upaya sama ada melalui penyewaan ataupun melalui penjualan iaitu pemilikan, sememangnya golongan OKU ini akan diberikan keutamaan terlebih dahulu oleh pihak kementerian. Walau bagaimanapun, harga yang ditawarkan Yang Berhormat, adalah sama dengan penyewa dan pembeli lain iaitu kalau sewa pada kadar RM124 di Semenanjung dan kalau di Sabah dan Sarawak Tuan Yang di-Pertua sebanyak RM150 serta dijual pada kadar RM35,000 di Semenanjung dan kalau di Sabah dan Sarawak harga jualan ialah RM42,000.

Harga kos bagi sebuah unit PPR ini Tuan Yang di-Pertua ialah sebanyak RM160,000 dan kalau kita jual RM35,000 Yang Berhormat, maknanya pihak kerajaan menanggung kos RM125,000 bagi menyediakan perumahan mampu milik kepada rakyat yang memerlukan. Bagi makluman Yang Berhormat juga, saya ingin memaklumkan walaupun Syarikat Perumahan Negara ini di bawah Kementerian Kewangan tetapi maklumat yang saya dapati daripada SPNB ini Tuan Yang di-Pertua, SPNB juga memberikan keutamaan melalui Kementerian Kewangan kepada OKU untuk memiliki rumah di bawah Program Rumah Mampu Milik (RMM) dan SPNB menawarkan potongan sebanyak 20% bagi pembeli dan golongan OKU dan juga untuk rumah-rumah kos rendah dan sederhana rendah di bawah program-program yang disediakan oleh SPNB.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, rumah merupakan keperluan asas sosial dan menjadi hak kepada setiap rakyat untuk memiliki rumah sendiri yang berkualiti dan yang mampu dimiliki.

■1120

Bagi memudahkan golongan OKU melalui langkah perundangan atau garis-garis panduan yang disediakan, kementerian KPKT telah pun memasukkan keperluan kemudahan penyediaan akses kepada OKU yang telah pun digariskan di dalam seksyen 3(4)(a) dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 yang mewajibkan kepada semua bangunan awam untuk menyediakan akses bagi membolehkan OKU memasuki, berada dan keluar di dalam mana-mana bangunan serta menyediakan kemudahan-kemudahan untuk kegunaan OKU.

Tuan Yang di-Pertua, keperluan UKBS ini adalah selaras dengan piawaian yang dikeluarkan oleh Jabatan Standard Malaysia melalui SIRIM.

Bagi memudahkan pelaksanaan keperluan penyediaan kemudahan akses kepada golongan orang-orang kurang upaya melalui pihak berkuasa tempatan, KPKT juga telah mengeluarkan dua garis panduan yang boleh diguna pakai oleh pihak berkuasa tempatan.

Pertama, Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat ataupun *Universal Design*, dengan izin, di bawah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Kedua, *Guidelines on Building Requirement for Disable Person*, dengan izin. Garis panduan ini Tuan Yang di-Pertua, telah pun dikemukakan kepada semua pihak berkuasa negeri dan untuk dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan.

Bagi makluman Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun mengadakan perjumpaan dengan Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi pada 15 April yang lalu dari jam 10 pagi sehingga jam 2 petang. Yang Berhormat datang ke pejabat saya untuk mendapatkan taklimat dan telah pun membincangkan tujuh isu besar yang berkaitan dengan keperluan golongan orang kurang upaya dalam pemilikan rumah yang ada. Tujuh perkara yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat itu telah diambil secara berat untuk dilaksanakan dan dipertimbangkan secara berperingkat oleh pihak kementerian.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meyakinkan kepada Yang Berhormat. Jangan bimbang Yang Berhormat, kerana Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mewujudkan Jawatankuasa Audit Akses OKU di mana pemantauan dibuat oleh kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara ke atas mana-mana projek di bawah peruntukan KPKT kepada PBT seperti untuk melaksanakan penambahbaikan tandas, letak tempat kereta dan sebagainya. Contohnya, sistem pemantauan ini, pengauditan ini dijalankan secara rawak.

Contohnya, di Majlis Perbandaran Nilai baru-baru ini kita telah pun mengadakan audit penambahbaikan bagi kemudahan tandas dan juga keperluan-keperluan yang mesra kepada OKU. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, dalam *indicator star ratings* yang kementerian KPT berikan kepada pihak berkuasa tempatan, antara salah satu daripada *indicator* yang memberikan markah kepada pihak berkuasa tempatan ialah kepada mana-mana pihak berkuasa tempatan yang melaksanakan dan memberikan keutamaan kepada kemudahan-kemudahan OKU di mana-mana bangunan pihak berkuasa tempatan. Secara tidak langsung Tuan Yang di-Pertua, ini akan menggalakkan pihak berkuasa tempatan untuk mengambalnya secara serius dan tidak mengambil mudah dalam pelaksanaan kemudahan tersebut bagi golongan orang-orang kurang upaya.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya berharap mudah-mudahan dengan urusan yang berterusan yang dilakukan oleh pihak kementerian dan pertemuan berkala antara pihak saya dengan pihak Yang Berhormat yang mewakili kepentingan golongan orang kurang upaya yang telah dijanjikan akan diadakan setiap empat bulan, *insya-Allah* saya ingin menyatakan dan juga ingin menyeru kepada semua, terutama kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya menentukan pelaksanaan kepada mana-mana garis panduan yang telah pun dikeluarkan kepada pihak berkuasa tempatan dan juga memberikan keutamaan kepada mana-mana projek PPR yang bukan sahaja dibangunkan oleh kementerian, termasuk juga yang dibangunkan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada soalan tambahan Yang Berhormat Puan Bathmavathi?

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang begitu detil, begitu terperinci dan komprehensif. Soalan tambahan saya, antara projek rumah mampu milik yang disediakan oleh syarikat swasta, adakah syarat-syarat yang dikenakan kepada syarikat-syarikat tersebut untuk mengagihkan 1% daripada unit-unit rumah untuk OKU dengan kemudahan-kemudahan seperti mana Yang Berhormat Menteri senaraikan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, pelaksanaan kuota 1% itu ialah kepada mana-mana projek perumahan PPR yang dibangunkan oleh pihak kementerian KPKT iaitu melalui Jabatan Perumahan Negara. Kepada mana-mana projek yang dibangunkan oleh syarikat swasta Yang Berhormat, saya telah pun berbincang dengan pihak Jabatan Perumahan Negara, Tuan Yang di-Pertua, untuk kita berbincang dengan pihak REHDA untuk memikirkan kepentingan, keutamaan untuk diletakkan kuota pemilikan kepada golongan orang-orang kurang upaya. Makluman dan juga persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu diambil perhatian untuk tindakan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Lihan Jok.

Tuan Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya mewakili OKU di luar bandar. Ini masih berhubung dengan kebajikan OKU. Jadi, 10 tahun yang lepas, saya sebagai wakil rakyat di peringkat negeri, kita banyak mengajukan hal-hal berhubung dengan OKU. Ini kerana perkara ini dan usaha kerajaan yang begitu baik, nasib pembelaan terhadap mereka ini sudah menonjol. Akan tetapi di peringkat luar bandar masih kurang lagi.

Contohnya, kita hendak mendirikan satu pusat PDK untuk OKU di sebuah rumah panjang. Jadi, selalu kerajaan memikirkan bagaimana, kita tidak boleh membawa OKU ini ke satu tempat di luar bandar. Akan tetapi dengan akibat ada jaringan jalan raya yang boleh- manusia boleh datang berkumpul bersama, khususnya OKU. Di dalam kawasan saya dahulu terdapat 368 orang OKU. Kita cuba hendak mendirikan sebuah pusat PDK tetapi tidak mendapat sambutan daripada kerajaan. Kita terpaksa merayu-rayu kepada orang persendirian untuk mendirikan pusat ini. Sehingga sekarang pusat ini tidak mendapat bantuan daripada kerajaan yang secara meluas. Apa pendirian kerajaan dalam hal kebajikan OKU di luar bandar? Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat kena faham ya, peranan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini kerana tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan kepada kementerian KPKT ini ialah kita menjaga dalam kawasan bandar, dalam kawasan pihak berkuasa tempatan. Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi dan apabila kita membicarakan soal OKU ini Yang Berhormat, ia tidak ada pengasingan antara orang kurang upaya di luar bandar, orang kurang upaya di bandar, tidak ada. Ini kerana kerajaan menganggap dan meletakkan kepentingan golongan orang kurang upaya ini di mana sahaja berada, kepentingan itu adalah keutamaan, tidak ada beza antara bandar dan luar bandar.

Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), itu adalah di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Untuk

maklum Yang Berhormat juga, Akta Orang Kurang Upaya ini diletakkan di bawah kementerian. Selain daripada itu juga telah ditubuhkan Majlis Kebangsaan Orang Kurang Upaya yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri iaitu Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Ada beberapa KSU kementerian-kementerian yang telah pun diletakkan dalam majlis yang berkenaan untuk memperlihatkan kepada kepentingan, contohnya jawatankuasa pekerjaan, pendidikan dan sebagainya. Saya fikir dalam perbahasan Yang Berhormat nanti, Yang Berhormat boleh membangkitkan isu PDK di rumah panjang yang hendak dibina, yang telah diutarakan selama ini tetapi tidak dapat diselesaikan, dalam perbahasan kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan yang mana timbalan saya tidak sihat pada hari ini, maka saya terpaksa membuat satu usul seperti yang berbunyi demikian,

Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah mempengerusikan Mesyuarat bagi menggantikan Timbalan Yang di-Pertua yang kurang sihat. Inilah caranya, dengan ini dengan hormatnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah tampil ke hadapan bagi mempengerusikan Mesyuarat kita pada hari ini. Inilah makluman dan saya berharap Yang Berhormat semua memberikan kerjasama. Perkara ini perkara biasa dan keadaan sakit itu siapa hendak, sudah berlaku, boleh berlaku kepada sesiapa pun tetapi peruntukan mesti ada. Saya mempersilakan Yang Berhormat.

[Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah mempengerusikan Mesyuarat]

■1130

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Sebelum saya mulakan tugas sementara yang dipertanggungjawabkan kepada saya ini, saya mengucapkan rasa syukur kepada Allah SWT dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya penghormatan dan kepercayaan untuk mempengerusikan mesyuarat pada pagi ini. Selanjutnya kepada Yang Berhormat sekalian, baik Yang Berhormat separti dan sehati, atau sehati tidak separti, saya mengharapkan kerjasama yang seerat-eratnya. Semoga satu setengah jam yang berikut ini akan merupakan satu *exercise* yang produktif bagi kita bersama. Terus mengharapkan kerjasama dan kefahaman Yang Berhormat sekalian.

Saya difahamkan bahawa soalan 8 telah ditanyakan. Maka soalan berikut ialah oleh Yang Berhormat Senator Datuk Chiew Lian Keng. Silakan Yang Berhormat Senator.

9. Datuk Chiew Lian Keng minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah perancangan kementerian untuk menyediakan perumahan-perumahan mampu-milik di Bandar Kuala Lumpur dan Putrajaya serta bagaimanakah kementerian akan memastikan bahawa rumah-rumah ini tidak akan diguna untuk spekulasi hartanah.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Chiew Lian Keng. Tuan Yang di-Pertua, soalan ini akan dijawab sekali dengan soalan nombor 27 pada 23 April 2014 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya bin Mat Ghani kerana telah menyentuh isu yang sama.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, selari dengan aku janji kerajaan untuk menyediakan sejuta rumah mampu milik dalam tempoh lima tahun, Kementerian Wilayah Persekutuan bersama agensi di bawahnya telah menyasarkan penyediaan kediaman rumah mampu milik sebanyak 50,000 unit di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 20,000 di Wilayah Persekutuan Putrajaya dalam tempoh lima tahun. Pembangunan perumahan di Kuala Lumpur dan Putrajaya akan mengambil kira jenis perumahan yang sesuai untuk keperluan penduduk. Perancangan penyediaan rumah mampu milik di lokasi yang strategik ini akan memberi penekanan kepada golongan kelas pertengahan dan golongan muda yang dipanggil *sandwich group* dengan izin, yang tidak layak memiliki unit kos rendah tetapi tidak pula berkemampuan memiliki unit kos tinggi.

Justeru itu harga rumah yang akan dibangunkan adalah di bawah RM300,000 dengan fokus pendapatan isi rumah tidak melebihi RM6,000 bagi program di bawah Dasar Rumah Mampu Milik Wilayah persekutuan dan RM8,000 bagi program di bawah Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M). Bagi mengerakkan lagi usaha-usaha ini, satu jawatankuasa *task force* perumahan diwujudkan bagi merancang dan menyelaraskan pembangunan RUMAWIP dan PPA1M di Wilayah Persekutuan. RUMAWIP adalah perumahan mampu milik di bawah Wilayah Persekutuan.

Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kementerian Wilayah Persekutuan bersama DBKL telah mengambil beberapa tindakan bagi memastikan sasaran 50,000 unit tersebut dapat dicapai seperti berikut:

- (i) DBKL bersama Kementerian Wilayah Persekutuan memohon mana-mana tanah kerajaan untuk dibangunkan dengan projek pembangunan perumahan mampu milik serta PPA1M;
- (ii) memastikan penyediaan rumah mampu milik bagi mana-mana cadangan pembangunan yang dijalankan oleh DBKL khususnya projek-projek pembangunan secara usaha sama; dan
- (iii) syarat penyediaan rumah mampu milik dikenakan oleh DBKL kepada mana-mana projek pembangunan berskala besar yang dikemukakan oleh pihak pemaju.

Sehingga kini sebanyak 13,662 unit kediaman rumah mampu milik sedang di peringkat pertimbangan dan kelulusan oleh DBKL. Butiran status pembinaan kelulusan rumah mampu milik adalah seperti berikut:

	Unit	Tapak
Penswastaan	7,957	13
Pemaju Pensendirian	4,105	11
Tanah Milik DBKL	1,600	-

Selain itu dalam usaha memperbanyakkan rumah mampu milik, beberapa kawasan berpotensi akan dikenal pasti dalam draf pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 untuk dibangunkan seperti kawasan kediaman R3, kawasan pembangunan semula, kawasan penjanaan semua, kawasan pembangunan bercampur dan tapak kolam oksidasi.

Bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya, perancangan penyediaan 20,000 unit rumah mampu milik telah memfokuskan kepada penyediaan PPA1M di bawah Perbadanan Putrajaya di samping skim PR1MA di bawah Perbadanan PR1MA Malaysia. Status kini perancangan adalah seperti berikut:

- (i) sejumlah 10,630 unit PPA1M fasa 1 bagi penjawat awam akan dibangunkan yang dijangka siap sebelum akhir tahun 2017. Harga jualan yang ditetapkan antara RM150,000 hingga RM300,000 dengan keluasan lantai antara 1,000 hingga 1,500 kaki persegi selaras dengan garis panduan PPA1M;
- (ii) selain itu, Perbadanan Putrajaya juga merancang untuk membangunkan skim PPA1M pada kategori harga bawah RM90,000 serta kategori RM150,00 hingga RM300,000 dan ke atas pada fasa berikutnya bagi membantu penjawat awam kelas kakitangan sokongan memiliki rumah di Putrajaya; dan
- (iii) terdapat juga sejumlah 560 unit perumahan PR1MA yang sedang dalam pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya untuk diduduki pada suku keempat pada tahun 2014.

Pengawalan spekulasi hartanah. Bagi mengelakkan spekulasi ke atas rumah mampu milik ini, kerajaan telah menetapkan sekatan moratorium dikenakan selama sepuluh tahun bagi RUMAWIP dan PPA1M. Di dalam tempoh moratorium ini, sebarang penjualan tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran pihak berkuasa negeri Wilayah Persekutuan. Sekian, terima kasih.

Datuk Chiew Lian Keng: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberi jawapan panjang lebar mengenai rumah mampu milik. Di sini saya ingin mengetahui apakah langkah penyelesaian jangka pendek bagi memastikan penduduk warga kota yang berpendapatan rendah dan sederhana mempunyai rumah murah untuk diduduki sementara bagi mengatasi masalah kebajikan kos sara hidup di kota ini.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kementerian Wilayah Persekutuan telah pun meneliti perkara ini dan kita telah mengambil tindakan. Kita pun telah tahu bahawa banyak orang-orang menyewa di PPR kita pada masa sekarang telah meningkat taraf mereka ke taraf yang mereka mampu milik rumah lain. Oleh itu, kita telah mengambil tindakan supaya rumah-rumah ini dikembalikan kepada pihak DBKL dan kita akan memberi kepada orang-orang yang memerlukan. Kita sekarang buat satu operasi di mana kita akan

pastikan orang-orang yang berkekeluargaan dan berkeperluan ini diberi keutamaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1140

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya berkenaan dengan setinggan Kampung Chubadak. Tanah Kampung Chubadak telah diserahkan kepada pemaju sejak tahun 2011. Setinggan di situ lebih kurang merangkumi 400 orang. Sebahagian besarnya sudah berpindah ke PPR Batu Muda. Transit ke PPR Batu Muda dan bayaran telah dibayar kepada DBKL sewa oleh pemaju. Apa yang menjadi persoalan kita hari ini yang masih tinggal sebahagian kecil di tanah tersebut, 20 ataupun 30 buah keluarga yang sangat degil untuk berpindah walaupun *offer* berbagai-bagai telah diberi, degil!

Kita telah usahakan berbagai-bagai cara macam mana hendak pindahkan mereka ini sebab kalau lambat lagi mereka pindah dan kalau mereka tidak mahu pindah, rumah PPR yang dicadangkan di situ tidak dapat didirikan. Itu masalah kita.

Jadi saya minta pencerahan daripada Menteri bagaimana caranya? Ini kerana saya sudah berhubung dengan DBKL dan PTG Wilayah Persekutuan, tidak ada kesan dan kerjasama yang diberikan kepada saya. Ini masalahnya. Mereka yang sudah pindah lebih kurang dalam 300 lebih buah keluarga yang berada di PPR Batu Muda. Mereka setiap hari bertanya kepada kita dan menjerit bila lagi masa kita hendak pindah balik ke kampung asal kita? Itu sahaja, saya minta pencerahan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan yang sangat kukasihi. Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Yahaya. Berkenaan dengan perkara ini memang perkara ini ialah satu perkara yang sentiasa kita hadapi di kawasan-kawasan pembangunan di bandar. Ini bukan perkara baru untuk makluman Yang Berhormat. Kita cuba selesaikan secara perundingan.

Pada awalnya kita menggunakan kaedah *engagement*, dengan izin, yang kita guna untuk berunding untuk menyelesaikan masalah mereka. Daripada hasil perundingan ini saya percayalah yang 300 lebih buah keluarga yang telah berpindah ke PPR. Akan tetapi kebiasaan juga di mana-mana kawasan memang ada yang degil. So bila kita dapat macam ini kita perlu gunakan kuasa undang-undang yang ada di tangan. So kuasa undang-undang yang ada di tangan ialah kita merobohkan rumah-rumah tersebut dan membenarkan pembangunan mengambil tempat. Ini ialah dua kuasa yang kita ada. Di Kementerian Wilayah Persekutuan ini kita gunakan cara *engagement*, pertama dan keduanya kita gunakan kuasa undang-undang yang ada di tangan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Nampaknya...

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Sekejap Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila, sila.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Saya masih belum *clear*. *Engagement* yang dibuat dan undang-undang yang hendak digunakan. Akan tetapi setakat ini sudah tiga ke empat tahun perkara itu berlalu. Kita report kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan PTG, masuk dengan jentera dan sebagainya tetapi keluar. Selepas itu keluar. Tindakan tidak diambil. Ini permasalahannya. Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur ini kena laju sikit buat kerja. Masalahnya kita hendak selesaikan masalah orang kampung. Masuk dua, tiga kali keluar. Masuk dan keluar. Tindakan tidak diambil. Ini masalahnya.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, bila kerajaan mengambil tindakan itu bukan senang. Ada kalanya kita dapat permintaan minta kita berunding dan benarkan mereka berunding. Selepas itu mereka mula berunding kembali pula kita punya tindakan. Mereka minta lagi berunding. Ini masalah rakyat dan manusia. Kita dapat pula pihak-pihak lain yang datang kepada kita katakan *you break over, you can only going over my dead body* dan macam-macam kita dengar.

Akan tetapi kita ada peruntukan undang-undang, kita boleh gunakan. Akan tetapi dalam hal ini Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang prihatin. Dia mengutamakan rakyat. Oleh itu, kita gunakan tindakan undang-undang sebagai satu peluang dan cara yang terakhir. *The last means*. Oleh itu saya harap Yang Berhormat faham kekangan yang kami hadapi. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Akan tetapi kalau boleh saya campur sedikit Yang Berhormat, apa yang diharapkan oleh Yang Berhormat Datuk Yahaya tadi ialah supaya ada *time frame*, supaya ada ketegasan. Kita hulu *carrot* sampai bila-bila tidak boleh jadi. Antara *carrot* dan *support* dengan *steak* harus diseimbangkan. Itu hanya komen saya. Kalau Yang Berhormat hendak balas boleh.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana menyokong saya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya.

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Terima kasih.

Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan: Saya dapatkan *time frame*, itu yang penting saya rasa. Tuan Yang di-Pertua, daripada pengalaman persendirian saya, sudah satu tahun saya dalam kementerian ini, pakai *steak* boleh tetapi setiap kali kita pakai *steak*, dia mahu *carrot*. Bila kita beri *carrot* dia mahu *steak*. Kita pun tidak tahu hendak buat apa macam itu Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]

USUL**MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kedua, Parlimen Yang Ketiga Belas.” **[22 April, 2014]**

Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:: Semalam kalau betul catatan di hadapan saya ini betul, Yang Berhormat Senator Puan To’ Puan Hajah Zaitun sudah selesai semalam atau sambung?

Seorang Ahli: Sudah selesai.

Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sudah selesai? Dalam catatan yang ada di hadapan saya ini, giliran selanjutnya untuk berucap ialah Yang Berhormat Dato’ Boon Som a/l Inong. Kira-kira lebih kurang 40 minit Yang Berhormat Dato’ Boon Som a/l Inong.

11.46 pg.

Dato’ Boon Som a/l Inong: Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja pada Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Ketiga Belas pada 10 Mac 2014 yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, pada 13 April baru-baru ini masyarakat Siam di negara ini telah menyambung Hari Songkran ataupun Hari Tahun Baru. Hari Songkran adalah hari permulaan tahun baru bagi masyarakat Siam.

Oleh itu masyarakat Siam negara serta rakan-rakan mereka keturunan Siam di seluruh dunia meraikan kedatangan hari permulaan tahun baru ini dengan perkataan Buddha. Hari Songkran adalah hari raya bagi masyarakat atau bangsa Siam. Kedatangan Hari Songkran tahun ini didahului dengan tragedi kehilangan pesawat MH370 yang membabitkan 229 orang penumpang dan 12 krew penerbangan. Oleh itu, kedatangan Hari Songkran kali ini disambut dengan cara yg sederhana. Dalam apa urus pun kesederhanaan adalah jalan yang terbaik. Kesederhanaan ini jugalah yang perlu kita terjemah dalam kehidupan kita termasuklah dalam hubungan kita sesama bangsa ataupun sesama kaum ataupun kaum lain.

Kesaksamaan dalam tutur kata dan tindakan serta perbuatan sebagai tanda persefahaman dan saling menghormati antara sesama lain kerana persefahaman dan saling menghormati adalah asas untuk mengekalkan perpaduan. Apabila rakyat Malaysia bersatu, kita dapat mempertahankan kemerdekaan, kedaulatan, keamanan, kemakmuran dan pembangunan yang kita nikmati sekarang dengan perpaduan, barulah segala usaha permohonan negara dapat berjalan lancar. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai masalah salah faham terhadap keburukan sambutan Hari Songkran di sisi masyarakat Siam. Perkataan Songkran berasal daripada bahasa Sanskrit membawa maksud peralihan.

Hari Songkran merupakan hari peralihan tahun ataupun tahun baru mengikut kalendar lama siam. Kebiasaan disambut pada 13 April setiap tahun. Perayaan Songkran diterajui adat menjurus air ke atas pergelangan tangan orang-orang tua sebagai membalas budi dan tanda penghormatan kepada mereka. Songkran juga dikenali sebagai *Water Festival*. Disebabkan bulan April merupakan bulan terhangat di Thailand dan suhunya boleh mencecah 40 darjah Celsius, perayaan ini dijadikan dengan berseronok dengan menyimbah air ke arah orang lain sehingga timbulnya gejala seperti berlawan air dan menyimbah air ke arah orang yang lalu lalang.

Perayaan ini samalah seperti sambutan Hari Tahun Baru Cina yang disambut oleh rakan-rakan kita yang berketurunan Tionghoa. Mesej yang saya hendak sampaikan di sini adalah sambutan Hari Songkran adalah sambutan bagi masyarakat Siam dan ianya bukan sambutan atau acara keagamaan. Inilah hakikat yang sebenarnya. Malangnya, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kita dapati setiap kali menjelang sambutan Hari Songkran...

■1150

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh tanya sikit?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh beri laluan Yang Berhormat Dato' Boon?

Dato' Boon Som a/l Inong: Boleh, boleh Yang Berhormat Dato' Rahman. *No problem.*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya bercadang supaya Hari Songkran dibuat secara hari terbuka macam raya kita, terbuka, Cina terbuka, India terbuka. Akan tetapi setakat ini, Hari Songkran belum lagi terbuka. Jadi bagaimana kalau kita buat Hari Songkran, panggil semua masyarakat untuk hari raya terbuka Songkran? Macam mana pendapat Yang Berhormat?

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Rahman. Saya amat menyokong dengan pendapat Yang Berhormat Dato' Rahman dan jika perlu, saya minta pada pihak kerajaan mengadakan cuti am kepada Hari Songkran ini.

Tujuan saya untuk menyentuh sambutan Hari Songkran ini adalah kerana setiap kali kita adakan Hari Songkran, ada mufti di beberapa negeri yang mengeluarkan fatwa melarang umat Islam di negara ini untuk menyertai sambutan Hari Songkran atas alasan ia adalah acara keagamaan. Alasannya kerana ada acara memandikan patung Buddha dalam sambutan Hari Songkran. Fatwa, saya tidak mahu mempertikaikan atau menyentuh fatwa ataupun menyoal kedudukan agama Islam agama negara ini yang dibuat, kerana itu di luar bidang kuasa saya.

Saya hanya ingin menjelaskan di sini bahawa kenyataan Hari Songkran adalah acara keagamaan adalah kenyataan yang salah dan tidak benar. Ia tiada kaitan dengan ajaran Buddha yang

kebetulan dianuti oleh majoriti masyarakat Siam di negara ini. Saya percaya kenyataan itu dibuat berdasarkan fakta, maklumat yang kurang tepat sebaliknya berdasarkan salah faham.

Sebenarnya memandikan patung Buddha bukan sebahagian daripada acara Hari Songkran. Mungkin ada yang bertanya, *“Kalau macam itu, kenapa...”*

Dato’ Muhammad Olian bin Abdullah: Mohon mencelah Yang Berhormat.

Dato’ Boon Som a/l Inong: Ya.

Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila.

Dato’ Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih.

Dato’ Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Beri laluan boleh?

Dato’ Muhammad Olian bin Abdullah: Beri ya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya kerana memberi laluan untuk saya. Tadi disebut oleh Yang Berhormat Dato’ Boon bahawa ada beberapa mufti. Ini saya kira satu kenyataan yang begitu umum. Jadi, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan mufti dari negeri mana dan siapakah dia yang mengeluarkan fatwa itu? Ini kerana fatwa adalah di bawah bidang kuasa negeri-negeri yang berkenaan. Bilakah fatwa itu dikeluarkan? Ini supaya ia tidak timbul kecelaruan.

Dalam masa yang sama juga, berhubung dengan isu yang disebut oleh Yang Berhormat sahabat saya ini, kalau boleh saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat supaya berjumpa dengan mufti yang berkenaan untuk menjelaskan apakah sebenarnya Songkran ini, kerana kita di dalam Dewan yang mulia ini pun kita tidak tahu apa makna Songkran. Akan tetapi apabila Yang Berhormat telah jelaskan kepada kita hari ini bahawa Songkran ini sebenarnya bukan perayaan keagamaan, Songkran adalah budaya kepada orang Siam Malaysia. Orang Siam Malaysia ini, sahabat saya di sebelah saya ini kata kena betulkan. Terima kasih.

Dato’ Boon Som a/l Inong: Terima kasih Yang Berhormat Dato’ Olian. Terima kasih di atas nasihat yang diberikan dan saya akan cuba untuk menghubungi mufti-mufti di negeri berkenaan. Mufti-mufti negeri tersebut adalah bermula daripada negeri Perlis. Sudah tiga kali negeri Perlis mengeluarkan fatwa ini setiap kali Hari Songkran. Dua hari sebelum menyambut Hari Songkran, ada saja fatwa yang dikeluarkan. Kita ada setiausaha politik MB di sini. Seterusnya di negeri Kedah dan juga di negeri Kelantan pada tahun ini.

Sebenarnya memandikan patung Buddha bukan sebahagian daripada acara sambutan Hari Songkran. Mungkin ada yang akan bertanya, *“Kalau macam itu, kenapa dimandikan patung Buddha pada Hari Songkran?”* Jawapannya kerana ini kebetulan sambutan Hari Songkran diadakan di dalam kawasan wat. Sebagai penganut agama Buddha, apabila masuk ke kawasan wat, kita lakukan acara itu. Kalau tidak buat pun tidak apa. Hari Songkran boleh disambut di padang bola, di taman rekreasi atau di mana-mana sahaja yang tidak ada patung Buddha. Malah di jalan-jalan raya pun boleh disambut Hari Songkran. Akan tetapi kenapa kita buat di kawasan wat?

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Yang Berhormat, beri laluan sikit?

Dato’ Boon Som a/l Inong: Ya.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memperbetulkan sedikit pada sahabat saya. Sebenarnya di negeri Perlis pun ada sambutan Hari Songkran. Ada. Akan tetapi mengikut mufti bagi fatwa orang Islam tidak boleh hadir. Itu fatwa dan mufti. Akan tetapi ada yang hadir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di negeri Perlis dua kali buat Hari Songkran. Pada 5 hari bulan sekali dan 12 hari bulan buat sekali lagi. Itu di negeri Perlis. Hendak kata kecil pun tidak kecil juga, secara besar. Akan tetapi ramai juga orang-orang Melayu Islam yang hadir bersama-sama sebagai sahabat handai untuk meraikan sambutan tahun baru. Akan tetapi apa yang kita rasa di seberang sana di Thailand, di Siam, ramai orang Malaysia pergi, beribu-ribu orang. Kalau tengok di sempadan di Wang Kelian, Padang Besar mahu pun di Bukit Kayu Hitam, tambah lagi kalau di Bukit Kayu Hitam, dia *queue* daripada pukul enam lagi. Enam pagi *queue* sampai ke Pekan Changlun beberapa kilometer. Punya ramai orang Malaysia pergi ke perayaan Songkran di Thailand.

Jadi dalam bab mufti tadi, saya sokong penuh kepada Yang Berhormat Dato' Olian yang mencadangkan supaya Yang Berhormat bersama mutalaah dengan mufti negeri, kerana kemungkinan besar mufti dia kurang faham sebab dia bukan orang Semenanjung. Dia orang Sarawak, jadi dia kurang faham macam mana kaedah Songkran yang sebenarnya. Terima kasih.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih atas penerangan...

Dato' Dr. Johari bin Mat: Minta celah sikit Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat Dato' Boon?

Dato' Boon Som a/l Inong: Okey, okey. Boleh.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila, sila.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Boon. Saya juga rasanya semacam Yang Berhormat Dato' Olian dengan Yang Berhormat Khalid. Saya melihat perkaranya ada, apa yang kita panggil ada disebut larangan orang-orang Islam menghadiri upacara itu kerana tidak dijelaskan bahawa sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Boon tadi, ia adalah kebudayaan semata-mata. Oleh kerana itu, ada perbezaan dari segi sambutan orang Islam boleh menghadiri sambutan ini, ada berbeza.

Pertama, kalau sekiranya sambutan itu bercorak keagamaan semata-mata, maka orang Islam dilarang daripada menyertai sambutan agama bukan Islam. Kedua, kalau sekiranya sambutan itu adalah sambutan budaya. Tadi saya dengar budayalah. Sama juga dengan sambutan Tahun Baru Cina. Maka, itu adalah satu perkara yang biasa, tidak menjadi halangan.

Jadi, saya hendak menyokonglah apa yang disebut tadi. Perkara ini mungkin berlaku kekeliruan, saya rasa begitu. Kalau setelah mendengar penjelasan dan saya juga tidak tahu. Saya pun dari negeri Kelantan tidak tahu tentang benda itu tidak dibenarkan di negeri Kelantan. Jadi kalau—terima kasih banyak. Jadi saya rasa Yang Berhormat Dato' Boon kena pergi jumpa orang berkenaanlah supaya boleh memberi penjelasan yang sebaiknya supaya jangan ada kekeliruan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Yang Berhormat Khalid, Yang Berhormat Dato' Johari. Inilah semangat perpaduan yang kita harapkan di dalam negara ini. Ini hendak sambut tidak kira

PAS- melampaui ideologi politik. Termasuk PASKah, UMNOkah, sama, sebab kita budaya adalah satu perpaduan kepada negara yang majmuk di Malaysia ini.

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh beri laluan?

Dato' Boon Som a/l Inong: Sila, sila.

■1200

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Mengenai hal yang sama lagi?

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan negara jiran kita Thailand sudah menjadikan Songkran itu *centre attraction* untuk *tourism*. Jadi, adakah Yang Berhormat sudah mencadangkan kepada Kementerian Pelancongan kita supaya menjadikan Songkran seperti negara jiran kita?

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Dato'. Sebenarnya pada tahun ini, Perdana Menteri telah bersetuju untuk datang menyambut sambutan Songkran di Kedah, diadakan di Pendang. Oleh kerana MH370, kita terpaksa batalkan program tersebut di peringkat kebangsaan. Jadi kita adakah sederhana. Walaupun sederhana tetapi tetap meriah. Terima kasih Yang Berhormat.

Akan tetapi mengapa kita buat di kawasan wat? Oleh kerana kita kena faham Wat Siam ini ia luas. Ia ada dewan sembahyang, ia ada dewan orang ramai, ia ada dapur untuk masakan orang ramai, ia ada padang rekreasi, ia ada padang sekolah. Ada program-program VVIP seperti Menteri- ini Menteri Besar Kelantan pergi melawat wat, pun dibuat program itu di kawasan wat. Sebab apa? Oleh sebab ia ada tempat-tempat yang berasingan untuk kita buat bukan sahaja untuk agama tetapi untuk kegunaan orang ramai.

Maka, mereka buat amalan apabila di tahun baru ini selalunya dia akan berdoa pergi ke wat untuk berdoa demi kesejahteraan mereka tetapi bukanlah sebahagian daripada acara Songkran. Oleh sebab sekali lagi Hari Songkran adalah hari masyarakat Siam menyambut kedatangan tahun baru iaitu hari kebudayaan. Saya berharap, penjelasan ini akan menghapuskan salah faham tentang status dan kedudukan sebenarnya sambutan Hari Songkran ini. Setiap agama mengajak kita melakukan kebaikan, menjauhi daripada kemungkaran dan kejahatan.

Jadi saya Tuan Yang di-Pertua, ada lagi satu peristiwa pada 11 Mac 2014, kira-kira pukul 10 pagi, saya telah mendapat- ketika itu saya ada di Kajang. Saya mendapat SMS mengatakan Wat Siam, Tambun telah di ceroboh oleh seramai 20 orang gengster atau kongsi gelap. Kongsi gelap tersebut telah menggunakan kekerasan jenayah, telah melakukan serangan dengan menendang, memecah pintu bilik di dalam premis tersebut seterusnya menggeledah dan membongkar serta mencuri dokumen, peralatan elektronik, wang tunai, CCTV serta lain-lain barangan bernilai. Ketua sami dan sami yang sedang beribadat dipaksa tarik keluar dari wat tersebut oleh kumpulan berkenaan dan seterusnya pintu pagar dikunci dengan menggunakan rantai dan dibiarkan sami berkeliaran di luar kawasan pagar wat tersebut.

Kira-kira pukul 11 pagi, laporan polis dibuat tetapi menghairankan apabila saya sampai ke wat berkenaan dari Kuala Lumpur kira-kira pukul 6 petang, tiada sebarang tindakan yang diambil oleh pihak polis. Saya seterusnya mengarah memotong kunci mangga tersebut bagi membolehkan sami dan

penganut memasuki wat tersebut. Pada 20 Mac 2014, lebih kurang pukul 9 pagi, Ketua Polis Ipoh ACP-saya terpaksa tulis nama ini sebab sebagai fakta- ACP Sum Chang Keong untuk berunding dengan penceroboh. Di dalam perjumpaan tersebut, beliau memberikan amaran kepada tok sami, bukannya penceroboh. Sami itu bernama Aliang A/L I Mak akan menangkap beliau sekiranya berlaku pergaduhan di wat tersebut. Pegawai polis daripada masyarakat Siam juga turut hadir untuk memberikan bantuan sebagai jurubahasa turut diberi amaran diambil tindakan tatatertib kerana terlibat dalam membantu wat tersebut.

Saya menghubungi Ketua Polis Perak, Datuk Acryl Sani mengenai perkara ini. Ini jawapan beliau, amat menyedihkan, jawabnya, "*Tengoklah apa yang kita boleh buat*". Satu jawapan yang kurang bertanggungjawab. Sehingga sekarang, tiada sebarang penangkapan telah dilakukan bahkan bertambah sedih apabila saya merujuk kepada Bukit Aman, kes tersebut didapati di bawah kategori NFA ataupun *no further action*. Sehubungan dengan itu saya menganggap tindakan pihak polis Ipoh adalah tidak profesional, tidak jujur dan tidak amanah.

Saya memohon supaya pihak Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan serius bagi menyasat perkara ini dan seterusnya mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak yang bertanggungjawab termasuk anggota polis yang terlibat kerana melakukan kecuaiian dalam menjalankan tugas. Berdasarkan fakta-fakta yang saya faham, bahawa tindakan pencerobohan itu didalangi oleh seorang ahli perniagaan yang popular di kawasan itu iaitu aktiviti bawah tanah untuk menguasai wat tersebut kerana kawasan wat tersebut diletak di *front area* yang mempunyai *value* komersial yang tinggi. Tujuan mengupah gengster menceroboh adalah untuk menakut-nakutkan sami supaya sami tersebut tidak berani tinggal di wat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada 1 Mac yang lalu, Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah melancarkan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Serentak dengan pelancaran itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan bahawa kerajaan bersetuju supaya jambatan sepanjang 24 kilometer ini dinamakan Jambatan Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah sempena nama Yang di-Pertuan Agong.

Malangnya, sudah lebih sebulan- ketika memandu kereta dari Alor Setar ke ibu negara, pada hari Ahad lalu sewaktu melalui di kawasan tersebut, jambatan berkenaan, saya dapati papan tanda di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan kawasan berhampiran dengan jambatan berkenaan masih lagi mengekalkan nama lama iaitu Jambatan Kedua Pulau Pinang, bukan Jambatan Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah seperti yang sepatutnya.

Kita patut hormat dengan pengumuman Perdana Menteri dan juga Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong yang mencatat sejarah kerana Baginda adalah Sultan pertama di negara ini yang menjadi Yang di-Pertuan Agong buat kali yang kedua. Jika ditinjau daripada segi sejarah juga, kita dapati bahawa Pulau Pinang pada asalnya berada di bawah pemerintahan Sultan Kedah sebelum diserahkan kepada Kapten Francis Light menerusi satu perjanjian pada 1786.

Saya sangat sedih dengan keadaan ini, saya hairan kenapa berlaku sedemikian. Apakah pihak Kementerian Kerja Raya ataupun pihak LLM dan PLUS tidak peka dengan keadaan ini? Saya sebagai

rakyat Kedah dan rakyat Malaysia begitu sedih, macam terhina dengan apa yang dilakukan oleh pihak berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun bahasa Melayu adalah bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara kita, perlembagaan negara kita menjamin hak dan kebebasan semua rakyat berbilang kaum negara ini untuk mengamalkan bahasa masing-masing bahkan sistem pendidikan kita juga turut menggalakkan pelajar negara ini menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Selain daripada bahasa ibunda, kaum Cina dan India turut diajar sebagai satu mata pelajaran sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah jenis kebangsaan Tamil. Bahkan bahasa Mandarin dan bahasa Tamil juga boleh diajar sebagai satu subjek di sekolah kebangsaan untuk memenuhi keperluan.

Selari dengan semangat yang sama, sewaktu dalam perjumpaan dengan masyarakat Siam di Kedah sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13 yang lalu iaitu pada 16 Februari 2013, saya telah mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin supaya kerajaan mempertimbangkan untuk memperkenalkan subjek Bahasa Siam di sekolah yang mempunyai sekurang-kurangnya 15 orang pelajar berketurunan Siam terutamanya di negeri Perlis, Kedah, Perak, Kelantan dan Terengganu.

Dalam perjumpaan itu, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan sokongan kepada cadangan berkenaan dan berjanji akan meminta pegawai Kementerian Pendidikan mengkaji semula, mengkaji cadangan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Siam di sekolah.

Walau bagaimanapun, selepas setahun berlalu, masyarakat Siam masih lagi menunggu bilakah Bahasa Siam akan diajar sebagai satu subjek di sekolah. Saya mengambil berat perkara ini memandangkan ramai anak masyarakat Siam tidak boleh menulis dan membaca dalam bahasa ibunda mereka. Untuk menangani masalah ini, anggota masyarakat Siam dengan kerjasama Jawatankuasa Pengurusan Wat Siam telah mengambil inisiatif menubuhkan 62 sekolah Bahasa Siam di Wat Siam di seluruh negara. Operasi kelab ini sangat bergantung kepada sumbangan daripada dermawan dalam kalangan masyarakat Siam sendiri manakala tenaga pengajarnya pula terdiri daripada sukarelawan.

Walau bagaimanapun, sejak tiga tahun lalu, Kerajaan Persekutuan telah sudi menghulurkan bantuan kewangan kepada sekolah-sekolah bahasa Siam ini namun bantuan itu adalah secara *one-off*. Jika subjek Bahasa Siam dapat diajar di sekolah di dalam sistem pendidikan negara, ia bukan sahaja dapat membantu masyarakat Siam mempelajari bahasa ibunda tetapi juga memberi peluang kepada pelajar berketurunan lain untuk mempelajari bahasa berkenaan. Selain itu kita dapat mewujudkan satu kurikulum yang standard memenuhi piawai tertentu serta menyediakan latihan bagi melahirkan guru-guru Bahasa Siam yang terlatih dan berkualiti.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tenaga kerja yang menguasai bahasa Siam mengenai tempat dalam pasaran kerja dalam negara terutama bagi syarikat multinasional yang berpangkalan di Cyberjaya yang menjalankan perniagaan dalam bidang telekomunikasi serta teknologi maklumat di

Thailand, mereka sangat memerlukan tenaga kerja yang menguasai bahasa Siam ini untuk membantu memudahkan urusan niaga dengan pelanggan di negara berkenaan.

Sementara menanti pengajaran dan pembelajaran bahasa Siam di sekolah-sekolah menjadi kenyataan, saya berharap pihak kerajaan mempertimbangkan pemberian peruntukan khas untuk sekolah-sekolah bahasa Siam yang sedia ada. Tuan Yang di-Pertua, keputusan SPM dan STPM baru saja diumumkan, pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang sudah tentu berpeluang memenuhi institusi pengajian tinggi awam tempatan dan dihantar ke universiti terkemuka di luar negara.

Walaupun pada dasarnya kita akur bahawa pemilihan pelajar di IPTA dibuat secara berdasarkan sistem meritokrasi. Saya berharap pengambilan pelajar turut mengambil kira aspek keseimbangan daripada segi pelajar luar bandar dengan bandar serta dibuat merentasi kaum. Langkah ini penting untuk memastikan setiap kaum di negara ini terutamanya kaum minoriti seperti masyarakat Siam dan Orang Asli juga dapat menikmati peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan luar negara. Dengan itu, ia dapat membantu masyarakat kaum berkenaan untuk keluar daripada lingkaran ganas, kemiskinan dan seterusnya menyertai arus perdana pembangunan sama seperti kaum-kaum lain di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini sudah masuk hari ke-47 usaha mencari pesawat MH370 yang hilang sejak 8 Mac lalu bersama-sama dengan penumpang. Kita memang terkejut dengan peristiwa berkenaan kerana sehingga hari ini masih belum ada tanda-tanda pesawat itu mahupun penumpang dan krewnya akan ditemui. Sebagai rakyat Malaysia kita tumpang bersedih dengan nasib yang menimpa keluarga mangsa peristiwa berkenaan. Kita doakan semoga mereka tetap terus tabah menghadapinya. Mari lah kita berdoa semoga usaha pencarian itu sampai ke garisan penamatnya dengan seberapa segera.

Sebagai rakyat Malaysia saya ingin tahu apakah kesan peristiwa terhadap operasi MAS dalam jangka pendek mahupun jangka panjang? Adakah ia turut menjejaskan keyakinan penumpang di luar negara? Bagaimana pula kedudukan saham MAS di pasaran? Tuan Yang di-Pertua selain daripada tragedi MH370, mutakhir ini juga kita disajikan dengan berita mengenai kemalangan jalan raya membabitkan bas ekspres dan bas persiaran. Kejadian seperti ini sebenarnya bukanlah kejadian yang baru. Boleh dikatakan setiap tahun berlaku kemalangan yang membabitkan pengangkutan awam seperti bas ekspres dan bas persiaran ini.

Apakah puncanya? Saya rasa sudah banyak kajian yang dibuat. Selain faktor mekanikal seperti masalah kepada kenderaan dan keadaan jalan raya. Kita juga sering terbaca laporan bahawa faktor manusia juga turut menyumbang kepada kejadian buruk ini. Dua hari lepas akhbar Berita Harian melaporkan daripada 4,628 pemandu kenderaan berat yang diperiksa dalam 64 operasi bersepadu Jabatan Pengangkutan Jalan dan Agensi Antidadah Kebangsaan sepanjang tempoh empat bulan pertama tahun ini, 210 orang dikesan positif dadah. Daripada jumlah itu, 14 orang adalah pemandu bas yang berusia antara 20 hingga 50 tahun. Mereka diarah menjalani ujian air kencing ketika sedang bertugas.

Pemeriksaan yang dibuat di 14 terminal pengangkutan awam dan lebuhraya di seluruh negara, mengikut laporan yang sama dalam tempoh lima tahun antara tahun 2008 hingga tahun 2012, seramai 3,653 orang pemandu kenderaan berat didapati positif dadah. Oleh itu kita berharap pihak berkuasa akan lebih bertegas terhadap pemandu syarikat dan pengusaha bas dan kenderaan berat serta pengangkutan awam yang lain. Kita berharap undang-undang dikuatkuasakan sepanjang masa bukannya bermusim.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengiktiraf kedudukan masyarakat Siam sebagai bumiputera. Saya tidak nafikan ketika ini masyarakat Siam sudah mula menikmati manfaat terhadap pengiktirafan ini. Walaupun secara beransur-ansur dan perlahan-lahan. Sungguhpun demikian masih ada beberapa perkara lagi yang berkaitan dengan kedudukan bumiputera yang masih belum dinikmati masyarakat Siam. Satu daripadanya ialah pembelian lot-lot rumah yang peruntukan daripada bumiputera. Walaupun kerajaan telah memberi pengiktirafan bahawa masyarakat Siam adalah bumiputera, malangnya masyarakat Siam dikatakan tidak layak membeli dan memiliki lot-lot rumah yang diperuntukkan kepada bumiputera. Saya berharap akan dapat penyelesaian berhubung perkara ini.

Satu lagi isu berkaitan status ini adalah peluang kemasukan pelajar-pelajar keturunan Siam ke Universiti Teknologi Mara. Ini juga satu lagi isu yang masih tergantung. Saya difahamkan oleh pejabat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa pelajar-pelajar..Siam memang layak memasuki UiTM. Malangnya dalam sistem permohonan masuk yang kini menggunakan kaedah online tidak terdapat kategori kaum Siam. Akibatnya pelajar-pelajar kaum Siam tidak berpeluang untuk mohon ke situ. Saya berharap pihak Kementerian Pendidikan dapat menyelesaikan perkara ini dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, rata-rata penoreh getah makin terhimpit berikutan harga getah semakin merudum sehingga RM2 ke RM2.30 sekilo berbanding RM5 hingga RM8 sebelum ini. Saya menerima banyak keluhan daripada penoreh getah mengenai keadaan itu. Lebih daripada 50% penduduk di utara semenanjung Malaysia ini menjalankan aktiviti pertanian dan kebanyakan adalah melibatkan pekebun kecil getah. Selain getah barang pertanian melibatkan baja juga telah naik mendadak hingga kenaikan 100%. Secara tidak langsung ia bukan menjejaskan pengeluaran produk pertanian kerana melibatkan modal yang tinggi dari petani.

Sehubungan itu, satu mekanisme wajar dilakukan oleh kerajaan untuk kebaikan penduduk kampung iaitu penduduk pendalaman. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan mencari jalan menangani dan mengatasi kesan tekanan akibat harga getah yang jatuh merudum. Soalan saya adakah kerajaan merancang mengadakan kerjasama dengan pusat-pusat penyelidikan di dalam dan di luar negara supaya mengoptimumkan kegunaan bahan berasaskan getah. Ini berlaku di Thailand di mana sekarang ini bitumen diganti dengan getah untuk membuat jalan raya. Kita mencari kaedah baru untuk menentukan harga getah yang stabil, tidak mengikut tekanan harga dunia.

Pada masa yang sama saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menyediakan inisiatif atau menetapkan harga siling kepada komuniti berkenaan. Oleh sebab keadaan harga getah semakin menurun, pekebun kecil dan petani tidak ada jalan lain untuk memberi nafkah. Ramai mereka kini telah

beralih kepada penanaman pokok ketum kerana permintaan tinggi dan mendatangkan pendapatan lumayan. Harga daun ketum kini mencecah hampir RM50 sekilo. Keadaan ini amat membimbangkan kerana daun ketum ini disalah gunakan. Masalah penyalahgunaan minum air ketum timbul apabila disalahgunakan oleh penagih yang semakin hari semakin bertambah termasuk pelajar sekolah. Dalam jangka masa panjang, ia boleh menimbulkan masalah kepada negara.

Senarionya amat berbahaya. Sekiranya pembendungan tegas tidak dilaksanakan dan kerajaan akan kehilangan begitu ramai aset modal insan berkualiti untuk negara kita ini. Saya mengalu-alukan cadangan Menteri Besar Kedah, Dato' Seri Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir dua hari lepas supaya Kementerian Dalam Negeri mengkaji semula akta membabitkan kesalahan daun ketum yang masih di bawah akta racun ini supaya membuat pindaan akta itu kepada akta dadah seperti mana yang dilakukan oleh negara jiran iaitu Thailand.

Saya juga difahamkan Syarikat BERNAS akan disenaraikan di Bursa Saham semula. Saya berharap kerajaan melihat perkara ini secara serius kerana ia membabitkan rakyat. Kita tidak mahu perkhidmatan pengeluar dan pembekal dimonopoli oleh satu syarikat kerana ingin mengaut keuntungan berlebihan. Ini kerana beras adalah satu keperluan kepada 28 juta rakyat di negara ini. Jadi kita perlulah berhati-hati supaya pihak tertentu tidak mengaut keuntungan demi untuk kesengsaraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan berhasrat menjadikan Malaysia sebagai pemaju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Bagi mencapai hasrat itu kita perlu membangun dan memajukan negara kita terlebih dahulu. Namun, usaha ini hanya boleh dilakukan jika seluruh rakyat Malaysia bersatu padu dan bersatu hati tanpa mengira bangsa, agama, latar belakang dan warna kulit. Dengan perkataan lain usaha membangun dan memajukan negara hanya boleh diadakan sekiranya wujud perpaduan antara seluruh rakyat Malaysia.

■1220

Dalam hal ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah mengambil inisiatif menubuhkan Majlis Konsultasi Perpaduan Nasional yang berfungsi bagi menyediakan Pelan Bertindak Cadangan Penyatuan Nasional kepada kerajaan. Saya juga ingin Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah yang telah memberi pengiktirafan terhadap usaha kerajaan menubuhkan MKPN ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada kerajaan yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk menganggotai MKPN ini. Salah satu aktiviti yang dijalankan oleh MKPN ini ialah Siri Dialog Perpaduan telah diadakan di seluruh negara. Dialog ini memberi peluang kepada orang ramai untuk memberikan pandangan dan input mereka kepada MKPN dalam menggubal pelan tindakan perpaduan yang akan diserahkan kepada kerajaan.

Saya dapati sambutan orang ramai terhadap dialog ini sungguh menggalakkan walaupun sekali-sekala wujud suasana yang agak panas sewaktu dialog berlangsung, ia masih terkawal. Pada keseluruhannya, saya berpendapat kehadiran orang ramai serta melibatkan mereka di dalam dialog ini membuktikan masyarakat Malaysia sangat prihatin dengan masalah perpaduan rakyat berbagai-bagai kaum di negara ini. Bahkan ramai yang memuji usaha mengadakan dialog itu yang pada pandangan

mereka adalah yang pertama seumpamanya pernah diadakan. Pada mereka, dialog ini membuktikan kesungguhan kerajaan dalam usaha mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat. Kita harap budaya memberi peluang kepada pelbagai lapisan masyarakat memberi pendapat dan pandangan dalam isu-isu melibatkan rakyat seperti ini akan diperluaskan pada masa yang akan datang.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Yang Berhormat minta laluan. Sedikit boleh?

Dato' Boon Som a/l Inong: Boleh.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dalam dialog ini, adakah dialog ini dibuat berterusan, setahun sekali ataupun bagaimana *time framenya* atau lima tahun sekali? Apakah tindakan dan resolusi yang dibuat dialog itu dan tujuannya? Apakah sasaran untuk mengadakan program ini?

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya dialog ini diadakan untuk mendapat *feedback* daripada rakyat daripada berbilang kaum dan daripada pelbagai profesional. Bertujuan untuk mengumpulkan segala usaha-usaha dalam dialog ini dibawa ke tengah, dalam enam bulan ini kita akan kumpul usaha-usaha itu untuk dikemukakan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga hal ehwal perpaduan ini iaitu Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup untuk Pelan Tindakan Perpaduan Negara yang dipengerusikan oleh Tan Sri Shamsudin Osman bekas KSN yang sekarang ini Pengerusi EPF. Tambah lagi...

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Adakah kumpulan sasar terdiri daripada NGO, pertubuhan? Adakah sahabat kita di sebelah ini dijemput juga atau macam mana?

Dato' Boon Som a/l Inong: Semua NGO dan ahli politik tidak kira daripada parti mana termasuklah daripada PAS iaitu Dr. Mujahid anak Ustaz Yusof Rawa bekas Presiden PAS dahulu pun sebagai Ahli Jawatankuasa MKPN ini.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Jadi, memandangkan indeks konflik perkauman semakin lama semakin meningkat, jadi dalam dialog itu adakah dapat apa-apa punca yang menyebabkan konflik itu semakin meningkat? Terima kasih.

Dato' Boon Som a/l Inong: Ya, isu pokok yang selalu disebut dalam dialog itu ialah sistem pendidikan kita daripada sejak awal lagi. Ada salah satu daripadanya wanita Melayu mengatakan bahawa anak beliau Darjah 3 balik daripada sekolah beritahu kepada beliau bahawa dia tidak boleh bercampur dengan budak Cina sebab mereka itu tidak pergi syurga. Banyak disebabkan politik yang lebih meniupkan unsur-unsur perkauman bagi memecahkan rakyat Malaysia ini. Kita berhentilah meniupkan api perkauman.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat Dato' Boon sudah bercakap hampir 40 minit. Jadi, ada kira-kira tiga atau empat minit sahaja lagi. Saya minta kalau ada *point* lain yang hendak dikemukakan dalam masa empat minit atau lima minit berikut.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dalam sebuah negara majmuk seperti Malaysia, perpaduan adalah teras pembangunan negara. Oleh itu sesuatu kaum perlu memahami kaum-kaum yang lain, baik agama, budaya dan adat resam hidup mereka. Saya pernah mencadangkan di Dewan ini dan hari ini saya ingin mengulangi pandangan ini

supaya karyawan tempatan serta televisyen tempatan menghasilkan dan menyiarkan lebih banyak filem, drama, rancangan yang bermutu, yang membawa mesej persefahaman dan perpaduan seperti mana yang pernah dilakukan oleh legenda seniman tanah air kita iaitu legenda agung Tan Sri P. Ramlee.

Marilah kita sama-sama berusaha untuk saling memahami antara satu sama lain dan mengekalkan perpaduan di negara kita. Mudah-mudahan keamanan, kedaulatan, kemakmuran, kemajuan dan pembangunan yang kita nikmati sekarang dapat kita pertahankan sehingga ke masa akan datang.

Saya tertarik dengan petikan catatan Tuan Norizan bin Sharif Pengarah Kanan Unit Peneraju Agenda Bumiputera, Jabatan Perdana Menteri di *Facebook* baru-baru ini mengenai persahabatan akrab beliau dengan pemuda keturunan Siam bernama Pan. Catatan beliau berbunyi, "*Kami pernah berkongsi makan nasi lemak di kantin dari bungkus yang sama. Saya tidak pasti, adakah itu menyebabkan kami rapat atau salah seorang daripada kami tidak bawa wang saku ke sekolah. Beliau pernah membawa saya ke wat Siam Padang Sera. Kami berjalan-jalan di sekitar wat Siam tetapi tidak ke tempat ibadat. Masing-masing tahu had persahabatan. Sewaktu saya pergi memanjat pokok rambutan di rumahnya di Kampung Tok Arang, Pan a/l Song akan menjaga saya dengan menghalau babi dan anjing agar pergi jauh. Kami sama-sama menghormati adat dan budaya masing-masing. Pan dan saya kini menjangkau lebih 50 tahun. Semua itu sudah menjadi sebahagian sejarah hidup. Sekarang saya berfikir, apakah masih wujud lagi keakraban dan rasa hormat sesama anak-anak kita yang berlainan bangsa dan agama*".

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mohon marilah kita terapkan formula perpaduan iaitu 3M 'memahami, menghormati dan menerima' merupakan kunci sakti ke arah perpaduan negara secara total memandangkan realiti masyarakat kita di sini. 'M' ini boleh diletak yang mana-mana dahulu pun, tidak mengapa asalkan ia mendukung hasrat kita bersama iaitu ke arah mencapai keharmonian dalam negara kita yang tercinta ini. Semoga keamanan, kerukunan dan perpaduan bangsa Malaysia dapat dipelihara dan dinikmati hingga ke anak cucu kita. Saya mohon menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Diraja. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Boon Som kerana memahami dan menghormati waktu yang telah ditetapkan. Dalam senarai yang ada di hadapan saya sekarang, giliran berikut ialah Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat. Silakan *al-Fadil*.

12.29 tgh.

Dato' Dr. Johari bin Mat: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Walaikumussalam.*

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Ke-13, pada 10 Mac yang lalu.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya pergi lebih jauh saya ingin menyampaikan ucapan simpati yang tidak terhingga kepada keluarga anak-anak kapal dan juga penumpang yang telah hilang sampai sekarang kita masih menunggu beritanya. Kepada mereka, kita berdoa kepada Allah SWT supaya Allah memberi ketabahan atas tragedi yang berlaku. Itu merupakan satu ketentuan dan kita memohon supaya berita baik akan kita terima tidak berapa lama lagi. Perkara yang sama saya ucapkan syabas dan tahniah kepada pihak kerajaan yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mencari dan memastikan kedudukan yang sebenar, apa yang telah berlaku sejak dahulu sampai ke hari ini. Kita doakan supaya usaha-usaha ini diberi keberkatan dan kejayaan nanti.

Pada kesempatan ini juga saya minta, saya mohon kepada seluruh rakyat Malaysia supaya sentiasa memberi kerjasama dan berdoa yang tidak putus-putus untuk kesejahteraan khususnya kepada anak-anak, keluarga mereka dan juga kepada siapa sahaja yang terbabit. Kesempatan ini saya ingin menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mendiang Karpal Singh yang telah pergi dan orang yang disayangi telah meninggalkan mereka.

Seterusnya, saya ingin menyampaikan ucapan syukur sebanyak-banyaknya kepada Allah dan syabas kepada semua kakitangan penerbangan MAS yang telah dapat mendarat dengan baik dan tidak mengalami apa-apa bencana yang tidak diinginkan. Ini sebagai satu tanda syukur yang amat besar rakyat Malaysia kepada Allah SWT dan kepada kegigihan mereka-mereka yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada ucapan Titah Seri Paduka yang panjang ini saya nampak sarat dengan saranan-saranan, pemikiran-pemikiran yang sangat perlu diberi perhatian, oleh kita rakyat Malaysia, khususnya kita di Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ringkaskan ucapan saya ini dalam fakta-fakta yang berikut. Saya melihat fakta yang tersurat dalam ucapan ini kita perlu satu tempat tinggal. Ucapan itu saya dapat simpulkan Baginda mengajak kita kepada kesejahteraan hidup yang baik. Kesejahteraan itu dapat kita lihat yang pertama, ada tempat tinggal yang selesa, mempunyai pakaian yang cukup, makanan yang cukup, ada pengangkutan dan kemudahan dalam perhubungan, ada persekitaran yang bersih dan kondusif, keluarga yang harmoni, pendidikan yang bagus, memberi perhatian kepada generasi muda dan menyayangi, menghormati generasi tua.

Dengan itu negara aman, negara kita akan jadi aman sejahtera apabila tidak berlakunya atau kurang indeks jenayahnya. Masyarakat hidup berkasih sayang dan bertoleransi antara satu sama lain. Kemudian masyarakat saling lengkap melengkapi antara satu sama lain. Katakan kita dalam rumpun kaum-kaum di Malaysia mempunyai keistimewaan berbagai yang tidak sama. Rumpun 'A' mempunyai keistimewaannya, begitulah juga sebaliknya rumpun 'B' ada keistimewaannya. Jadi, keistimewaan ini kita melihat sebagai melengkapi antara satu sama lain dan ini merupakan asas untuk berpadu. Manusia dijadikan oleh Allah bukan untuk berkelahi dan bersengketa antara satu sama lain.

Malah Al-Quran di dalam banyak ayatnya antara lain menyebut, saya bacakan... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* Maksudnya, "Wahai seluruh manusia, wahai seluruh insan, Kami jadikan kamu

lelaki dan perempuan dan Kami jadikan kamu berbangsa dan berpuak-puak, bergolongan, hanyalah semata-mata untuk ta'aruf, berkenalan, bukan untuk bersengketa."

Jadi, kalau kita ambil dasar ini, maka kita boleh hidup aman damai. Setiap orang mempunyai kelebihan, boleh membantu orang lain dan orang lain dapat menerima kelebihan itu. Begitu juga masyarakat negara yang menikmati rezeki limpah ruah yang banyak dan rezeki ekonomi yang mapan, taraf hidup pendidikan dan taraf kesihatan yang baik. Seterusnya, Allah mengampunkan, maksudnya tidak berlaku jenayah dalam kehidupan.

Di dalam merealisasikan hal ini saya melihat dalam negara kita ada 24 kementerian. Satu-satu kementerian itu dipimpin oleh seorang Menteri dan Timbalannya dan ada beberapa kementerian yang mempunyai dua Menteri dan begitulah juga ada kita tengok Jabatan Perdana Menteri lebih daripada beberapa orang Menteri. Ini tidak termasuk Timbalan-Timbalan Menteri di semua kementerian dan begitulah juga semua pegawai dan kakitangan. Ini adalah untuk merealisasikan kesejahteraan, keharmonian, perpaduan dan kehidupan yang selesa kepada rakyat di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut sedikit berhubung dengan tragedi MH370. Saya melihat perkara ini daripada mula sampai hari ini walaupun tidak secara mendalam tetapi secara mendatar saya melihat ucapan-ucapan yang saya rasa perlu dilihat kembali, hatta dalam Parlimen kita ini pun. Portal rasmi. Saya melihat ada orang yang mengucap takziah kepada keluarga mangsa.

Apa makna takziah? Takziah ini maknanya orang mati. Kerajaan Malaysia belum mengisytiharkan mereka mati. Apabila belum isytihar mati, maka ucapan takziah tidak boleh kita lakukan. Itu menyentuh perasaan banyak pihak, terutamanya keluarga. Ada keluarga yang tidak mahu lagi menerima hal itu dan kalau kita tengok dalam jawapan Timbalan Menteri Pengangkutan dua hari yang lepas. Keadaan itu telah diberi *feedback* ataupun respons daripada pihak keluarga dan sebagainya. Saya melihat juga ada orang yang bertelingkah dalam hal ini.

Pada saya, kalau menurut pandangan ulama-ulama Islam, masalah kehilangan ini telah berlaku sejak dari dahulu sampai sekarang. Atas kerana itu mereka memberi pandangan. Ada yang memberi pandangan empat tahun baru boleh dikatakan mereka akan mati. Ada pandangan sampai 120 tahun, ada pandangan 70 tahun, ada pandangan 40 tahun dan sebagainya. Ia tidak merupakan satu kata putus.

Kenapa tidak ada kata putus? lalah kerana tidak ada nas yang jelas berhubung dengan hal itu. Dia kembali kepada ijtihad para ulama. Kalau zaman dahulu orang hilang ada dua sahaja. Hilang di darat dan hilang di laut dan begitu juga gempa bumi. Kalau sekiranya hilang di darat, ada yang mengatakan empat tahun tunggu. Hilang ini makna hilang tidak ada satu berita. Kalau hilang di laut juga sama. Kalau hilang dalam gempa bumi, mereka ada yang memberi pandangan cukup menunggu hanya setahun.

Walau bagaimanapun hal ini saya katakan tadi tidak ada satu kata putus kerana tidak ada nas yang jelas dan terang. Maka, ia terpulang kepada kerajaan untuk membuat keputusan. Itu yang muktamad. Sebelum membuat keputusan, saya berpendapat perlu diambil kira semua pendapat dan

pandangan. Kita tidak hanya perlu melihat satu-satu pandangan sahaja tetapi kita ambil semua pandangan dan kita rumuskan mana yang lebih maslahat dan baik untuk semua pihak.

Saya beri contoh, kalau sekiranya seorang isteri yang ditinggalkan, kalau sekiranya menurut pandangan empat tahun, maka dia tidak boleh berkahwin. Begitu juga kalau ada harta pusaka tidak boleh dibahagi kerana dia belum meninggal, begitulah seterusnya. Jadi, perkara ini perlu dilihat secara holistik oleh pihak kerajaan supaya semua pihak mendapat kebaikan-kebaikan. Memang hal-hal ini telah diperdebatkan bukan baru tetapi perkara ini sudah lama dan kita pun akan menghadapi perkara yang sama. Tuan Yang di-Pertua, itu sedikit pandangan saya kalau saya boleh berkongsi.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat lagi di dalam Dewan ini kita telah meluluskan Akta Perubatan Alternatif. Sekarang ini saya rasa hendak bertanya pihak kementerian sejauh mana perubatan alternatif ini berjalan dan terlaksana dan kita melihat ada jawatankuasa-jawatankuasa mengikut perubatan masing-masing daripada semua kaum dan saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sejauh manakah hal ini telah diambil kira dan sejauh manakah ianya telah berlaku dan kita tidak mahu hal-hal ini berlaku di luar daripada kawalan yang telah diberikan.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua saya mula masuk ke Dewan Negara ini pada 7 Julai 2011. Pada ketika itu saya melihat ada satu kenyataan daripada Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang sekarang ini telah bersara menyatakan anak di luar nikah telah mencapai 200,000 lebih. Saya telah membangkitkan hal itu di dalam Dewan ini, apa tindakan yang telah dan akan dibuat oleh pihak kerajaan untuk membantu mereka kerana anak tidak sah taraf ini dia mempunyai beberapa kategori.

Antaranya ialah ibu bapa yang berkahwin di luar negara seperti Thailand tetapi tidak mendaftar. Pernikahan mereka sah daripada segi hukum syarak tetapi dari segi undang-undang tidak sah. Jadi yang menjadi masalah ialah anak-anak tersebut untuk mendapat pelajaran dan sebagainya. Begitu juga hal ini berlaku ialah hasil daripada perkahwinan yang menurut pandangan yang dipegang oleh negara kita ialah tidak cukup enam bulan dua *lahzah*. Saya pun sukar hendak cakap dua *lahzah* ini. Dua *lahzah* ini tidak sampai sekelip mata...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tidak sampai?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Sekelip mata. Sekejap. Jadi enam bulan dua *lahzah*. Jadi saya melihat perkara ini juga berlaku di mana anak-anak yang tidak cukup usia kandungan enam bulan dua *lahzah* ini tidak boleh dibinkan kepada bapanya. Apabila itu berlaku kesannya bukan kepada ibu bapa Tuan Yang di-Pertua tetapi kesannya kepada anak-anak itu apabila mereka berada dalam masyarakat. Apabila mereka masuk sekolah, kecil tidak apa. Masuk sekolah orang lain semua ada "bin", dia tidak ada "bin". Kosong. Tempat "bin"-nya kosong. Ini menimbulkan masalah psikologi yang sangat tinggi dan boleh menyebabkan hal-hal yang tidak diinginkan berlaku. Saya telah membangkitkan perkara ini beberapa kali di sini dan sampai sekarang kita tidak nampak penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita perlu buka sedikit perbincangan supaya hal-hal ini dapat diatasi dan kita tidak perlu hanya berpegang kepada satu aliran pendapat sahaja. Ambil mana-mana

pendapat yang boleh menyelesaikan masalah dan tentulah banyak di dalam masyarakat kita khususnya dalam bidang Islam ini kita tidak semata-mata berpegang kepada satu mazhab sahaja seperti Mazhab Syafie. Tidak. Banyak sudah kita guna mazhab lain.

Sebagai contoh saya bawakan di sini dari segi zakat. Kalau Mazhab Syafie zakat kena beras tapi sekarang orang tidak bawa beras lagi, pakai nilai. Itu satu. Yang kedua sebagai contoh lagi berhubung dengan takaful perniagaan, sistem kewangan tidak memakai Mazhab Syafie sepenuhnya tetapi telah mengambil, diadun memilih mana-mana seperti Mazhab Hanafi. Ini merupakan satu kelonggaran, satu fleksibel yang perlu dilihat oleh kita semua dan saya menyarankan supaya dilihat secara sungguh-sungguh perkara ini kerana kepentingan anak-anak ini dan daripada 200,000 lebih itu adalah 80,000 adalah anak-anak Muslim yang mereka nanti tidak akan dapat bin atau tidak akan dapat persekolahan yang cukup. Itu pada tahun 2011. Sekarang ini mungkin ada angka yang lain. Jadi saya harap pihak kementerian perlu memberi tumpuan dan penekanan. Ini adalah untuk kesejahteraan rakyat sebagaimana yang telah dititahkan oleh Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, berpindah kepada Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan telah membuat reformasi yang hebat di dalam 2013-2015. Kita harap perkara ini berlaku dan dapat memberi input yang baik kepada negara khususnya kepada generasi muda. Kita hari ini generasi lama. Yang akan memimpin masyarakat adalah mereka, anak-anak kita nanti. Bagaimana kita mencorakkan mereka begitulah kepimpinan negara masa akan datang. Ini sangat penting.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, jawapan Yang Berhormat Menteri semalam antara lain yang menarik perhatian saya ialah Yang Berhormat Menteri memberitahu dalam transformasi ini dia menekankan pendidikan rohani. Itu sangat bagus, sangat cantik kerana masalah masyarakat, khususnya orang-orang Islam apabila mereka tidak diberi tekanan dan pendidikan yang betul-betul berhubung dengan kerohanian ini mereka akan mungkin menyebabkan berlaku gejala-gejala yang tidak baik. Gejala yang tidak baik ini bukan sahaja berlaku di kalangan anak-anak, orang muda tetapi ia juga berlaku sampai orang dewasa dan malah bukan rakyat biasa juga tetapi dia terlibat kepada pegawai-pegawai dan juga ahli-ahli politik seperti kita.

Ini adalah berlaku ekoran daripada rohani jiwa yang menyebabkan kerana itu kalau kita tengok laporan audit yang telah membentangkan ada ketirisan, ada masalah. Ini sebenarnya ialah kredibiliti atau tanggungjawab. Kita tidak kata mereka menerima rasuah tetapi ialah tanggungjawab sehingga berlaku ketirisan, berlaku kelambatan sehingga kos pembinaan umpamanya naik. Kita tidak nafikan. Kalau sepatutnya setahun siap tapi masuk dua tahun atau setahun setengah kosnya sudah meningkat. Ini merupakan satu keadaan yang boleh kita atasi apabila mempunyai pendidikan rohani itu dibetulkan.

Dalam hubungan ini saya juga mengetahui bahawa banyak program di sekolah berhubung dengan kerohanian ini. Ada pelajaran agama, ada j-QAF dan sebagainya namun sampai sekarang saya rasa kedudukan pendidikan Islam di sekolah-sekolah masih ditakuk lama. Takuk lama daripada segi pengiktirafan. Pelajaran Islam tidak menjadi satu mata pelajaran wajib. Kalau UPSR Pendidikan Islam tidak masuk. Apabila sesuatu pelajaran itu tidak diwajibkan maka anak-anak kita termasuk ibu bapa kita tidak memberi perhatian. Mereka akan memberi perhatian seperti tuisyen dan sebagainya hanya

kepada pelajaran wajib iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains. Apa lagi satu? Ada lima subjek. Inilah subjek yang telah diberi tumpuan. Pendidikan Islam tidak ada apa-apa nilai dalam kelulusan.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Mohon mencelah Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat menyebut tentang mata pelajaran agama Islam yang diajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah khususnya sekolah-sekolah kerajaan ini. Sebagaimana yang kita sedia maklum mata pelajaran agama Islam khususnya di sekolah menengah adalah salah satu daripada subjek yang diajar sekali gus dengan mata pelajaran yang lain seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

■ 1250

Maka, pelajaran agama Islam ini harus ataupun perlu diperkuatkan lagi oleh ibu bapa seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dan juga institusi-institusi lain di dalam masyarakat kita. Kalau di negeri Johor, kita ada sekolah agama di sebelah petang dan sekolah agama negeri Johor ini sudah berjalan hampir 100 tahun dibiayai oleh kerajaan negeri. Setiap tahun kerajaan negeri memperuntukkan RM150 juta kepada pendidikan agama negeri Johor khusus untuk pendidikan agama sebelah petang.

Akan tetapi nampaknya di negeri-negeri lain tidak ada. Selangor baru mula dalam 10, 15 tahun yang dahulu pada zaman Kerajaan Barisan Nasional. Negeri Sembilan pun sudah ikut tetapi negeri-negeri lain sampai sekarang pendidikan agama seperti yang dibuat di Johor itu tidak ada. Apa pandangan Yang Berhormat dalam hal ini?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih. Sepatutnya semua ada contoh Johor lah, bagus. Walau bagaimanapun, negeri seperti di Kelantan ada di sekolah menengah, sekolah rendah ini pelajar-pelajar ini diajar dengan KAFA jadi ada pelajaran itu. Cuma apa yang saya hendak tekan ialah adakah kerajaan menjadikan subjek itu subjek wajib lulus pada masa akan datang sebagaimana kerajaan telah menjadikan subjek Sejarah wajib lulus, wajib ambil dan lulus kepada pelajar-pelajar Islam. Saya hendak tanya itu dan saya harap dapat jawapan yang memuaskanlah.

Ini kerana bagi saya, kita ajar betul, kita ajar anak-anak kita dalam kelas dan apabila kita tidak ada satu penekanan maka di sinilah mereka tidak akan memberi perhatian. Jadi ibu bapa pun tidak beri perhatian. Kalau Matematik wajib lulus, ibu bapa hantar tuisyen tetapi kalau yang ini tidak kita tekankan ibu bapa tidak hantar tuisyenlah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Untuk pelajar Islam sahajalah?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Ya, untuk pelajar Islam dan begitu juga saya rasa yang lain mungkin boleh kenakan, lakukan sivik supaya ia selaras dan sebagainya supaya kita hendak lahir...

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Minta laluan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila, sila, sila.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih. Saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat untuk menjadikan pelajaran Islam sebagai subjek yang kena lulus sebelum dapat *certificate*.

Apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan murid-murid yang tidak beragama Islam? Kalau misalannya kalau seseorang itu yang beragama Islam, *very good in Mathematic*, dengan izin, Sains dan sebagainya.

Akan tetapi oleh sebab tertentu dia tidak *concentrate* dengan ini, jadi tidakkah kita tidak adil kalau murid beragama Islam ini tidak dapat *certificate* kerana tidak lulus dalam agama tetapi murid-murid yang tidak beragama Islam tidak semestinya lulus dalam agama Islam. Apa pendapat Yang Berhormat dalam hal ini, macam mana Kementerian Pelajaran hendak mengatasi masalah seumpama ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih. Satu perkongsian yang baik, terima kasih Yang Berhormat Dato'. Saya melihat bagi pelajar-pelajar yang bukan Islam mereka ada pelajaran moral, jadi pelajaran moral ataupun pelajaran sivik itu perlu diberi semua. Jadi kalau orang Islam ada yang ini, yang itu ada moral supaya kita dapat lahirkan masyarakat yang baik dan berbudi bahasa di dalam masyarakat kita. Saya menginginkan hendak melihat anak-anak kita yang akan lahir sebagai orang-orang dewasa pada masa akan datang mempunyai akhlak yang tinggi dan moral yang baik. Jadi saya di sini perlu diberi penekanan agar kita dapat melahirkan orang-orang yang senang dan mendapat pengiktirafan daripada orang lain juga.

Perkara yang kedua berhubung dengan kementerian...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar Saya mohon sedikit Yang Berhormat Dato', seronok juga bila topik yang sebegini. Terima kasih Yang Berhormat Dato' berkenaan dengan topik agama Islam ini dari segi subjek pendidikan sebab apa yang kita tahu pertama sekali kita lihat dari segi perlembagaan kita sendiri pun dalam konteks amalan agama Islam adalah orang kata agama rasmi di dalam perlembagaan kita. Sebelum ini juga kita pernah lihat subjek sejarah adalah subjek pilihan untuk pelajar-pelajar tetapi sekarang subjek sejarah telah menjadi subjek wajib untuk lulus.

Pada saya, saya melihat pandangan yang disuarakan oleh Yang Berhormat Dato', saya rasa kementerian perlu mengkaji dan kalau boleh biarlah mata pelajaran agama ini untuk anak-anak yang beragama Islam dijadikan satu subjek yang wajib kerana rasionalnya telah jelas dan saya nampak ada rasionalnya kenapa mata pelajaran agama ini perlu menjadi salah satu subjek wajib untuk anak-anak yang beragama Islam. Jadi dalam konteks yang disuarakan oleh Yang Berhormat Dato' saya sangat-sangat bersetuju dan saya menyokong dan saya juga mohon kalau boleh pihak kementerian boleh mengkaji kaedah-kaedah untuk mereka yang bukan agama Islam di dalam konteks subjek yang lain yang boleh dijadikan satu subjek yang wajib juga. Terima kasih, Yang Berhormat Dato'.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih kerana memberi pandangan dan sokongan yang baik. Kedua berhubung dengan kurikulum Azhari. Saya mendapat maklum bahawa pihak yang berkenaan telah menggubal satu kurikulum untuk menggantikan Kurikulum Azhari yang diajar di sekolah-sekolah agama Arab di seluruh negara. Saya ingin mengetahui setakat ini apakah masalah yang dihadapi di dalam pelaksanaan kurikulum Azhari ini hingga perlu ada satu kurikulum baru yang telah digubal untuk diajar kepada anak-anak di sekolah-sekolah berkenaan. Kalau ianya ada masalah kita ingin tahu, apa dia pendekatan, apa dia masalah yang telah berlaku dan telah dikenal pasti. Kedua, kurikulum itu akan

di laksana bila dan kepada siapa? Sekolah mana, dan seterusnya kita harap pelaksanaan tersebut perlu diberi satu perhatian yang sungguh-sungguh supaya ia dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Seterusnya saya hendak pergi kepada pertanian. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kita- ya, sebenarnya seperti kata tadi, kita berjanji untuk setiap Ahli Yang Berhormat mendapat waktu lebih kurang 40 minit. Yang Berhormat Dato' Dr. Johari sebenarnya sudah bercakap lebih kurang 27 minit jadi kira ada 12 minit lagilah. Kalau boleh habiskan sekarang, terserahlah. Kalau tidak dalam tiga minit lagi kita terpaksa tangguhkan Mesyuarat ini jadi barangkali Yang Berhormat boleh sambung selepas rehat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Akan tetapi sekarang boleh lagi ini?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila untuk tiga minit lagi.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Tiga minit, terima kasih. Tadi Yang Berhormat Dato' pun sudah menyebut tentang hal beras, saya pun hendak minta pandangan atau jawapan daripada kementerian yang berkenaan. Kita ini mempunyai tanah yang sangat luas. Tanah pertanian subur juga sampai bila agak-agaknya kementerian boleh merancang kita ini tidak bergantung kepada beras daripada luar. Ini satu hal yang perlu kita lihat secara holistik supaya sebab saya merasakan bahawa kita di Malaysia ini ada mempunyai peluang yang banyak tetapi kita masih menerima atau mengambil atau mengimport beras daripada negara jiran. Kalau hal-hal terjadi macam mana kita hendak *survive* atau hendak menyelesaikan masalah kita ini?

Seterusnya berhubung dengan pertanian juga kita banyak komuniti tetapi sebagaimana sebut tadi getah, harga getah telah turun begitu rendah. Saya hendak tahu apa langkah-langkah yang sedang dirancang oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini kerana kita tahu bahawa penoreh getah merupakan golongan yang agak ramai di dalam masyarakat kita ini.

Seterusnya ada satu minit lagi ini sebelum itu saya hendak pergi kepada Sistem Kewangan Islam. Kita telah luluskan di dalam Dewan ini, Dewan ini telah meluluskan Sistem Kewangan Islam dalam 2012 dalam dua tahun lepas. Berhubung dengan sistem ini dan kita nampak Sistem Kewangan Islam ini telah melonjak begitu baik dan telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa Malaysia peneraju Sistem Kewangan Islam di peringkat antarabangsa dan telah berkembang hebat dengan 16.5% dengan penguasaan pasaran 25.7% pada tahun 2013.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya minta maaf Yang Berhormat. Jam sekarang menunjukkan tepat pukul 1, kalau belum selesai Yang Berhormat boleh sambung kira-kira 10 minit lagi selepas rehat tengah hari nanti. Dengan itu saya dengan ini menangguhkan Mesyuarat ini sehingga pukul 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang.]

■1430

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Kita mulakan semula kita punya persidangan. Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat kerana kita di Dewan ini sebagaimana tercatat juga dalam peraturan, kalau boleh saya lebih menggalakkan dan menyarankan Yang Berhormat cuba melatih diri untuk berbahas serta berucap tanpa menggunakan teks. Gunakan teks itu sebagai poin-poin untuk rujukan sahaja. Ini lebih baik dan menunjukkan peningkatan, penambahbaikan kebolehan semua Ahli Yang Berhormat.

Tadi kita berhenti sebelum jam satu, saya persilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari. Teruskan, ada 10 minit lagi.

2.33 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung perbincangan tadi. *Bismillahi Rahmani Rahim.*

Malaysia telah berada dalam satu keadaan sistem kewangan Islam yang mapan sebagaimana yang telah diterangkan oleh Perdana Menteri di mana aset perbankan Islam berkembang hebat dengan 15.5% dengan penguasaan pasaran 25.7% pada tahun 2013. Begitu juga jumlah urus niaga berasaskan mata wang asing yang diurusniagakan di bank Islam antarabangsa meningkat kepada 18.1 bilion pada 2013 berbanding dengan 14.6 bilion pada tahun sebelumnya. Persoalan yang kita tengok ini merupakan persoalan perkembangan yang positif.

Cuma, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, bilakah prasarana seterusnya akan diperkemas dan diperkasakan seperti kehakiman, mahkamah yang dapat mengendalikan sistem kewangan Islam ini sepenuhnya? Kalau sekiranya hari ini kalau ada pihak yang berurusan dengan cara sistem kewangan Islam ini kalau ada masalah, mereka akan pergi kepada mahkamah biasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat akhbar-akhbar melaporkan bahawa usaha-usaha kerajaan untuk membanteras PATI giat dilakukan. Namun, saya terbaca dalam akhbar, setiap kali usaha-usaha untuk membanteras mereka tetapi apabila pihak penguat kuasa sampai ke tempat yang berkenaan, PATI itu sudah tidak ada lagi. Dikatakan ada pihak dalam yang membocorkan rahsia dalam hal ini. Saya ingin tahu apakah langkah-langkah telah diambil oleh pihak berkuasa mengenal pasti orang-orang dalam sendiri membocorkan rahsia ini kerana ini merupakan satu tindakan yang tidak tepat dan bertentangan dengan etika kerja kita.

Seterusnya saya ingin pergi kepada keselamatan. Saya melihat di dalam laporan *Berita Harian* baru-baru ini bahawa samun berkumpulan senjata api meningkat daripada tahun ke tahun. Tahun 2012, sebanyak 26 kes, tahun 2013, meningkat kepada 101 kes. Sementara kita tengok kes bunuh pula, tahun 2012 sebanyak 33 kes sementara tahun 2013 adalah sebanyak 74 kes. Ini meningkat. Begitu pula rogol, tahun 2012 sebanyak 386 kes, sementara tahun 2013 ialah sebanyak 824 kes. Kalau kita melihat kepada kes-kes ini, ini menandakan bahawa jenayah ini meningkat dari tahun ke tahun. Jadi, apa langkah-langkah yang telah diambil supaya jenayah-jenayah seperti ini dapat dibendung dan seterusnya kalau kita boleh, sifar jenayah.

Begitulah juga saya ingin menarik tentang pembinaan kepada warga tua atau warga emas. Saya melihat dalam statistik yang telah diberikan oleh pihak kerajaan bahawa kekerasan terhadap kedua-dua ibu bapa ini semakin meningkat. Saya sebut ini tanpa mengira agama dan bangsa tapi dalam konteks Malaysia. Pada tahun 2011, ada 333 kes, tahun 2012 ada 442 kes sedangkan tahun 2014 meningkat kepada 501 kes. Tahun demi tahun peningkatan berlaku terhadap kekerasan terhadap kedua ibu bapa. Ini sepatutnya tidak terjadi kepada mana-mana ibu bapa dan oleh anak-anak kepada ibu bapa sebab ibu bapalah yang menyara dan menjaga mereka.

Oleh kerana itu, Islam pesan, wasiat supaya anak-anak sangat berbakti kepada ibu bapa. Malah, diajar di dalam Al-Quran supaya kita tidak boleh berkasar terhadap kedua-dua ibu bapa walaupun mereka tidak mempunyai pelajaran yang tinggi atau melakukan kesilapan walaupun dengan berkata 'Uh'. Inilah nilai yang perlu kita tanam supaya anak-anak kita mempunyai nilai yang tinggi dan akhlak yang mulia terutama kepada orang yang sangat berjasa kepada mereka sejak daripada kecil.

Saya melihat hal-hal ini Tuan Yang di-Pertua, merupakan satu kelompangan yang berlaku di dalam masyarakat kita iaitulah pendidikan rohani sebagaimana yang telah diterangkan tadi dan apabila kita perlu melihat kembali, maka *insya-Allah* hal-hal seperti ini akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi...

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah. Boleh ?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Bolehlah tapi jangan lama sangatlah.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang sangat Yang Berhormat.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan pandangan Islam daripada segi kehormatan kepada kedua-dua ibu bapa, status yang diberikan kepada para ibu bapa. Akan tetapi saya dapati di Terengganu sebelum ini, apa yang ditimbulkan sehinggakan dalam konteks kita berpolitik ini, ibu bapa pun harus halal sampai ziarah pun tidak, kalau meninggal. Ada setengah itu memang dipulaukanlah kepada ibu bapa. Apa pandangan Yang Berhormat tentang konsep yang dibawakan oleh pembangkang sebelum ini dan perkara ini serius sebenarnya di Terengganu. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Oleh kerana itulah saya mengharapkan ada sistem pelajaran yang baik supaya anak-anak kita tidak terpengaruh dan orang dewasa pun tidak terikut dengan apa yang tidak baik. Kita ada panduan kita iaitu Al-Quran dan hadis. Mana-mana orang yang tidak menepati itu, sebenarnya siapa pun tidak benar. Itu jawapan sayalah.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah berhubung dengan Enakmen Jenayah Syariah 2 yang telah disebut semalam dan Enakmen Jenayah Syariah 2 ini ada *pros and cons*. Walau bagaimanapun, enakmen jenayah ini kita kena tengok keseluruhannya. Kalau kita belajar kitab Fiqah, daripada awal sampai akhir ada lima bahagian, iaitu:

- (i) ibadah;
- (ii) munakahat;
- (iii) muamalat;

- (iv) jenayah; dan
- (v) *as-siyar*.

Inilah kalau kita belajar mana-mana kitab fiqah, maka pembahagian bab itu pada bab-bab besar ada lima. Dalam bab ibadah, ibadah khusus ialah solat, zakat, haji dan puasa. Itu dalam bab zakat. Hal ini pun ada peraturannya. Ada enakmennya. Malah bab zakat pun ada enakmen. Begitu juga solat pun ada enakmen dan bagi orang yang tidak pergi solat Jumaat umpamanya boleh diambil tindakan. Ada enakmennya. Begitulah juga dengan puasa. Makan di khalayak ramai boleh diadakan enakmen kerana itu ada semua.

Kedua, dalam bab munakahat. Dalam bab munakahat atau perkahwinan atau undang-undang keluarga, kita telah ada. Ini berjalan dalam masyarakat kita dan semua negeri kita berpandukan hal itu.

Ketiga, ialah bab jual beli ataupun muamalat. Dalam bab muamalat ini kita telah berkembang hebat sehingga di dalam Dewan ini telah diluluskan Rang Undang-undang Kewangan Islam 2012. Ini maksudnya rang undang-undang yang berkaitan dengan muamalat.

Keempat ialah undang-undang jenayah. Undang-undang jenayah ini ialah yang berkaitan dengan hukum kesalahan membunuh atau yang seumpamanya. Begitulah juga hukuman-hukuman yang disebut sebagai hukum hudud dan begitu juga hukum takzim. Itu ialah dalam ruang lingkup kitab-kitab fiqah yang telah disepakati oleh seluruh umat Islam sejak dulu sampai sekarang. Hatta orang yang belajar *Matlain Badrin* pun ada perkara ini.

Terakhir ialah masalah *as-siyar* iaitu hubungan sesama kita. Hubungan negara kita yang Islam ini dengan negara luar dalam suasana aman ataupun sebaliknya. Ini adalah peraturan yang telah ditulis oleh para ulama dan disusun sejak dulu sampai kini mengikut bab-bab masing-masing. Jadi apa yang disebut Enakmen Jenayah Syariah (2) itu ialah sebahagian daripada bab kitab fiqah yang telah disusun atur dan diikuti oleh seluruh umat Islam sejak daripada dulu sampailah kini.

Apa yang kita lihat kadang-kadang apabila kita sebut mungkin tidak kena cara. Kita sebut hudud. Sebenarnya undang-undang itu bukan undang-undang hudud. Saya telah pun sebutkan hal ini di Dewan ini. Undang-undang Enakmen Jenayah Syariah (2). Hal-hal keagamaan ini memang terletak di bawah bidang kuasa negeri. Oleh kerana itulah Tuan Yang di-Pertua, perkara ini merupakan satu perkara yang ada kaitan langsung dengan kehidupan umat Islam seperti haji, umrah dan sebagainya. Oleh kerana itu bagi saya apa yang dikemukakan di dalam Dewan ini sama ada orang bersetuju atau tidak, itu soal yang lain. Akan tetapi saya hendak tegaskan bahawa ini mempunyai kaitan dengan kehidupan harian mengikut agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat hal ini perlu kita jelaskan dan hukum-hukum dan peraturan-peraturan yang ada di dalam enakmen itu sebenarnya tidak menakutkan dan tidak akan menyusahkan sesiapa. Undang-undang itu sebenarnya diadakan untuk mencegah dan supaya orang tidak melakukannya. Undang-undang itu dianggap satu kejayaan apabila tidak ada orang melanggarnya. Bukan untuk menghukum. Oleh kerana itulah saya yakin dan percaya bahawa kita semua mempunyai keyakinan yang sama bahawa undang-undang yang telah dibentangkan di dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan itu ialah:

- (i) tidak akan menyusahkan sesiapa;
- (ii) ia hanya berlaku di negeri Kelantan; dan
- (iii) ia hanyalah untuk orang-orang Islam sahaja.

Jadi saya rasa itu yang perlu kita sama-sama fahami. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca doa duduk antara dua sujud. Doa duduk antara dua sujud ini saya lihat ia merangkumi Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kalau kita sembahyang, orang Islam sembahyang, duduk antara dua sujud. Ia menyebut, "*Robbighfirlil warhamni wajburni warfa'kni warzuqni wahdini wa'afini wa'kfu 'anni.*" Ada lapan perkara yang disebut oleh setiap orang yang kita lakukan. Sebenarnya kalau saya terjemah:

- (i) "*Robbighfirlil*" iaitu wahai Tuhanku, tolong ampunkan segala silap dan salah yang telah aku lakukan;
- (ii) "*Warhamni*", tolonglah beri kasihani kepadaku;
- (iii) "*Wajburni*", tolonglah sempurnakan ataupun tempel apa yang carik, cantum apa yang pecah dan dekatkan apa yang jauh;
- (iv) "*Warfa'kni*", angkatlah kedudukanku. Maksudnya berilah kemuliaan kepadaku;
- (v) "*Warzuqni*", berilah rezeki kepadaku;
- (vi) "*Wahdini*", berilah hidayah kepadaku;
- (vii) "*Wa'afini*", berilah kesihatan kepadaku; dan
- (viii) "*Wa'kfu 'annih*", tolong ampun dan maaf terhadap semua perkara yang Engkau perintahkan aku tidak lakukan....

Tuan Yang di-Pertua: Boleh gulung, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Jadi dari doa ini dan daripada doa itu sebenarnya kalau kita lihat ia terangkum yang kita ucap setiap hari. Oleh kerana itu saya mengharapkan semua orang Islam apabila dia memahami apa yang dia telah baca di dalam Al-Quran, maka cita-cita masyarakat sejahtera, murni, aman dan damai di dalam negara kita ini akan tercapai sebagaimana hasrat Titah Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya pohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Syed Shahir bin Syed Mohamud. Selepas itu Yang Berhormat Puan Norliza bersedia.

2.47 ptg.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Saya mulai dengan menyebut begini,

*Bunga selasih dari diri,
Bahtera singgah di Pulau Bangka,
Terima kasih peluang diberi,
Turut berbahas Titah Diraja.*

Tuan Yang di-Pertua, awal kalam. Saya mulai dengan pernyataan takziah kepada keluarga Mendiang Yang Berhormat Karpal Singh dan menyatakan simpati kepada seluruh anggota keluarga yang terlibat dalam penerbangan MH370 yang sehingga kini masih belum ditemui dan mendoakan agar Allah SWT memberikan petunjuk. Namun, sebagai insan kita reda dengan ketentuan-Nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengkhususkan kepada tiga *paragraph* atau para penting yang terdapat dalam teks Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong iaitu para empat, para enam dan para 22. Selain daripada menyentuh beberapa hal yang kepentingan rakyat harus dikemukakan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam *paragraph* atau perenggan empat itu, antara lain baginda menekankan bahawa Malaysia da lam kata kutip, dalam menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi, kesejahteraan hidup rakyat sentiasa menjadi keutamaan kerajaan. Jadi ini merupakan satu hal yang sangat penting. Seperti mana yang kita maklum, dalam tempoh lima tahun atau lebih sedikit, dikatakan Malaysia akan menjadi sebuah negara maju.

■1450

Untuk menjadi sebuah negara maju tidak dapat dinafikan bahawa ianya mesti dicerminkan dengan pendapatan sama ada pendapatan perseorangan atau pendapatan isi rumah bagi rakyat di Malaysia ini. Umum mengetahui bahawa walaupun undang-undang mengenai gaji minimum telah pun diluluskan oleh Dewan ini, hingga kini masih terdapat majikan-majikan yang tidak mematuhi undang-undang tersebut. Malah telah diberi pengecualian kepada majikan-majikan tertentu dalam melaksanakan gaji minimum ini. Saya telah berulang kali dan seingat saya dalam sidang-sidang yang lepas membangkitkan isu yang sama. Malah dalam soalan pertanyaan lisan yang lepas, saya menanyakan sama ada kadar RM900 untuk Semenanjung dan RM800 untuk Sabah dan Sarawak sekarang ini adalah satu angka atau jumlah yang munasabah. Ada sahabat dalam Dewan ini yang menanyakan mengapa pula misalnya ada perbezaan di antara kawasan yang dianggap sebagai maju seperti di Kuala Lumpur atau di Lembah Klang ini dengan di Kelantan sebagai contoh.

Jadi ini menunjukkan bahawa pendapatan atau gaji yang diterima oleh para pekerja ini dengan keadaan kos hidup sama ada kos makan, minuman, tambang, perkhidmatan dan sebagainya termasuk sewa adalah tidak memadai. Tuan Yang di-Pertua, oleh hal yang demikian adalah wajar terutama sekali Kementerian Sumber Manusia melihat hal ini secara serius. Ertinya yang dapat gaji RM900 ke bawah ini adalah terdiri daripada anak-anak kita, tidak kira fahaman politik, agama, warna kulit, kumpulan etnik atau sebagainya. Jadi ertinya ianya merentasi hal-hal yang saya katakan tadi.

Perkara kedua Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai hubungan kerja atau disebut dengan izin, dalam bahasa Inggeris, *employment relationship*. *Employment relationship* ini adalah satu hal yang sangat penting. Malah dalam Persidangan-persidangan Buruh Antarabangsa (ILO), isu mengenai *employment relationship* dengan izin, adalah satu isu yang diketengahkan sehingga membawa kepada rekomendasi oleh Persidangan Buruh Antarabangsa sejak beberapa tahun yang lepas. Yang saya ingin kemukakan di Dewan yang mulia ini ialah mengenai apa yang dipanggil dalam bahasa Inggeris dengan izin, *precarious employment*. *Precarious employment* ini dengan izin, adalah suatu hal di mana

hubungan antara majikan dengan pekerja itu semacam hilang. Ini dijemakan di Malaysia dua tahun yang lepas apabila Dewan ini telah meluluskan apa yang dipanggil kontrak satu pindaan kepada Akta Kerja tahun 1995 iaitu kontraktor tenaga kerja atau *contractor labor*.

Tuan Yang di-Pertua, hak-hak pekerja ini haruslah diberi perlindungan yang sewajarnya. Ada yang mungkin berhujah apakah tidak ada perlindungan atau hak-hak mereka ini? Saya boleh bagi contoh bagaimana misalnya hak pekerja ini dinafikan terutama sekali dalam hal yang berkaitan dengan hak mereka untuk berkesatuan. Sebenarnya walaupun dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga apa yang terdapat dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959, hak untuk pekerja menyertai, menubuhkan dan aktif di dalam kesatuan kerja itu dijamin.

Namun beberapa pengalaman tidak lama dahulu memperlihatkan bahawa hak mereka ini semakin tergugat. Misalnya dalam kes yang melibatkan kesatuan, dalam bahasa Inggeris disebut *National Union of Flight Attendants* yang telah pun diberikan sijil pendaftaran, namun pihak majikan menafikan hak untuk mengiktiraf kesatuan tersebut. Lebih dari itu, sebahagian daripada pemimpin-pemimpin kesatuan ini telah pun diambil tindakan disiplin dengan alasan-alasan yang tidak kukuh. Akan tetapi pada pandangan saya ianya lebih merupakan hukuman kerana mereka giat dan aktif dalam kesatuan tersebut.

Sama halnya juga dengan apa yang berlaku terhadap 18 orang pemimpin dan juga anggota kesatuan pekerja di Pekan, Pahang, di mana mereka ini telah diambil tindakan termasuk dipecat oleh Syarikat DRB HICOM. Sepatutnya syarikat-syarikat yang bersifat seperti syarikat besar ini lebih menghormati hak-hak pekerja. Begitu juga dengan beberapa orang lain pemimpin-pemimpin kesatuan yang diambil tindakan, anggota kesatuan *National Union of Bank Employees*, anggota kesatuan *National Union of Journalist*, pemimpin kesatuan *Electronic Industry Employees Union Western Region, Peninsular Malaysia*. Ini adalah contoh-contoh bagaimana kumpulan ini yang mahu menjalankan hak mereka aktif telah pun diambil tindakan oleh pihak majikan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam teks titah tersebut perkara mengenai warga emas ada disentuh. Saya ingin menarik perhatian berhubung dengan soal *retirement age* dengan izin, ataupun tamat tempoh perkhidmatan. Saya menggunakan istilah ini kerana bagi kumpulan pekerja dalam sektor swasta tidak ada siapa yang menyara mereka kecuali diri mereka sendiri. Barang diingat sepanjang mengenai kajian yang dibuat oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berdasarkan kepada jangka hayat di Malaysia ini sudah meningkat iaitu bagi laki-laki sampai 72.5 tahun dan perempuan sampai 76 tahun. Jadi ertinya kalau kita puratakan daripada 55 tahun sampai 75 tahun, ia bererti ada 20 tahun.

Simpanan yang perlu bagi mereka kalau berdasarkan kepada pencen minimum yang ditentukan oleh pemerintah ialah RM820. Ertinya pada tahun yang ke-20 pada usia 75 tahun orang ini mesti daripada tempoh tersebut mempunyai simpanan sebanyak RM200,000. Kalau tidak ianya tidak dapat RM820 di mana yang saya sebutkan tadi.

■1500

Oleh yang demikian di mana yang telah saya sarankan sebelum ini kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya pencen minimum untuk staf dan pegawai-pegawai awam hendaklah dinaikkan.

Ertinya paling tidak mestilah jumlahnya naik sehingga RM900. Itu pun boleh dikira sebagai satu pencen yang sangat minimum. Apa asasnya? Asasnya ialah kerana gaji minimum RM900 maka dinaikkan dari RM820 kepada RM900. Saya ingin menegaskan bahawa ini adalah pencen minimum. Ertinya jauh daripada mencukupi berdasarkan kepada keadaan yang ada sekarang ini. Dalam hal yang sama kita juga ingin tahu bagaimana perkara yang melibatkan pemilikan rumah oleh kumpulan rendah dan kumpulan yang berpendapatan sederhana, sama ada mereka ini dalam sektor awam mahupun sektor swasta. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhubung dengan jumlah statistik pemilikan rumah oleh kakitangan awam sehingga tahun 2013. Apakah mereka ini mempunyai rumah sendiri dan bagaimana konduksi rumah tersebut? Di samping itu, apakah lagi usaha untuk memastikan bahawa pekerja-pekerja dalam sektor lain, sektor swasta misalnya mendapat pemilikan rumah di Malaysia ini?

Tuan Yang di-Pertua, dalam sidang yang lepas saya ada membangkitkan mengenai hal hubungan tiga pihak atau *'tripartisme'* dalam konteks perhubungan perusahaan di Malaysia ini. Malaysia merupakan salah sebuah negara di dunia yang memberi pengesahan atau dalam bahasa Inggeris *rectified Convention 144*, Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa. Saya ingin bertanya kepada kementerian berkenaan, sejauh ini walaupun Malaysia telah pun memberi pengesahan ataupun ratifikasi kepada Konvensyen 144 ini. Dalam tempoh 12 tahun apakah usaha-usaha positif yang dilakukan oleh kementerian dalam memberikan makna sebenar semangat isi dan *substance* Konvensyen 144 ini. Oleh yang demikian, adalah wajar Kementerian Sumber Manusia melihat hal yang berkaitan dengan *Code of Conduct for Industrial Harmony* ataupun Kod Tatacara Perhubungan Perusahaan yang ditandatangani lebih kurang 40 tahun yang lepas.

Tiga pihak, pemerintah, wakil majikan, wakil pekerja telah tanda tangan dokumen ini. Adalah lebih wajar kementerian yang berkenaan melihat semula ataupun kita kata *revisit* dokumen ini. Diharapkan dengan adanya usaha tersebut ianya boleh dikaitkan sedikit demi sedikit dengan semangat Konvensyen 144 ini. Kalau misalnya ada keterbukaan oleh pemerintah, majikan dan oleh pekerja, maka saya percaya sudah tentu kita dapat memberikan keutamaan yang boleh kita banggakan dalam masa yang mendatang. Tuan Yang di-Pertua, jangan lupa bahawa di Malaysia ini sepanjang mengenai kajian yang dibuat oleh MPC, bahawa kadar produktiviti adalah baik jika dibandingkan dengan Korea Selatan, dengan Taiwan dan dengan Jepun, malah Singapura.

Namun secara perbandingan Tuan Yang di-Pertua, kita lihat bagaimana keselesaan hidup kumpulan pekerja di negara-negara yang saya sebutkan tadi dengan negara kita. Bagaimana misalnya pekerja di Jepun, pekerja di Korea, pekerja di Taiwan, di Singapura misalnya dari segi keselesaan berbanding dengan kita yang memang bergelut setiap hari untuk meneruskan kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, soal umur tamat tempoh perkhidmatan atau *retirement age* yang saya sentuh tadi juga adalah satu hal yang mana kita ingin dapatkan maklumat daripada Kementerian Sumber Manusia, sejauh ini berapakah jumlah majikan-majikan berdaftar yang tidak melaksanakan undang-undang ini? Seperti mana yang kita maklum bahawa memang kedua-dua Dewan ini meluluskan undang-undang tetapi apa maknanya kalau ianya tidak dilaksanakan oleh mereka yang

dipertanggungjawabkan. Setiap kali yang kita dengar ada sahaja *appeal* atau rayuan minta pengecualian dan sebagainya. Sedangkan kita bercakap lama dalam hal *retirement age* ini. Malah dalam sidang awal dahulu saya pernah menyatakan bahawa di Kampuchea sebagai contoh *retirement ageny*a tinggi tetapi *life expectancynya* rendah. Jadi oleh sebab itu kita ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Sumber Manusia sepanjang mengenai pelaksanaan undang-undang ini supaya keyakinan di kalangan golongan pekerja ini dapat kita benar-benar sempurnakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya lupa, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan simpanan wang oleh pekerja-pekerja dalam sektor perhotelan. Dalam sektor perhotelan gaji minimum atau gaji pokok mereka adalah rendah. Akan tetapi biasanya pihak majikan akan menggunakan hujah bahawa kumpulan ini akan mendapat *service point*. Namun untuk makluman rakan-rakan sekalian di Dewan yang mulia ini bahawa *service point* ini tidak diambil kira apabila pengiraan caruman KWSP. Walaupun kadang-kadang seorang pekerja itu dapat sampai RM1,500 sebulan tetapi gaji pokoknya atau gaji minimumnya di hotel itu RM600. Maka perkiraannya adalah berdasarkan kepada gaji pokok tersebut. Itu sebab kita dapati apabila kumpulan ini pada usia 55 tahun jumlah simpanan mereka di bawah RM50,000, apa yang mereka boleh buat pada usia itu? Apakah mereka boleh beli rumah? Jangan kata rumah mampu milik, rumah murah pun tidak dapat mereka beli sedangkan usianya sudah meningkat. Kita dapati sebahagian daripada mereka ini terpaksa melakukan pekerjaan lain selepas itu walaupun mereka telah bergelut hidup selama 25 tahun hingga 30 tahun sebelum itu.

Jadi, saya mohon pertimbangan daripada Kementerian Kewangan untuk melihat semula Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tahun 1952 supaya elemen ini dimasukkan semula, supaya pekerja-pekerja dalam sektor ini dibela hidup mereka. Kalau tidak ertinya tidak sesuai seperti mana hajat oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada menanyakan dalam pertanyaan lisan berhubung dengan sepanjang mengenai hal yang melibatkan pelaburan perusahaan untuk automobol nasional. Akan tetapi jawapan yang diberikan oleh kementerian kepada saya terlalu umum.

■1510

Pertanyaan saya, sepanjang lebih tiga dekad Perusahaan Otomobil Nasional ini, berapakah jumlah wang yang telah dilaburkan dan apakah nilai tambah kepada rakyat Malaysia ini? Ertinya, daripada tahun 1983, 1984 dimulai sehingga tahun 2013, apakah jumlah sebenar yang dilaburkan sebab kita tahu bahawa memang perusahaan ini mendapat perlindungan khusus daripada pemerintah. Ertinya, sehinggakan motokar yang dibawa masuk dari luar ke dalam pun mesti mendapat kelulusan, mesti dapat AP untuk melindungi perusahaan automobol di Malaysia ini. Ini tidak menjadi soal tetapi yang saya soalkan ialah sejauh itu, berapa pelaburan.

Keduanya ialah dari segi nilai tambah. Nilai tambah yang saya maksudkan di sini ialah dalam tempoh tiga puluh tahun, apakah pekerja kita di Malaysia ini boleh buat enjin, misalnya sebagai contoh, sebab ini *basic*, asas. Ertinya, kita melabur banyak, kita telah latih pekerja-pekerja termasuk pekerja-pekerja separuh mahir dan mahir. Kalau misalnya kita leraikan enjin tersebut dan kita minta mereka buat enjin baru, boleh atau tidak? Itu ujiannya. Kalau boleh, itu menunjukkan bahawa ada nilai tambah.

Kalau tidak boleh, sesuatu kena dilakukan. Ini penting sebab apa makna kalau kita hendak bercakap untuk 2020 sekiranya hendak buat enjin pun tidak boleh.

Saya tidak menafikan bahawa kita boleh pasang, kebolehan orang Malaysia ini ialah mengubahsuai. Ini cukup hebat. Orang Malaysia boleh buat pintas, wayar pintas dan sebagainya, cukup cekap. Kadang-kadang kalau motokar *air conditionnya* rosak, dia boleh pintas. Dia kata jangan takut, ini tidak akan rosak. Itu kepandaian orang kita tetapi kalau minta dia buat, saya tidak tahu sama ada dia boleh buat atau tidak yang asalnya, yang *original*. Jadi, saya ingin menyoal kepada kementerian yang berkenaan...

Dato' Boon Som a/l Inong: Boleh saya mencelah?

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: ...Sejauh tempoh ini, apakah kita boleh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Boon Som bangun Yang Berhormat.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: ...Dapat kumpulan pekerja yang telah pun bekerja mungkin dua puluh tahun, menghasilkan apa yang saya katakan tadi.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mencelah. Berbalik kepada gaji dan pencen minimum, apakah pendapat Yang Berhormat dengan kedudukan Senator kita. Apabila kita pencen kemudian hanya- *value* pencen kita hanyalah RM2,000. Apa pandangan Yang Berhormat dari segi itu, yang paling minimum.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih Dato' Boon. Saya nampak kadang-kadang Dato' Boon agar akrab dengan Dato' Seri Shahidan, kalau minum di kantin selalu bersamakan? Saya ingat eloklah diluahkan perasaan itu kepada orang yang ingin mendengar. Saya tumpang jugalah.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal ini. Jadi ertinya, secara serius kita mahu menuju negara maju. Kita seangkatan dengan Korea, kita seangkatan dengan Taiwan, kita seangkatan dengan beberapa negara lain. Namun lihat bagaimana mereka. Kalau Korea misalnya tiga puluh tahun dulu, kita lihat apa motokar yang dia keluarkan, sekarang bagaimana, kita sama dengan mereka. Jadi oleh hal yang demikian, secara serius, selepas dari soal bersetuju atau tidak dari segi fikiran tetapi ini adalah perkara yang melibatkan anak-anak kita untuk lima puluh, lima belas tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada empat minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Ada dua tiga *point* yang sebelum saya lupa iaitu mengenai pertindihan. Apakah ada pertindihan kuasa dan penguatkuasaan. Misalnya sebagai contoh, APMM. Setahu saya APMM ini di bawah Jabatan Perdana Menteri. Akan tetapi kita juga ada polis marin, kita juga ada Kastam, kita juga ada tentera laut. Dalam beberapa hal saya dapati bahawa semacam ada pertindihan kuasa ini dan ada kes di mana kita dapat maklum aset-aset bot dan kapal yang digunakan oleh APMM ini tidak setimpal dengan mereka yang menyeludup atau yang lari.

Jadi, saran saya ialah supaya ianya dikaji semula hal ini supaya jangan ada pertindihan. Jadi, kadang-kadang kita tidak tahu siapa hendak pergi dulu, marin hendak pergi dulukah, APMM yang hendak pergi dulukah, Kastam hendak pergi dulukah atau *navy* hendak pergi dulu? Mana satu yang

hendak pergi? Saya minta supaya menteri yang berkenaan menjawab hal ini supaya jangan berlaku pertindihan kerana kesan akhirnya adalah kepada negara.

Sama juga dengan SPAD, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dengan JPJ, dengan polis misalnya. Siapa yang ada kuasa apa? Oleh sebab kalau terlalu banyak hal semacam ini, akhirnya timbul kekeliruan dan orang di luar melihat apa yang kita lakukan. Saya mohon kementerian menjelaskan hal ini tentang bidang kuasa dan kalau boleh, ertinya adanya satu penyatuan, maka ianya boleh dilakukan secara efisien. Terutama dalam soal misalnya pembelian aset, dalam soal penggunaan aset-aset ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai lebuh raya ini saya dah cakap banyak kali terutama sekali di kawasan-kawasan yang jauh dari bandar ini. Saya sudah sebut bahawa lebuh raya mestilah dicerahkan tetapi nampaknya tidak jadi apa, seperti mencurah air di daun keladi. Kita balikkah, boleh diuji daripada tol Gombak sampai ke tol Bentong. Ini adalah satu contoh daripada banyak contoh. Sudah dinyatakan di selekoh-selekoh yang berbahaya itu diterangkan, lampunya diterangkan supaya jangan menakutkan pengguna jalan raya termasuk pemandu-pemandu kereta, penunggang motosikal dan sebagainya tetapi tidak berlaku, masih macam itu juga. Saya tidak tahulah apa sebab ada pantang larang untuk memasang lampu di tempat itu. Tujuannya adalah untuk mengelak daripada kebimbangan para pengguna jalan raya. Tidak ada maknanya kalau kita misalnya membesarkan lebuh raya tetapi perkara-perkara *basic* seperti ini, perkara asas seperti ini tidak diambil perhatian.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah ada *complaint*, ada aduan daripada para pengguna lebuh raya. Apabila berlaku kecelakaan atau kemalangan jalan raya, maka mereka terpaksa keluar daripada lebuh raya untuk membuat laporan kepada polis. Saranannya ialah supaya di tiap-tiap *point* tertentu terutama di R&R, rawat dan rehat itu diadakan tempat ataupun- mustahillah kalau hendak adakan balai polis. Akan tetapi setidak-tidaknya pondok-pondok polis untuk memudahkan para pengguna ini, jika berlaku kemalangan dia tidak payah keluar. Misalnya, katalah berlaku di Tapah, dia terpaksa keluar sama ada ke Bidor, Kampar ataupun Slim River dan sebagainya. Ini menyusahkan, sedangkan pemegang konsesi ini, tidak payah sebutlah berapa puluh ribu juta yang telah pun di himpun sejak mulanya lebuh raya ini diperkenalkan.

Jadi, saya berhenti di sini. Terima kasih banyak oleh kerana Dato' Firdaus tidak jadi Tuan Yang di-Pertua pada petang ini, jadi pantun Minang saya itu saya tangguhkan dulu dan saya akan berjumpa dengannya kemudian. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya teruskan, saya ingin menarik perhatian semua, khususnya wakil-wakil, pegawai-pegawai daripada kementerian-kementerian yang semua berada di persekitaran Dewan ini. Saya minta semua pegawai catatkan perkara-perkara pokok yang dibangkitkan dalam Dewan ini supaya dapat kementerian menjawab apabila sampai giliran kementerian menjawab. Ini kerana perkara-perkara yang dibangkitkan di Dewan Negara ini saya fikir memang banyak dan berguna. Elok saya ambil perhatian supaya semua kementerian-kementerian dan wakil-wakil mereka yang berada di persekitaran Parlimen ini sila ambil perhatian. Saya mengikuti perkembangan ini, kalau sekiranya ada

perkara-perkara yang dibangkitkan tetapi tidak dijawab nanti, saya minta Yang Berhormat semua bangun untuk menarik perhatian saya. *We are serious* dalam perkara ini untuk dapat jawapan yang sebaik mungkin.

■1520

Sekarang saya silakan Yang Berhormat Norliza. Selepas itu, kepada Puan Bathmavathi. Silakan Yang Berhormat.

3.20 ptg.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang dan ruang untuk turut berbahas dalam Titah Ucapan Diraja.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih dan menyampaikan sekalung tahniah di atas Titah Diraja oleh Ke Bawah Duli Tuanku yang jelas amat prihatin dan mengambil berat ke atas kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat jelata. Ke bawah Duli Telah menyentuh hampir semua perkara yang berkisar kepada perpaduan, kemakmuran, dan keharmonian rakyat termasuk keprihatinan Tuanku dan Raja Permaisuri ke atas insiden kehilangan pesawat MH370 yang sehingga ke hari ini masih belum mendapat petunjuk jelas akan nasib semua anak kapal dan penumpangnya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk turut sama bersimpati dan berdoa agar ahli-ahli keluarga penumpang dan anak-anak kapal yang terlibat agar dapat bertenang dan tabah menghadapi ujian dan dugaan yang ditentukan oleh Allah SWT kepada umatnya. Amin.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh beberapa isu dan saya mohon izin sekiranya kali ini bolehlah saya bercakap lebih sedikit mengenai negeri kelahiran saya Pulau Pinang memandangkan banyak masalah yang kami hadapi di sana yang perlu peringkat persekutuan dimaklumkan. Jadi, saya rasa saya ingin membawa beberapa isu.

Yang pertamanya saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan pada hari ini mengenai Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa agama Islam adalah agama bagi Persekutuan tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian persekutuan. Perkara 11 mengenai kebebasan agama menyatakan tiap-tiap orang berhak menganuti dan mengamalkan agamanya dan tertakluk kepada fasal 4 mengembangkan agamanya.

Ini bermakna walaupun Malaysia mengisytiharkan Islam sebagai agama rasminya, penduduk Malaysia yang terdiri dari pelbagai keturunan dan kepercayaan bebas mengamalkan agama masing-masing. Kebebasan ini membentuk perpaduan yang kukuh antara kaum dan ini telah dibuktikan dengan keamanan yang kita kecapai oleh rakyat di Malaysia.

Cuma, baru-baru ini yang menjadi persoalannya di Pulau Pinang sewaktu perasmian sebuah bangunan, sewaktu majlis perasmian itu kita ada bacaan doa. Sewaktu bacaan doa itu, doa yang pertama di baca seperti biasa macam kita masuk Dewan Negara kita membawa doa Islam dahulu. Kemudiannya, habis doa Islam maka kaum lain pula membaca doa kaum-kaum lain sehingga empat

kali doa berbagai-bagai kaum. Jadi, saya rasa tidak pernah terjadi sebelum ini dan saya rasa ini amat-amat tidak betul dan saya rasa mungkin pihak JAKIM harus melihat mengenai perkara ini sebab kalau kita tengok di Dewan Negara juga kita baca doa, yang lain hormat pada doa kita iaitu yang bukan Islam. Jadi, tak kan lah Dewan Negara pun semua kaum kita hendak kena baca semua doa sebab kita telah faham bahawa agama persekutuan adalah agama Islam.

Jadi, ini berlaku di Pulau Pinang baru-baru ini dan mufti Pulau Pinang telah membuat teguran mengenai insiden tersebut. Akan tetapi malangnya Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang pula marah kepada mufti dengan mengatakan bahawa kena rujuk kepada dia dahulu. Jadi di sini ada sedikit kekeliruan apakah fungsi mufti ini? Setahu kita mufti ini adalah penasihat dari segi agama dan dia satu badan yang neutral. Jadi, adakah Exco boleh dengan izin, *overrule* teguran yang dibuat oleh mufti. Jadi, saya rasa ini harus kita titik beratkan sebab kita ingin tahu sebetulnya siapa yang lebih berkuasa? Apakah peranan mufti bagi negeri-negeri yang tidak ada sultan?

Bagaimana pula peranan Exco yang menjaga hal ehwal agama Islam? Apakah peranannya, juga apa peranan sebenar Yang di-Petua Majlis Agama Islam Negeri (MAIP)? Saya janggal kerana seolah-olah Exco paling berkuasa menjaga hal ehwal Islam di Pulau Pinang. Jadi saya rasa ini harus kita lihat kembali dan mungkin juga rakan-rakan dalam Dewan ini masih ingat akan perihal, arahan agar nama Ketua Menteri Pulau Pinang disebut dalam khutbah Jumaat menggantikan Gabenor TYT dan Yang di-Pertuan Agong. Jadi, kita ingin tanya siapa Ketua Menteri bukan Islam ini yang minta namanya didoakan oleh jemaah pada hari Jumaat? Jadi, saya haraplah pihak JAKIM dapat menjawab pertanyaan tersebut?

Keduanya Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh mengenai isu air. Isu kenaikan tarif air di Pulau Pinang.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya minta kalau penjelasan itu agak-betul-betul *serious* boleh. Kalau minta untuk apa sahaja- silakan Yang Berhormat, silakan.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya tertariklah apabila menyentuh tentang isu mufti. Saya ingin penjelasan. Apa yang berlaku saya lihat beberapa kali sudah saya ke Kelantan saya dapati di masjidnya juga diletakkan lambang-lambang contohnya di skrin kah atau di mana-mana lambang parti. Jadi, daripada sini saya hendak tahu apabila Yang Berhormat tadi menyentuh soal peranan mufti itu saya pohonlah daripada JAKIM atau mana-mana beri gambaran sebenar. Adakah ianya merupakan satu cara sehingga ianya bukan sahaja apa yang saya bertanya dengan Yang Berhormat daripada Kelantan tadi tetapi ianya juga saya nampak ianya banyak lagi elemen-elemen termasuklah dalam bentuk lambang-lambang parti ini dimasukkan ke masjid surau. Bimbang ianya takut merosakkan akidah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh ringkas dan berkaitan dengan apa yang dibangkitkan. Jangan bawa hal-hal lain lagi ya. Sila.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Okey terima kasih Yang Berhormat. Mungkin *insya-Allah* pihak JAKIM akan menjawab. Seterusnya saya ingin masuk *point* saya yang kedua iaitu mengenai kenaikan tarif air di Pulau Pinang. Jadi sebagaimana yang kita tahu kita sibuk dengan tidak cukup air, catuan air tetapi di Pulau Pinang dinaikkan tarif air dengan alasan yang amat-amat mengarut bahawa kenaikan ini terpaksa dilakukan kerana rakyat negeri Pulau Pinang terlalu boros menggunakan air. Ini alasan yang diberi oleh kerajaan negeri.

Sedangkan saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli Dewan semua. Yang menghairankan kami rakyat di Pulau Pinang adalah kenapa surcaj ini dikenakan kepada unit-unit kediaman sahaja. Sepatutnya premis-premis perniagaan, syarikat-syarikat, kilang-kilang bawak naik. *Sorry* cakap bahasa Pulau Pinang pula [*Ketawa*] Maaf Tuan Yang di-Pertua. Naikkan dahulu premis-premis dan syarikat-syarikat ini seperti kilang-kilang semua ini macam orang yang dok buat *business car wash, car wash* itu. Sedangkan unit-unit kediaman, orang-orang kampung surcaj untuk rumah-rumah ini yang dinaikkan dahulu.

Jadi, saya pun hairan. Kita kata kita berjuang untuk masyarakat dan rakyat tetapi tindakan kita tidak seperti yang kita perkatakan. Jadi yang ini amat-amat mengecewakan kami di Pulau Pinang. Pada tahun 2013 surcaj naik, tarif air 24%. Mungkin masa itu kurang sedikit kot rakyat menggunakan air. 2014 naik lagi 48% sebab dia kata orang Pulau Pinang boros guna air. Jadi, saya tidak tahulah 2015 nanti berapa peratus lagi naik surcaj air ini. Jadi, saya rasa perkara ini amat membebankan kos sara hidup bagi rakyat di Pulau Pinang.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh isu perumahan. Okey, sebagaimana saya juga ingin berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin tetapi dia tidak ada hari ini sebab hari itu dia bagi laluan banyak kali untuk saya bertanya. Terima kasih, cuma saya tidak berpeluang untuk bertanya dengan lebih banyak. Jadi, pada hari ini saya berpeluang, saya ingin memperjelaskan dengan sejelas-jelasnya. Jadi, sebenarnya isu rumah kos rendah di Pulau Pinang dan rumah mampu milik adalah isu yang amat-amat kritikal.

Sebab saya rasa di seluruh Malaysia semua negeri-negeri faham bahawa orang Pulau Pinang telah mula keluar daripada negeri Pulau Pinang kerana tidak mampu untuk memiliki rumah di Pulau Pinang atas harga rumah yang naik begitu mendadak sejak lima tahun yang lalu. Jadi, pada hari ini saya ingin membawa satu perbandingan yang telah saya buat sewaktu pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional dan pemerintahan Kerajaan Negeri.

Kalau kita tengok, yang ini saya ingat harus diambil nota oleh pihak Kementerian Perumahan. Bagaimanakah pemaju swasta yang berminat untuk menyumbang, untuk membina rumah mampu milik di Pulau Pinang apabila kos pembinaan yang disyaratkan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan juga Seberang Prai naik begitu mendadak.

■ **1530**

Saya bagi contoh, yang pertama, sumbangan infrastruktur yang perlu dibayar kepada MPB. Sewaktu pemerintahan Barisan Nasional, hanya RM10,000 sahaja seekar. Akan tetapi sewaktu Pakatan Rakyat naik ke RM50,000 seekar. Okey?... Yang pertama.

Kos yang kedua dengan izin, *development charges*. Sewaktu Kerajaan Barisan Nasional, kita tidak mengenakan sebarang *development charges* tetapi sewaktu pemerintahan Pakatan Rakyat dikenakan RM3.70 sen sekaki persegi pembinaan. Jadi Yang Berhormat-Yang Berhormat semua, bayangkan kalau rumah itu dibina, saya bagi contoh, 2,000 kaki persegi, maknanya *development charges* yang dikenakan untuk seunit rumah sahaja RM7,400. Dahulu, sewaktu Kerajaan Barisan Nasional tak ada *development charges*. Seterusnya kos memproses pelan diletak pada kadar suka hati sahaja, tak ada standard. Jadi ikutlah berapa dia hendak letak.

Seterusnya *rezoning cost*, maksudnya kalau tanah itu tanah pertanian, kita hendak buat perumahan. Kita kena buat *rezoning*, okey? Jadi dahulu sewaktu Kerajaan Barisan Nasional, peratusannya 10% ke 20% daripada *land cost*, harga tanah. Sekarang 50% daripada kos tanah. Kalau tanah itu RM200 juta, Yang Berhormat semua kiralah 50% banyak mana *rezoning* yang dia kena bayar. Seterusnya kos premium ubah syarat. Maaf tadi, sebenarnya *rezoning* adalah tukar, ubah syarat adalah ubah syarat dari pertanian kepada perumahan. Dahulu kita hanya kenakan atas kalau kita beli tanah itu RM10 juta, kita jual RM20 juta, perbezaannya sahaja kita kenakan caj. Sekarang atas harga belian tanah itu. Kalau *RM200 million*, cajnya 15% daripada kos tanah itu.

Jadi saya rasa, kos-kos yang begitu tinggi kalau kita campurkan semua dengan *cost developmentnya*, dengan kos *rezoning*, dengan kos premium tanah, dengan kos pemprosesan pelan, manalah rumah tak dijual sampai rumah teres mencecah RM1.3 juta ke atas. Rumah pangsapuri mencecah RM800,000. Kalau suami isteri, kalau cikgu pun suami isteri itu bekerja tidak akan mampu untuk hidup dan membeli rumah di Pulau Pinang, sama ada di Pulau Pinang atau sekarang di seberang, sama sahaja, harga telah mula naik.

Jadi saya ingin juga membawa perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, lagi satu yang seronoknya mengenai pemerintahan kerajaan pembangkang ini, di Pulau Pinang sekiranya tak mahu bina rumah kos rendah boleh. Okey? Kalau Kerajaan Barisan Nasional dahulu dia paksa, *you* kena bina 30% rumah kos rendah. Akan tetapi kerajaan negeri sekarang boleh, tak hendak bina, bayar setiap unit RM120,000 kepada satu tabung khas, okey. Jadi kutipan ini telah dibuat sejak pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat. Persoalannya sekarang, sudah berapa juta yang dikutip melalui tabung ini? Kenapa jumlah ini tidak diuar-uarkan atau pun diberitahu kepada rakyat. Sepatutnya wang ini digunakan untuk membina rumah-rumah kos rendah di kawasan-kawasan lain tetapi sehingga kini saya belum nampak satu pun rumah kos rendah yang dibina oleh kerajaan negeri.

Dengar perancangan, saya dengarlah, sudah masuk dua penggallah ini bukan? Sepenggal lebih. Jadi asyik perancangan tetapi saya belum lihat secara realitinya rumah ini dibina...

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Mohon mencelah.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Ya, okey.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Terima kasih. Yang Berhormat, saya mengikuti apa Yang Berhormat sampaikan. Saya tertarik bila kata soal harga rumah ini dibuat secara melambung dan rumah murah tidak lagi menjadi satu keutamaan untuk dibina.

Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ini merupakan strategi-strategi tertentu yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menghalau secara bahasa kasarnya, berhemahnya, orang-orang tertentu keluar kerana pastinya ada mereka yang tidak mampu untuk membeli rumah yang dibuat dengan begitu tinggi. Ini kerana bila tidak ada rumah kos rendah lagi maka ia akan menyebabkan mereka lari keluar daripada Pulau. Adakah Yang Berhormat bersetuju ini merupakan satu strategi politik yang sedang disusun oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang? Terima kasih.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat-amat bersetuju dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat. Saya rasa kalau orang daripada luar sekalipun boleh nampak, ini satu perancangan yang dibuat secara sulit lagi menyulitkan supaya orang-orang keluar daripada Pulau Pinang. Sebabnya saya difahamkan sebagai contoh rumah-rumah di kawasan-kawasan Tanjung Bunga, Batu Feringhi di tepi-tepi laut itu yang dijual pada kadar sebiji rumah RM2 juta, RM5 juta hanya dibeli oleh orang-orang Singapura kebanyakannya dan yang datang daripada Singapura, pelabur-pelabur dari Singapura, daripada Hong Kong, daripada negara-negara luar sebab orang tempatan tidak mampu membeli dan secara tak langsung orang-orang kita terpaksa keluar daripada Pulau dan tinggal di seberang dan sekarang seberang pun sudah naik. Maka mereka ini terpaksa ke Kedah, ke Perak, ke negeri-negeri lain dan terpaksa berulang untuk bekerja di Pulau Pinang. Jadi saya rasa ini adalah satu strategi secara terancang, mungkin yang dirancang oleh Kerajaan Pakatan Rakyat.

Saya juga ingin menyentuh mengenai ucapan Yang Berhormat Dr. Ariffin semalam mengenai rumah PR1MA. Kalau kita tengok betul Yang Amat Berhormat menjanjikan 20,000 buah rumah PR1MA di Pulau Pinang. Baru setahun janji tetapi sudah bina dah berapa ribu dah, tanah sudah ambil alih sudah buat perancangan. Itu dia bising, baru setahun, yang mereka memerintah lebih beberapa tahun, sebiji pun mereka tak boleh bina. Jadi saya rasa itu masalahnya.

Kadangkala kita hanya melihat, kita hanya hendak minta duit daripada Kerajaan Persekutuan untuk buat benda itu. Akan tetapi di kerajaan negeri, kita tidak mencari inisiatif untuk membina rumah kos rendah. Duit yang dikutip yang tadi berjuta-juta pun tak tahu dekat mana dia letak. Sedangkan sewaktu Kerajaan Barisan Nasional memerintah, kita ada meninggalkan banyak tanah yang telah kita gazetkan untuk dibina rumah kos rendah di kawasan Pulau. Sebagai contoh, isu tanah di Taman Manggis iaitu sebuah tanah yang betul-betul di *town centre*, dengan izin, yang telah digazet, telah dibuat pelan, perancangan untuk membina rumah kos rendah bagi orang-orang yang kurang berkemampuan di kawasan bandar. Akan tetapi akhirnya apa jadi pada tanah ini? Tanah ini telah dijual oleh pihak kerajaan negeri kepada sebuah syarikat untuk membina pembangunan mewah dan tidak membina rumah kos rendah, okey. Jadi ini apa yang berlaku di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik lagi satu isu mengenai tanah iaitu tanah *reclamation* di kawasan Bayan Baru di Pulau Pinang, pada zaman dahulu, Kerajaan Barisan Nasional hanya diswastakan pada RM20, sekarang mereka menjual pada harga berjuta-juta ringgit sehingga tanah tapak masjid juga dijual. Daripada buat masjid, dijual tapak masjid itu. Jadi saya tak tahulah apa akan jadi kepada negeri Pulau Pinang sekiranya Kerajaan Persekutuan tidak membantu.

Isu yang seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa isu mengenai tapak TUDM yang sering diperkatakan dan hari ini juga ada masuk dalam akhbar, isu tapak TUDM.

Saya ingin bercerita sedikit kepada Ahli Dewan mengenai isu TUDM ini. Sebenarnya TUDM ini bertapak di kawasan Teluk Ayer Tawar dengan tanah seluas 407.5 hektar. Jadi ini saya minta Kementerian Pertahanan kalau boleh silalah menjawab. Jadi kami di fahamkan di Pulau Pinang, bahawa tapak ini telah diberi kelulusan kepada sebuah syarikat untuk dipindahkan ke satu kawasan lain di Ara Kuda dan tapak sedia ini akan dibina sebuah kawasan perumahan mewah.

Persoalan saya, kenapa kita hendak pindahkan TUDM daripada Teluk Ayer Tawar ke satu tapak Ara Kuda yang bezanya hanya 14 kilometer sahaja. Jadi kalau kita hendak pindah TUDM itu kepada satu kawasan yang jauh lagi, berbeza. Ini hanya 14 kilometer, apa rasionalnya kita hendak pindahkan tapak ini?

Kedua, tapak yang hendak dipindahkan itu adalah tapak yang dipunyai oleh syarikat PERDA dan tapak ini telah masuk perancangan untuk membina rumah kos rendah di Ara Kuda iaitu tapak seluas 1,000 ekar. Jadi saya rasa ini akan memberi kesan kepada orang-orang yang kurang berkemampuan di Pulau Pinang apabila tapak yang telah kita rancang untuk Kerajaan Persekutuan hendak PERDA untuk membina rumah kos rendah, kita ambil, maknanya pembinaan rumah kos rendah untuk 1,000 ekar tadi sudah tak jadi dan tapak TUDM ini kita bangun dengan rumah mewah. Sebagaimana yang kita tahu, kalau kita bangun rumah mewah, sekurang-kurangnya 10 kilometer radius sekeliling itu harga tanah akan naik melambung.

■1540

Jadi harga tanah di Teluk Ayer Tawar akan naik melambung-lambung, siapa yang akan beli, siapa yang mampu untuk beli rumah mewah di kawasan itu? Jadi saya amat-amat berharap kepada Kementerian Pertahanan, tolong beri penjelasan dan seboleh-bolehnya kita hendak kalau boleh projek ini dibatalkan, sebab saya rasa projek ini tidak membawa sebarang keuntungan kepada rakyat Pulau Pinang malah akan merugikan lagi rakyat di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin membawa sedikit isu mengenai masalah sosial. Sebagaimana ramai rakan Senator yang turut membahaskan mengenai isu *Festival Music* dan akhlak belia, saya hanya ingin membawa isu yang berlaku baru-baru ini, minggu lepas di Pulau Pinang yang mana 88 orang remaja lelaki dan wanita yang ditangkap ketika sedang berpesta seks dan arak. Daripada jumlah tersebut, saya difahamkan 15 daripadanya adalah pelajar sekolah dan daripada ujian air kencing, 60 positif dadah jenis syabu dan ganja.

Seterusnya baru-baru ini saya juga ada membuat satu pungutan suara, *survey* di sebuah sekolah di kawasan Gelugor yang mana sekolah ini mempunyai asrama perempuan dan kita dapati bahawa 70% pelajarinya tidak tahu bersolat dan tidak tahu mengaji Al-Quran. Jadi saya rasa ini masalah moral yang harus kita lihat dan ambil serius, sebabnya kalau kita lihat, kalau kita ingin menuju kepada sebuah negara yang membangun tetapi rakyatnya tidak bersedia, maka akan berlaku berbagai-bagai insiden yang semakin hari kita lihat semakin banyak. Jadi saya rasa isu-isu kelunturan nilai-nilai budaya, kelonggaran nilai-nilai moral dan keterasingan nilai-nilai agama ini harus kita ambil berat.

Jadi saya harap pihak-pihak yang bertanggungjawab, perlukah kita mengkaji semula subjek moral dan pendidikan seks di sekolah-sekolah bermula dari sekolah rendah? Kalau kita lihat di Amerika Syarikat, murid-murid tadika juga diberi pendedahan mengenai pendidikan seks daripada awal. Jadi dia tahu apa kesannya, apa akibatnya sekiranya berlaku apa-apa yang terjadi. Jadi saya rasa pengetahuan dan pendedahan itu harus diberi dari peringkat awal.

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian, adakah akta jenayah berkaitan juvana harus kita pinda dan bilakah kali terakhir kita meminda akta ini? Juga, hukuman yang diberi, adakah setimpal daripada masa dulu dan sekarang, dan adakah Yang Berhormat Menteri terfikir akan keberkesanan Sistem Pendidikan Nasional yang pada satu tahap kita masih gagal membentuk sahsiah dan keperibadian bangsa kerana terlalu mementingkan peperiksaan? Juga, sama ada kementerian perlukah mewujudkan pendidikan Islam secara komprehensif di semua peringkat bagi pelajar beragama Islam secara teori dan praktikal? Ajar mereka cara bersolat dengan betul dan cara membaca Al-Quran yang saya rasa ini adalah hukum yang perlu, yang kita tidak boleh abaikan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa isu mengenai pengangkutan. Kalau kita lihat sejak akhir-akhir ini, banyak berlaku kemalangan yang meragut nyawa. Sebagai contoh, baru-baru ini Yang Berhormat Karpal Singh daripada kawasan saya juga terlibat dalam kemalangan hingga membawa maut, dan baru ini bas juga. Jadi saya rasa semakin hari ianya bukan semakin kurang, semakin banyak. Jadi statistik yang saya dapat ya, seramai 210 daripada 4,628 pemandu kenderaan berat yang diperiksa dalam 64 operasi sepanjang empat bulan pertama dikesan positif dadah, dan jumlah pengguna jalan raya yang maut membabitkan kemalangan dengan kenderaan berat seramai 1,241 orang manakala pemandu lori seramai 176 orang pada tahun lalu, 2013. Sejak Januari hingga kini, telah merekodkan sebanyak 1,481 kes dan 832 mangsa maut dalam kemalangan membabitkan kenderaan berat.

Jadi saya rasa Kementerian Pengangkutan harus melihat perkara ini secara serius dan kita perlu mencari kaedah-kaedah yang lebih berkesan dan efektif untuk memastikan kemalangan-kemalangan ini dapat kita atasi dan peratusannya dapat dikurangkan pada kadar yang segera.

Saya juga ingin menyentuh mengenai pemandu-pemandu di kalangan remaja dan juga pelajar-pelajar sekolah. Kalau kita lihat sekarang, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membawa kereta sendiri, kadang-kadang kita menjadi begitu tertekan dan *stress* kerana pemandu-pemandu muda yang bawa begitu laju, memotong kiri dan kanan dan mereka seronok membawa laju tanpa memikirkan impak yang akan dihadapi. Ada kalanya juga pemandu kita sekarang ini menjadi begitu dengan izin, *selfish*. Jadi tidak memikirkan orang, tidak memberi ruang dan peluang, bawa sesuka hati.

Jadi saya rasa di pihak yang apabila kita ingin meluluskan lesen membawa kereta ini, perlu kita kaji adakah sistem atau modul yang kita gunakan itu bersesuaian dan adakah dalam modul itu juga mempunyai elemen-elemen yang memberi pengetahuan kepada pemandu-pemandu supaya lebih berhemah di jalan raya yang dengan secara tidak langsung dapat mengurangkan kemalangan di jalan raya. Ini kerana kebanyakannya, dan kadangkala polis pun kena langgar. Kadangkalanya orang tengah makan di tepi-tepi gerai juga dibelasahnya langgar.

Jadikan, saya rasa ini harus dititik beratkan dan Kementerian Pengangkutan harus mengambil langkah-langkah yang sepatutnya supaya perkara-perkara ini dapat dikurangkan sebagaimana yang berlaku kepada Yang Berhormat Karpal Singh iaitu Ahli Parlimen Bukit Gelugor. Sekarang kawasan Parlimen saya kena ada pilihan raya kecil lah dalam masa terdekat ini. Jadikan, kita kena lihat perkara ini dengan begitu serius sekali dan saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan bahawa saya turut bersedih dengan keluarga beliau dan saya juga melawat isteri beliau dan saya harap beliau tabah untuk menghadapi dugaan yang dihadapi.

So, saya rasa itu saja Tuan Yang di-Pertua. Sekian, saya sudahi dengan *wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam*. Yang Berhormat semua, kerana ada satu usul yang perlu saya bantah dalam Dewan ini, saya silakan Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.47 ptg.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Menteri di Jabatan Perdana Menteri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 24 April 2014.”

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang kita teruskan perbahasan ini dengan mempersilakan Yang Berhormat Puan Bathmavathi Krishnan.

3.48 ptg.

Puan Bathmavathi Krishnan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang ini untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Selamat tengah hari Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Sebelum saya memulakan ucapan, saya ingin merakamkan rasa prihatin saya kepada keluarga penumpang dan krew MH370 yang masih menunggu berita dan juga menyampaikan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia yang tidak kenal penat dalam usaha mencari satu penutupan kepada episod misteri yang melanda penerbangan MH370. Bersama-sama seluruh Malaysia, saya turut berdoa agar segala kemusykilan terjawab dalam tempoh yang terdekat.

Saya juga menyampaikan salam takziah kepada keluarga mendiang Yang Berhormat Karpal Singh yang telah meninggalkan kita pada 17 April lalu. Pertama kali saya berjumpa dengan mendiang Karpal ialah pada tahun 1972 semasa saya remaja berusia 18 tahun. Saya jumpa beliau di pejabat guaman beliau di Alor Setar untuk mendapat nasihat beliau kerana masa itu saya sangat berminat untuk menjadi seorang peguam. Kali terakhir saya berjumpa beliau adalah di luar Dewan yang mulia ini seminggu sebelum beliau meninggal.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan membincangkan beberapa isu berkenaan dengan orang kurang upaya di negara ini. Antaranya ialah masalah perumahan.

■1550

Isu perumahan adalah satu keperluan asas bagi setiap insan. Saya sokong Dasar Perumahan Negara yang digubal oleh kerajaan yang bertujuan untuk menyediakan perumahan yang mencukupi mengikut keperluan khusus golongan yang memerlukannya. Ini menunjukkan bahawa kerajaan komited dalam memastikan bahawa semua rakyat mampu memiliki atau menyewa rumah. Kerajaan dan juga pihak swasta terlibat dalam penyediaan Perumahan Rakyat Mampu Milik (PRMM) untuk disewa atau dibeli oleh semua golongan rakyat termasuk orang kurang upaya, warga emas dan ibu tunggal. Namun demikian terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira dan diberikan perhatian untuk memudahkan proses OKU memiliki atau menyewa rumah.

Antaranya ialah yang pertama maklumat. Maklumat mengenai projek-projek perumahan baru jarang menyampaikan kepada OKU yang memerlukan rumah. Apabila sesuatu projek dilancarkan tidak semua dapat tahu sebab bukan semua OKU yang cekap dan fasih dalam komunikasi IT. Jadi kalau ada OKU yang sudah mendaftar untuk membeli ataupun menyewa rumah, agak baik sekiranya komunikasi melalui surat masih dihantar kepada mereka ataupun mereka dihubungi melalui telefon.

Aspek kedua ialah kedudukan ekonomi OKU. Oleh sebab pendapatan OKU sangat kurang, mereka tidak mampu dan mereka tidak memenuhi syarat untuk melayakkan diri untuk memiliki rumah ataupun menyewa rumah. Pada masa ini mereka yang menerima bantuan am masih mendapat jumlah yang sedikit sahaja iaitu RM150 sebulan dan mereka yang menerima PPC masih mendapat RM300 sahaja.

Dalam perbincangan saya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Datuk Halimah baru-baru ini, saya mendapat tahu bahawa kalau OKU berdaftar dengan e-Kasih, mereka akan mendapat bantuan untuk menyewa rumah iaitu RM124.00 dan maklumat ini tidak diketahui umum. Jadi, saya menyeru agar Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mencari satu saluran untuk

menyampaikan maklumat ini kepada OKU melalui persatuan-persatuan ataupun melalui JKM di semua negeri.

Satu lagi aspek ialah kriteria mengenai status seorang OKU. Status iaitu adakah ia bujang ataupun berkahwin. Orang yang telah berkeluarga mendapat peluang yang lebih cerah untuk memohon rumah berbanding dengan OKU yang bujang kerana kalau pemohon itu OKU bujang, dia diminta mencari dua orang lagi OKU bujang untuk berkongsi untuk menyewa sebuah unit rumah. Jadi ini dianggap sebagai suatu yang tidak patut berlaku kerana ini tidak memberikan kebebasan kepada seorang OKU bujang menyewa secara perseorangan seperti orang lain. Satu aspek lain ialah kemudahan *accessibility* di persekitaran rumah harus disediakan dan pengubahsuaian reka bentuk dalam unit-unit yang dikhaskan untuk OKU harus disediakan.

Aspek satu lagi ialah tempat letak kereta perlu disediakan mengikut piawaian MS 1184 bagi OKU di projek-projek perumahan mampu milik yang ditawarkan kepada OKU. Suatu sistem penyelamatan yang bersesuaian termasuk isyarat bagi OKU pendengaran dan juga untuk warga buta semasa kecemasan atau bencana alam harus disediakan.

Bagi unit rumah bertingkat pemasangan lif adalah diwajibkan walaupun ia kurang daripada lima tingkat. Pada masa ini, bangunan-bangunan kediaman apartmen lima tingkat dan ke bawah tidak diwajibkan memasang lif tetapi kalau ada OKU yang ingin menduduki tempat kediaman apartmen seperti itu adalah wajar kalau disediakan lif. Dicadangkan juga dana yang mungkin boleh dipohon daripada pihak berkuasa tempatan untuk OKU membuat pengubahsuaian yang diperlukan dalam unit-unit yang dimiliki atau yang disewa.

Isu lain yang ingin saya utarakan ialah kos sara hidup. Kebanyakan OKU tergolong di bawah garis miskin tegar. Bagi mereka kos sara hidup yang makin meningkat menjadi masalah besar. Bantuan am yang masih kekal pada tahap dahulu seperti yang saya huraikan tadi menjadikan kehidupan mereka lebih sengsara. Walaupun saya telah mengajukan soalan kepada pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada sesi Dewan yang lalu, jawapan yang saya terima daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ialah mereka masih belum bercadang untuk menaikkan elaun-elaun bantuan juga EPC.

Pada awal tahun, Januari 2014 satu lagi kejadian telah berlaku di mana ramai OKU yang mendapat EPC telah dihentikan penerimaan EPC. Jadi mereka telah menyalurkan aduan kepada saya untuk menanyakan Menteri mengapa perkara ini berlaku. Saya juga telah pergi mengunjungi Menteri pada 6 Februari untuk menanyakan mengapa perkara ini berlaku dan saya bawa bersama saya wakil-wakil daripada persatuan OKU. Mereka diberitahu bahawa mereka tidak mengemaskinikan maklumat. Jadi elaun mereka dihentikan tanpa dimaklumkan terlebih awal. Jadi mereka yang ada komitmen untuk bayaran semua telah mengalami kesusahan.

Penerimaan bantuan BR1M. Walaupun ini dialu-alukan oleh golongan OKU. BR1M ini adalah bayaran *one-off* dan ramai OKU seperti keluarga-keluarga lain ada komitmen setiap bulan. Jadi adalah wajar untuk menaikkan elaun EPC dan juga elaun bantuan am bagi OKU secepat mungkin. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah]: Sila-sila.

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Satu lagi masalah yang sering dihadapi OKU ialah masalah berkenaan dengan tempat letak kereta. OKU yang berkerusi roda selalunya sering menghadapi masalah ini apabila tempat letak kereta mereka atau tempat letak kereta yang dikhaskan bagi kegunaan OKU disalahgunakan oleh orang yang bukan OKU. Ini sering berlaku dan ini amat menyusahkan pemandu atau penumpang OKU.

Sikap tidak prihatin masyarakat umum sudah menjadi seperti penyakit yang tidak dapat diubati Tuan Yang di-Pertua. Bukan sahaja ia tidak dipatuhi oleh masyarakat umum malah penyalahgunaan petak-petak khas untuk OKU itu juga digunakan oleh kenderaan-kenderaan kepunyaan jabatan kerajaan seperti JPJ, PDRM dan juga SPAD.

■1600

Ini ada buktinya sebab ada warga OKU yang mengambil gambar dan siarkannya dalam laman sosial *Facebook*. Jadi ada juga masyarakat umum yang menegur kami menanyakan adakah undang-undang yang menyatakan yang petak khas itu hanya boleh digunakan oleh OKU. Jadi saya telah sempat buat sedikit penyelidikan dan melihat kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], seksyen 74, ada satu perenggan berkenaan dengan tempat letak kereta bagi orang tidak upaya. Tidak upaya itu maknanya orang kurang upayalah. Ia menyatakan Menteri berhubung dengan suatu Jalan Persekutuan dan pihak berkuasa yang berkenaan berhubung dengan suatu jalan selain daripada Jalan Persekutuan dalam kawasan pihak berkuasa itu boleh melalui perintah merizabkan mana-mana bahagian daripada mana-mana jalan sebagai tempat letak kereta bagi kenderaan orang tidak upaya. Ini jelas menunjukkan bahawa apabila pihak berkuasa merizabkan tempat itu, ia boleh digunakan hanya untuk kenderaan OKU dan bukan oleh orang lain.

Dalam akta yang sama, seksyen 119(1) di senaraikan kesalahan am dan penalti. (1)(c) berbunyi, *"...tanpa alasan yang sah bukti mengenainya terletak pada orang itu melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan akta ini adalah melakukan satu kesalahan dan mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah akta ini boleh jika tiada apa-apa penalti khas diperuntukkan dalam hal sabitan yang pertama, didenda tidak melebihi RM2,000 atau dipenjarakan tempoh tidak melebihi enam bulan dan dalam sabitan kedua dan kemudian didenda lebih iaitu RM4,000 dan tempoh penjara tidak melebihi 12 bulan"*.

Jadi memandangkan kita sudah pun ada undang-undang untuk melindungi hak OKU dalam perkara ini, saya merayu kepada pihak Jabatan Pengangkutan Jalan supaya menguatkuasakannya dengan mengenakan penalti ke atas sesiapa yang melanggar peruntukan yang termaktub dalam seksyen 74, Akta Pengangkutan Jalan 1987. Di samping itu kita juga perlu meningkatkan kesedaran awam mengenai tempat letak kereta OKU melalui pengumuman di media arus perdana dan juga media sosial supaya orang umum tahu yang adalah salah untuk menggunakan petak yang dikhaskan untuk OKU.

Isu kedua yang saya ingin sebut di sini berhubung dengan tempat letak kereta adalah ukuran petak letak kereta. Mengikut piawaian MS11/1884, ukurannya harus 3,600 milimeter kali 4,800

milimeter berbanding dengan petak biasa yang berukuran 2,400 milimeter kali 4,800 milimeter. Ini bermakna ruang yang lebih lebar supaya ia boleh memuatkan kerusi roda yang digunakan oleh OKU. Akan tetapi, walaupun ada pihak yang menyediakan tempat letak kereta khas ini, kebanyakannya tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan dan termasuklah tempat letak kereta di Parlimen kita sendiri. Saya harap pihak pengurusan Parlimen akan mengambil maklum perkara ini.

Isu ketiga mengenai kereta dan motor ialah pelekat OKU pada kereta. Sekarang tidak ada pelekat yang seragam digunakan dan ada pihak yang mengeluarkan pelekat-pelekat mereka sendiri dan ia juga disalahgunakan oleh orang yang bukan OKU yang melekat pada kenderaan mereka dan letak kenderaan itu di petak yang dikhususkan bagi OKU. Jadi perkara ini telah dibawa ke Majlis Kebangsaan OKU dan Jawatankuasa Kecil Pengangkutan telah membincangkan isu ini dengan pihak Kementerian Pengangkutan. Perbincangan telah berjalan selama tiga, empat tahun dan masih JPJ belum keluaran *sticker* ataupun pelekat rasmi lagi. Saya menyeru supaya pihak kementerian dan JPJ di bawah Kementerian Pengangkutan dapat keluaran pelekat yang rasmi dan sah secepat mungkin.

Berkenaan dengan pengangkutan lain iaitu bas. Sejak tahun 2006, OKU di negara ini telah dijanjikan bahawa kita akan ada bas mesra yang boleh dinaiki oleh semua jenis OKU termasuk mereka yang berkerusi roda. Syarikat Prasarana Nasional Berhad telah pun mengadakan beberapa perbincangan dengan persatuan-persatuan OKU dan juga dengan Jawatankuasa Kecil Pengangkutan di bawah Majlis Kebangsaan OKU. Kita masih tidak nampak banyak orang kurang upaya menggunakan pengangkutan awam bas ini. Ini disebabkan bas pemandu tidak diberi latihan yang secukupnya untuk berhenti dan mengeluarkan ram untuk kerusi roda naik ke dalam bas dan juga pihak berkuasa tempatan pun masih belum menyediakan tempat perhentian-perhentian bas yang mesra kerusi roda dan juga mesra OKU.

Pengangkutan udara pula. Perkhidmatan pengangkutan udara juga telah menjadi kurang memuaskan baru-baru ini. Kalau dulunya pengendalian penumpang untuk pengangkutan udara dilakukan oleh syarikat MAS sendiri. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, perkhidmatan ini telah diswastakan kepada syarikat lain dan di sini timbul banyak masalah mengenai komunikasi keperluan penumpang OKU dan juga warga emas apabila mereka hendak menaiki pesawat.

Apabila mereka pergi naik ke pesawat, mereka ditanya- bolehkah kamu jalan masuk ke dalam dan selalunya *wheelchair* atau kerusi roda yang kecil tidak disediakan sebab komunikasi antara syarikat dan MAS itu ada masalah. Jadi penumpang OKU banyak menghadapi masalah kerana ini. Juga ada penerbangan-penerbangan yang tidak membenarkan orang buta menaiki secara persendirian dan mereka memerlukan orang buta membawa seorang pengiring dan ini juga tidak diselaraskan.

Bagi pengangkutan tambang murah seperti AirAsia. Walaupun persatuan-persatuan OKU telah memberi latihan DET kepada pramugari dan pramugara syarikat ini, masih terdapat perkhidmatan yang kurang memuaskan yang diberi kepada penumpang OKU. Apa yang paling penting bagi KLIA2 nanti ialah keperluan *aerobridge*.

■1610

Sekarang ini syarikat-syarikat tambang murah tidak menggunakan *aerobridge* dan AirAsia dengan terang telah mengeluarkan kenyataan bahawa mereka tidak akan menggunakan *aerobridge* di KLIA2. Ini akan menyusahkan kesemua penumpang sewaktu hutan ataupun panas. Warga emas juga akan turut menghadapi masalah. Jadi, kami menyeru kepada kerajaan supaya meletakkan satu syarat supaya kesemua syarikat tambang murah yang akan beroperasi di KLIA2 nanti menggunakan perkhidmatan *aerobridge*...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Yang Berhormat, saya minta celah sedikit, boleh?

Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan: Ya.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Boleh saya minta celah sedikit Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila, sila.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih. Ini kerana saya hendak berbalik daripada apa Yang Berhormat bercakap mengenai Yang Berhormat OKU yang berstatus buta, ya. Oleh sebab kalau kita tengok sekarang ini sudah menjadi satu *trend* terutamanya di Kuala Lumpur iaitu kebanyakan yang meminta- boleh kita panggil sedekah ya, di kawasan-kawasan yang ramai mereka yang duduk makan-makan dan sebagainya. Kita nampak sekarang macam sudah jadi satu *trend* di mana orang-orang buta ini digunakan dan dipimpin oleh orang yang sememangnya sihat dan berpakaian cantik. Kemudian mereka ini digunakan untuk meminta sedekah di serata tempat di kawasan Kuala Lumpur.

Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat kenapa perkara macam ini masih lagi berlaku terutamanya di dalam Bandaraya Kuala Lumpur sebab bukan sekali dua saya bertemu dengan orang yang sama tetapi saya rasa sudah banyak kali. Saya tidak nampak ada satu proses ataupun tindakan ataupun perkara-perkara yang dilakukan oleh pihak-pihak tertentu untuk memastikan gejala ini tidak berlaku sebab kita nampak sekarang macam ada satu sindiket mungkin ataupun komplot-komplot tertentu yang mempergunakan orang-orang buta ini untuk dijadikan sumber pendapatan mereka. Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat tentang kaedah ini. Macam mana?

Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan: Ya, memang perkara ini telah dibangkit oleh beberapa pihak dan kami telah membawa ini kepada persatuan-persatuan buta. Di sini ada dua perkara yang berlaku. Satu, ada penjaja memang yang *genuine*, yang ikhlas dan yang memang menjual tisu dan pen dan dia bawa seorang untuk mengiringinya. Ini bukan salah dan ini sebagai suatu sumber pendapatan baginya. Kedua, memang ada orang yang dipergunakan. Akan tetapi ini adalah suatu masalah yang susah untuk ditangani dan kita juga telah bawa ke JKM. Saya rasa mungkin tidak dapat menyelesaikan begitu sahaja. Kita boleh menasihati orang yang kita anggap dipergunakan tetapi kalau dia secara sukarela hendak pergi dan berniaga bersama dia, kita tidak boleh menghalang. Jadi, itu situasinya.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya minta sedikit lagi Yang Berhormat, boleh? Kalau begitu mungkin saya ada pandangan ataupun cadangan yang mungkin saya boleh minta pandangan Yang Berhormat juga. Bagaimana perkara ini kalau boleh dihapuskan terus daripada gejala ini berlaku. Mungkin pihak berkuasa tempatan tertentu boleh menyediakan satu rangka program yang sesuai untuk mereka ini untuk menjana pendapatan selain daripada menampakkan imej seperti peminta sedekah

padahal kita tahu tentang konteks Yang Berhormat beritahu tadi bahawa mereka ingin menjalankan perniagaan. Akan tetapi dalam konteks yang sama kita lihat statusnya di mana-mana mereka dipimpin oleh orang yang sihat dan mereka ini ditunda ke hadapan hanya menunjukkan tisu dan untuk mendapatkan orang.

Jadi, nampak kaedah ini agak kurang selesa sebenarnya. Ada di antara pelanggan-pelanggan kedai dan kita merasakan kadang-kadang ia boleh juga menjejaskan imej negara kita sendiri yang menunjukkan bahawa golongan ini tidak distruktur dengan teratur oleh pihak-pihak tertentu untuk memastikan golongan ini tetap terbela dalam kaedah-kaedah tertentu. Saya minta pandangan Yang Berhormat.

Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan: Ya. Terima kasih Yang Berhormat atas cadangan dan pandangan itu. Ya, mungkin pihak berkuasa tempatan boleh memberi lesen perniagaan ataupun menyediakan kios untuk mereka berniaga. So, terima kasih atas pandangan dan saya akan bawa kepada persatuan OKU dan buta.

Sambung dengan satu lagi isu. Bahasa isyarat, saya cadangkan bahasa isyarat yang digunakan oleh warga pekak diperkenalkan sebagai suatu aktiviti kurikulum bagi murid sekolah menengah. Ini akan meningkatkan kesedaran awam terhadap budaya orang pekak dan akan membantu memupuk masyarakat yang lebih eksklusif di mana warga pekak boleh berkomunikasi dengan orang lain melalui bahasa isyarat. Saya juga mencadangkan bahawa bahasa isyarat digunakan bagi semua siaran berita di TV, bukan sahaja di TV1 tetapi semua termasuk syarikat swasta, lintas langsung sidang Parlimen ini sendiri dan juga rancangan forum di televisyen supaya ia boleh dinikmati bersama oleh warga pekak.

Satu lagi isu yang ingin saya utarakan ialah tempat-tempat ibadah. Undang-undang yang mengawal bangunan-bangunan ibadah ini terletak di bawah Undang-undang Kecil Seragam Bangunan yang telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1990. Pindaan telah dibuat pada tahun itu untuk memastikan bahawa semua bangunan baru termasuk tempat-tempat ibadah yang menyediakan kemudahan bagi OKU dan kemudahan infrastruktur disediakan di masjid, surau, gereja, kuil dan lain-lain tempat ibadah bagi warga OKU yang berkerusi roda untuk mengunjunginya, untuk menunaikan kewajipan agama mereka masing-masing. Bagi masjid, ada tiga aspek. Satu, laluan masuk dan keluar masjid mesti sesuai bagi mereka berkerusi roda untuk masuk. Kedua, tempat mengambil wuduk tidak disediakan di kebanyakan surau dan masjid di negara ini. Ini telah memaksa *I mean* OKU yang pergi untuk menunaikan solat terpaksa menggunakan dan mengambil wuduk di tandas. Ini saya rasa adalah sesuatu yang memang tidak sesuai.

Jadi, saya harap keprihatinan akan diberi kepada perkara ini dan juga menyediakan suatu bilik tandas yang sesuai untuk kerusi roda masuk juga. Di Petaling Jaya baru-baru ini, ada satu kuil diletakkan satu notis melarang kerusi roda memasukinya sebab dikatakan roda kerusi roda itu kotor seperti kasut. Jadi, ini...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya sedikit?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Nanti sekejap, bukan tanya. Hendak mencelah mesti dengan izin dengan yang sedang bercakap.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Minta izinlah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya tanya dengan yang bercakap dahulu.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh?

Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan: Ya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Apa nama kuil itu?

Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan: Nama kuil itu *Sivan Temple* tetapi saya telah buat sedikit penyiasatan. Saya difahamkan bahawa kuil itu masih sedang dibangunkan. Sebenarnya asal kuil itu sederhana saiznya dan ia dirobohkan dan diperbesarkan, ditambahkan untuk dijadikan satu kuil yang besar. Dalam proses pembinaan pengubahsuaian itu, entah bagaimana boleh terjadi, ia telah melampaui had yang dibenarkan. Jadi MBPJ tidak memberi kelulusan untuk kuil itu dibuat pengubahsuaian yang begitu besar.

■1620

Jadi, saya telah berhubung dengan ahli Majlis dari MBPJ untuk mendapatkan keterangan mengenai kuil itu dan dia menyatakan melalui perundingan bahawa dia telah bercakap dan berunding dengan jawatankuasa kuil itu. Mereka telah bersetuju untuk *scale down*, untuk mengurangkan dan menjadikan kuil itu balik pada saiz yang dapat diterima mengikut peraturan yang tidak menyalahi had yang dibenarkan. So, kuil itu masih dalam proses. Ia belum siap. Jadi, saya akan memantau sebab rumah saya tidak jauh dari kuil itu. Jadi, apabila siap, saya akan pergi ke kuil itu untuk memastikan bahawa tanda itu tidak ada lagi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Panjang lagi Yang Berhormat? Panjang lagi?

Puan Bathmavathi a/p K. Krishnan: Sedikit sahaja. Selain daripada itu, *home help services*. Bagi golongan warga OKU, bukan semua OKU tinggal di rumah kebajikan. Di mana ada orang untuk menjaga mereka dan membantu mereka menguruskan kehidupan seharian. Ada juga OKU yang tinggal bersama keluarga dan ahli keluarga menjaga mereka. Ada juga ahli keluarga yang terpaksa menjaga mereka yang terlantar. Ada juga OKU yang hidup bersendirian, sebatang kara sebab mereka tinggalkan kampung halaman, datang dari tempat jauh, berhijrah ke bandar mencari rezeki. Mereka juga ada keperluan-keperluan yang mungkin tidak dapat dijalankan oleh mereka sendiri secara bersendirian. Mereka yang tinggal berseorangan macam ini memerlukan sedikit bantuan.

Saya dapat tahu melalui satu rancangan yang telah dimulakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah JKM yang dinamakan *home help services*. Ini adalah satu skim di mana sukarelawan diberi latihan dan mereka dihantar untuk membantu orang tua ataupun warga OKU yang tinggal berseorangan. Jadi, kita minta supaya skim ini diperkembangkan lagi supaya lebih ramai OKU dapat menikmati perkhidmatan *home help services*. Untuk *volunteer*, mungkin KPWKM boleh bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan. Semalam kita dengar Timbalan Menteri yang telah berhujah tentang menggalakkan ramai belia menceburi kerja-kerja

sukarelawan. Jadi, sukarelawan kita boleh bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk *supply core of volunteers*. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Puan Bathmavathi. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

4.28 ptg.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu tahniah kerana dapat duduk di bahagian atas sana. Mudah-mudahan dapat saya cakap panjang sikit, terima kasih. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Tuanku di Dewan yang mulia pada 10 Mac yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Baginda memanjatkan kesyukuran ke atas keamanan, kestabilan dan kemakmuran negara.

Baginda seterusnya meluahkan perasaan sukacita tentang kejayaan Kerajaan Barisan Nasional dalam melaksanakan agenda transformasi negara yang telah membuahkan hasilnya dengan pelbagai kejayaan yang telah kita capai dengan pembangunan negara yang mampan. Secara keseluruhannya, Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menggambarkan keprihatinan Seri Paduka Baginda terhadap masa depan negara, khususnya dari segi keselamatan, ekonomi, pelajaran serta kesejahteraan hidup rakyat menjelang tahun 2020 di mana Malaysia dijangka mencapai wawasan dan matlamatnya menjadi sebuah negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai dasar dan program untuk membangunkan negara telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia untuk membawa perubahan selaras dengan matlamat negara maju berpendapatan tinggi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melaksanakan pelbagai program tanpa mendiskriminasikan rakyat, tanpa mengira kaum, fahaman politik dan sebagainya.

Langkah transformasi ekonomi dan konsolidasi fiskal termasuk rasionalisasi subsidi secara berperingkat terus dilaksanakan dalam memastikan negara terus berdaya saing. Jumlah keseluruhan RM24.1 bilion digunakan untuk subsidi barangan asas. Manakala RM1.9 bilion untuk merangkumi subsidi harga dan insentif sebagai contoh, kepada hasil padi serta bantuan nelayan. RM14 bilion sebagai bantuan tambahan subsidi berfaedah imbuhan tabung pinjaman bernilai RM1.6 bilion, RM511 juta untuk bantuan warga emas, RM424.1 juta untuk orang kelainan upaya. Tahniah orang kelainan upaya, rakan saya. RM44.3 juta untuk kaum Orang Asli, Yang Berhormat Dato' Olian. RM1.8 bilion untuk bantuan lain-lain. Ini termasuk orang Siam, ia tidak masuk pula hari ini. Siam Malaysia. Langkah-langkah ini bagi memastikan rakyat dapat hidup makmur dan seterusnya sama-sama menyumbang, membantu kerajaan membangunkan negara.

Menyentuh berkenaan subsidi secara pukal seperti subsidi gula, tepung gandum, minyak masak, petrol RON95, bahan api diesel, gas petroleum dan cecair dan sebagainya.

Saya menyeru agar kerajaan mengkaji semula pelaksanaan subsidi ini dan memastikan subsidi-subsidi yang kita laksanakan ini betul-betul sampai ke golongan sasaran. Kerajaan perlu mencari mekanisme yang lebih efisien dan berkesan agar ianya tidak tiris kepada golongan lain. Contohnya, kita tidak mahu subsidi yang diberikan kepada rakyat Malaysia tetapi orang asing termasuk pendatang asing tanpa izin ataupun pendatang asing dengan izin juga dapat manfaatnya. Kerajaan juga melaksanakan inisiatif untuk membantu meringankan beban rakyat seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia, Baucar Buku 1Malaysia, Kad Diskaun Siswa 1Malaysia, Bantuan Khas Awal Persekolahan dan sebagainya. Tentang BR1M ini bolehkah kerajaan menyatakan, berapakah jumlah keseluruhan yang menikmati kemudahan BR1M ini?

Di sini saya juga mahu kerajaan memastikan bahawa mereka yang benar-benar layak menerimanya kerana kita dengar ada juga yang mendapat BR1M ini dari golongan yang berada. Kenapakah ini berlaku? Bagaimana pula kes rayuan untuk mendapatkan BR1M? Berapa jumlah rayuan yang diterima dan apakah sebab-sebab permohonan mereka ditolak? Rata-rata Tuan Yang di-Pertua, yang berjumpa dengan kita, kenapa kebanyakannya orang ini ditolak? Ada yang muda, yang dulu dapat RM650, hari ini dia dapat RM300. Saya kata, saya tidak boleh jawab. Awak pergi mengadu dengan LHDN- kot-kot awak ada kebun sepuluh ekar. Akan tetapi dia kata dia satu pun tidak ada. Dia ibu tunggal hidup keseorangan. Kalau ada calonlah bolehlah, dia kata, tetapi setakat ini belum lagi- dia kata.

■1630

Bagaimana pula kes rayuan untuk mendapatkan BR1M? Berapa jumlah rayuan yang diterima dan apakah sebab-sebab permohonan mereka ditolak? Kita mohon kerajaan memaklumkan kepada rakyat kenapa permohonan BR1M ditolak, kenapa permohonan mereka ditolak agar mereka memahami situasi sebenarnya dan tidak lagi timbul rasa tidak puas hati di kalangan rakyat bagi mengikis dakwaan sesetengah pihak yang menyatakan “Kerajaan pilih kasih”.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan rasa sedih dan dukacita yang teramat sangat di atas kehilangan pesawat MAS MH370 sejak Sabtu, 8 Mac 2014 yang lalu. Hari ini masuk hari yang ke-47 dan minggu ini sudah masuk minggu ketujuh misi mencari dan menyelamat (SAR) misteri kehilangan kapal terbang 370. Saya rasa amat simpati kepada keluarga penumpang-penumpang dan anak kapal penerbangan MH370 yang malang. Marilah kita berdoa kepada Allah SWT semoga keluarga mereka ini dapat bersabar, dapat menerima dugaan daripada Allah SWT. Mudah-mudahan Allah Taala sahaja yang akan menentukannya kejadian itu ditentukan oleh Allah SWT dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang, kaum dan agama bersatu dan memberi sokongan dan doa agar misteri kehilangan 370 dapat cepat diselesaikan.

Peristiwa ini mengandungi hikmah tertentu antaranya kita lihat rakyat satu suara dan bersama-sama semua kaum, semua agama, semua bangsa dan menyatukan manusia di seluruh dunia dan mendoakan dan mengharapakan misteri ini dapat diselesaikan segera. Kita perlu mengucapkan syabas kepada semua pihak yang begitu komited dan prihatin dalam usaha mencari dan menyelamat yang

dilaksanakan sehingga hari ini terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pemangku Menteri Pengangkutan yang sentiasa bertungkus-lumus dan sangat komited dengan tugas beliau dan bijak menangani isu ini sehingga mendapat pujian daripada pelbagai pihak seluruh dunia. Meskipun banyak kecaman, banyak spekulasi dan pelbagai asakan di seluruh negara dunia tidak kurang juga dalam negara, namun Menteri kita berhempas-pulas memastikan segala usaha dijalankan agar SAR dapat dilaksanakan dengan baik dan wajar.

Kita juga berterima kasih kepada pelbagai pihak yang membantu, yang berusaha dengan ilmu, teknologi yang ada pada masing-masing terutama negara yang lebih 26 buah negara membantu dalam misi mencari, menyelam dan menyelamatkan dengan seberapa daya yang dapat walaupun di sana ada kelemahan-kelemahan manusia. Satu kejadian yang luar biasa dan apa yang berlaku kepada pesawat MH370 adalah pertama kali dialami oleh negara kita dan diakui oleh dunia sebagai satu *rather unprecedented*, dengan izin yang mana pesawat hilang dengan tidak dapat dikenal pasti di manakah tempatnya. Tiada panggilan kecemasan oleh krew kapal, hilang tanpa sebarang tanda dan penuh misteri. Daripada pengalaman ini selepas kejadian ini, kita sedar bahawa negara kita sebenarnya mempunyai banyak kekurangan dan kelemahan yang agak ketara dari bidang penerbangan.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Mohon mencelah Yang Berhormat. Boleh?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ya.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh izinkan Datuk Hajah Noriah?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ini sahabat saya. Kalau saya tidak beri takut nanti di belakang dia tidak belanja minum air.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey, sahabat memberi izin. Silalah.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah. Yang Berhormat ada menyebut berkenaan dengan misteri kehilangan MH370 dan ada pemimpin pembangkang yang berkata bahawa "*Misteri ini boleh diselesaikan dalam tempoh satu saat sahaja*". Jadi, kenyataan ini saya kira adalah satu kenyataan yang amat serius, yang amat tidak bertanggungjawab kerana 26 buah negara terlibat untuk mencari MH370, sehingga hari ini masih belum ditemui. Apakah pandangan Yang Berhormat? Perlukah pihak kerajaan mengambil tindakan yang tegas terhadap kenyataan yang seperti ini supaya tidak ada lagi pemimpin-pemimpin yang boleh bercakap sewenang-wenangnya ikut suka mereka dan tidak menghormati perasaan mangsa yang terlibat dengan kejadian MH370? Apakah pandangan Yang Berhormat?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ini hendak 'bakor' saya [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat Dato' Olian. Saya ini sebenarnya cakap hendak berhemah. Dari dahulu lagi saya beritahu dengan Dewan ini, mak saya ini beranakkan saya hendak anak jantan tetapi yang keluar anak perempuan. Sebenarnya jiwa saya pun keras Tuan Yang di-Pertua. Apakala dengar sahaja cerita, saya setuju apa yang disarankan oleh Yang

Berhormat Dato' Olian tadi. Apakala saya dengar kata Ketua Pembangkang dia boleh cari dalam masa satu saat, saya pun hati sudah rasa marah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Geram.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Geram. Sambung lagi sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yalah.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Geram.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Geram.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ini keluarga 227 penumpang termasuk anak kapal. Ini nyawa manusia, tidak boleh dipermainkan perasaan hati keluarga jangan dipermainkan. Saya minta 227 keluarga yang mendengar apa yang disuarakan oleh Ketua Pembangkang ini diambil satu iktibar dalam hati, bukan suruh benci tetapi lebih kurang begitulah [*Ketawa*]. Kalau dia kata dia boleh jumpa Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya, bermakna dia yang sorokkan. Betul atau tidak? Habis dia yang boleh jumpa, orang lain tidak boleh.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Mungkin dengan pertolongan bomoh tidak.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Mungkin satu saat dengan pertolongan bomoh tidak.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ya?... *Zam zam, ala kazam!* Cari pun tidak jumpa Tuan Yang di-Pertua [*Ketawa*] Dia cari boleh jumpa 26 buah negara dunia. Ini bukan calang-calang negara. Amerika, Rusia, Switzerland dan macam-macam lagi... [*Disampuk*] Saya tidak berani cakap temberang [*Ketawa*] Akan tetapi tidak boleh jumpa. Kata dia, dia boleh jumpa, dia pakatkah?

Saya hendak minta kepada pihak Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan, siasat sehabis-habisnya orang yang bercakap dia boleh jumpa dalam masa satu saat, cari, siasat orang itu. Ini bukan main-main. Suruh dia tunjuk orangnya di mana. Dia cakaplah di mana. Pujuk baik-baiklah, jangan garang-garang. Kasihan Tuan Yang di-Pertua, ada yang suami isteri tinggal, sebab Tuan Yang di-Pertua, keluarganya masing-masing berpendapat anak mereka masih hidup lagi, suami mereka masih hidup lagi, keluarga mereka masih berada lagi, masih selamat. Jadi kita minta pihak yang berkenaan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan dan juga pihak polis tolong siasat benda ini secepat mungkin yang boleh dan kalau boleh, kita sama-sama doa supaya Allah SWT terbukakan segala-galanya supaya 227 orang ini muncul di mana-mana, tidak tahulah.

■ 1640

Saya, kalau saya tahu, memang hari ini saya sudah keluarkan, boleh kita dapat anugerah nanti Tuan Yang di-Pertua. Jadi terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua sudah tersasar dekat lain. Kalau kapal terbang itu tersasar, saya tersasar sikit, saya cari punca dia sikit.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, meskipun negara kita mempunyai satu rekod yang diiktiraf oleh dunia dalam banyak aspek. Dalam bidang penerbangan negara kita merupakan antara hanya beberapa negara di kalangan negara membangun yang menduduki sebagai ahli majlis atau ahli Exco bagi *international civil aviation organization*, dengan izin satu badan utama dunia yang mengawal tentang

perjalanan *civil aviation* perkhidmatan MAS antara yang terbaik di dunia. *Malaysia Airlines* juga menerima pelbagai anugerah antarabangsa. Juruterbang diakui di peringkat antarabangsa antara yang cekap dan yang hebat serta profesional.

Institusi-institusi pengajian penerbangan dan kejuruteraan penerbangan kita seperti MIAT juga diiktiraf antarabangsa. Namun kejadian kehilangan pesawat ini menunjukkan kelemahan negara dalam aspek tertentu dalam industri penerbangan ini dan perlu kita menambahbaikkan. Kelemahan-kelemahan tersebut patut dikaji dan ditangani dengan segera bagi memulihkan semula nama baik MAS dan juga kedudukan negara kita di mata dunia. Apa lagi rentetan peristiwa malang yang melanda penerbangan pesawat MAS yang melibatkan kerosakan pada pesawat MAS yang menuju ke Korea dan terbaru ke Bangalore seolah-olah menguji tahap profesionalisme industri penerbangan di Malaysia.

Dalam kejadian ini kita lihat bagaimana kelemahan dari aspek kepatuhan kepada protokol-protokol tertentu yang harus diikuti dan menunjukkan profesionalisme dalam pengendalian bidang industri ini. Malah kejadian ini juga menunjukkan aset-aset yang kita ada tidak mencukupi. Bagi misi mencari dan menyelamatkan pesawat MH370 ini, kelemahan sistem keselamatan mudah dibolosi yang menyebabkan dua rakyat Iran yang menggunakan pasport palsu dapat melepasi sistem keselamatan kita, sistem radar kita termasuk sistem radar tentera, keperluan kepada satelit dan juga banyak lagi.

Jadi apakah langkah kerajaan dalam memperbaiki kelemahan-kelemahan ini dalam jangka pendek dan juga jangka panjang? Apakah mekanisme dalam memastikan industri penerbangan kita pulih dan diperkukuhkan dan seterusnya kita boleh menjadi hab penerbangan di Asia ini memandangkan KLIA 2 akan beroperasi tidak lama lagi. Apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan dalam menggalakkan lagi industri penerbangan di negara ini? Apakah kejadian kehilangan misteri pesawat MH370 ini memberi kesan besar kepada industri penerbangan negara pada masa ini?

Berkaitan dengan bantuan, saya percaya sudah tiba masanya bantuan yang sewajarnya diberikan kepada keluarga penumpang dalam penerbangan MH370 yang hilang. Walaupun kita belum dapat sahkan lagi sama ada mereka ini mati atau pun hidup. Saya juga pasti sebahagian daripada mereka memerlukan bantuan dari segi kewangan. Jadi diharapkan pihak tertentu dapat memikirkan alternatif yang ada dan menyelesaikan isu-isu yang berkaitan agar bantuan dapat disalurkan kepada keluarga mangsa dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh dengan isu PLKN. Generasi muda belia adalah cermin wajah negara pada masa depan dan merupakan aset penting dalam mencorakkan pembangunan serta kemakmuran negara. Menyentuh berkenaan dengan pembangunan belia sebagai generasi yang akan meneruskan pembangunan negara, di sini saya juga membangkitkan yang relevan dengan belia iaitu isu PLKN. PLKN adalah kursus latihan wajib setelah tiga bulan di pusat latihan seluruh Malaysia bagi mereka yang terpilih apabila menamatkan pendidikan SPM atau berumur 17 tahun ke atas.

Meskipun pihak pembangkang mendakwa PLKN ini adalah ianya satu pembaziran. Namun dari segi realitinya kalau di tanya kepada pelatih yang menjalani program ini sangat relevan kepada remaja-remaja sekarang dan mereka menyatakan banyak manfaat yang mereka peroleh daripada modul-modul

yang disediakan. Melalui PLKN para remaja ini menjalani orientasi pembinaan jati diri dan motivasi dalam melangkah usia dewasa.

Pelatih PLKN akan menjalani latihan modul-modul yang ditentukan oleh JLKN iaitu modul fizikal, modul kenegaraan, modul pembinaan karakter dan modul khidmat komuniti. Setelah beberapa tahun dilaksanakan kita dapati ada kajian menyatakan bahawa penambahbaikan perlu dilaksanakan terutamanya dalam aspek agama dan moral. Kita menyeru agar kerajaan mengambil cakna dan kaji semula modul yang disediakan dengan memasukkan modul agama dan moral sebagai yang paling utama.

Pendidikan agama di kalangan remaja masa kini amat perlu sekali bagi menyediakan mereka menghadapi masa depan negara. Saya tertarik hati tadi Tuan Yang di-Pertua dengan apa yang di sarankan oleh rakan saya iaitu Yang Berhormat Puan Norliza, terdapat di asrama Pulau Pinang. Sebahagian besarnya anak-anak kita tidak tahu sembahyang dan mengaji al-Quran. Jadi yang itu saya rasa elok diterapkan sebagaimana yang saya maksudkan tadi. Dengan pengukuhan dalam akidah dan pembelajaran yang berterusan akan mengukuhkan lagi pegangan agama remaja dan mampu melahirkan remaja yang mempunyai jati diri yang tinggi.

Kita mohon agar hal ini diberi perhatian kerana kita lihat sejak akhir-akhir ini gejala sosial seperti pengambilan dadah, menghadiri parti-parti liar banyak berlaku di kalangan remaja. Cabaran-cabaran yang boleh meruntuhkan jati diri seseorang amat tinggi pada masa ini sedangkan negara kita, minta maaf saya Tuan Yang di-Pertua, hari ini badan saya kurang sihat dan kalau saya lihat Tuan Yang di-Pertua dekat atas, saya macam ada kegerunan sikit suara, tidak berapa hendak keluar, minta maaf saya.

Sedangkan negara kita sepatutnya melahirkan belia dan modal insani yang berdaya saing dan mempunyai jati diri yang tinggi yang mampu menjadi seperti biji kopi yang bila dididihkan ia dapat menukar air menjadi kopi. Remaja yang mampu menukarkan keadaan sekeliling ke arah yang kebaikan. Kita harap setelah PLKN dijenamakan semula di bawah strategi lautan biru kebangsaan iaitu MBOS dan Kementerian Pertahanan dengan memperuntukkan sebanyak RM12.7 juta. Bagi program itu pada tahun ini pelbagai penambahbaikan dapat dilaksanakan dengan sewajarnya.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua wujud juga satu cadangan agar PKLN ini ditumpukan kepada remaja lelaki dengan penyertaan yang dihadkan lebih 100,000 peserta sahaja seperti daripadanya ialah perempuan. Maka ramai pelajar lelaki terlepas dan ia kerugian kepada negara. Banyak faktor yang perlu diambil kira lelaki atas sifatnya bakal menjadi ketua keluarga perlu lebih siap-siaga. Lebih-lebih lagi banyak isu disiplin dan sosial seperti dadah, mat rempit serta penjenayah melibatkan belia lelaki.

Kemerosotan kualiti di kalangan lelaki ketika ini juga salah satu faktor keutamaan perlu diberikan kepada jantina tersebut. Jadi adakah kajian telah dibuat dalam hal ini dan apakah tindakan yang akan dilakukan oleh kerajaan? Adakah kerajaan akan menambah jumlah penyertaan pelatih dan membina lebih banyak kem latihan atau mengurangkan penyertaan pelatih wanita.

Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan pemilikan rumah. Isu harga rumah yang kian meningkat menyebabkan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah, sederhana semakin tertekan memikirkan soal kemampuan untuk memiliki rumah sendiri terutamanya yang tinggal di dalam bandar. Pembinaan rumah mampu milik yang mencukupi dan sederhana adalah amat penting dalam proses melahirkan komuniti sejahtera memandangkan golongan ini berpendapatan RM7,000 mewakili 75% daripada jumlah ini iaitu rumah negara.

■1650

Penekanan kepada rumah mampu milik juga selaras dengan Dasar Perumahan Negara dan aspirasi negara untuk mencapai satu isi keluarga satu rumah. Melihat keperluan rakyat ini, lantaran daripada itu, kerajaan telah mengadakan inisiatif-inisiatif seperti program Perumahan Rakyat 1Malaysia, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia, Rumah Mampu Milik dan Rumah Mesra Rakyat. Saya menyeru agar pihak kerajaan mempromosikan inisiatif-inisiatif yang telah dilancarkan oleh kerajaan agar sampai kepada pengetahuan rakyat. Kerajaan boleh mengadakan iklan-iklan di kaca televisyen dan media yang lain agar maklumat kemudahan kepada rakyat ini sampai kepada golongan sasar.

Seterusnya saya juga ingin bertanya berapakah jumlah statistik penduduk yang tergolong dalam golongan yang layak menerima inisiatif yang diadakan?

Seterusnya dalam hal pemilikan rumah, kita dapati isu bantuan kewangan pinjaman adalah masalah yang sentiasa dihadapi oleh golongan yang tersebut di atas merujuk kepada bantuan kewangan memiliki rumah. Adakah kerajaan membantu mereka yang dalam golongan ini untuk mendapatkan pinjaman bagi membantu pembelian dan pemilikan rumah tersebut?

Selanjutnya saya ingin juga menyeru kepada kerajaan agar dapat melantik kontraktor-kontraktor yang profesional yang mampu menyiapkan rumah dengan sewajarnya. Bukannya kontraktor dan pemaju yang tidak menunjukkan komitmen yang baik dalam menunaikan tanggungjawab membina rumah kepada rakyat.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pendidikan. Bagi memenuhi misi negara mencapai negara maju berpendapatan tinggi dan mempunyai modal insani yang berdaya saing, kerajaan telah mengadakan pelbagai usaha meningkatkan mutu pendidikan negara. Bagi memastikan negara dapat melahirkan negara mahir, kreatif dan inovatif, kerajaan telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015 dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2007-2020.

Namun, apa yang ingin saya timbulkan di sini, fenomena dominasi pelajar perempuan di institusi-institusi pengajian tinggi, keadaan ini bukanlah satu perkara yang baru. Namun, statistik ini dilihat terus meningkat dan berterusan setiap tahun. Bagi sesi akademik 2013/2014, 67.7% pelajar yang berjaya mendapat tempat ke universiti awam untuk program ijazah pertama terdiri daripada pelajar perempuan berbanding hanya 32.3% lelaki. Manakala peningkatan tersebut ketara berbanding kemasukan sesi 2012/2013 ialah 65.8% perempuan dan 34.2% lelaki serta sesi 2011/2012 pula mencatatkan rekod 65% perempuan dan 34% lelaki. Lelaki ini memang tidak berapa tinggilah tetapi jawatan itu banyak dia yang dapat.

Isunya, sekiranya fenomena dominasi pelajar perempuan di institusi pengajian tinggi ini akan menyebabkan remaja lelaki yang gagal mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran, dengan itu, juga timbulnya masalah untuk pelajar lelaki tercidir dan juga berjaya ini mendapat kemahiran dan peluang pekerjaan yang baik. Peluang agak sukar dengan kelayakan akademik yang tidak begitu baik, seterusnya menyukarkan kehidupan mereka dan boleh menjerumuskan mereka ke arah masalah sosial.

Justeru, apakah langkah yang diambil oleh kerajaan dalam menangani masalah kekurangan pelajar lelaki di institusi pengajian tinggi ini? Dicadangkan kepada pihak kerajaan untuk menambahkan lagi institusi-institusi kemahiran sebagai alternatif kepada remaja lelaki menyambung pelajaran mereka agar mereka mendapat kemahiran *hands-on* dan seterusnya dapat menyumbang kepada ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai dengan keganasan rumah tangga. Masalah ini tidak akan selesai sampai bila-bila mungkin. Institusi keluarga terus diberi perhatian dalam mempertingkatkan kemajuan negara. Keluarga yang bahagia boleh melahirkan masyarakat yang maju dan berdaya saing. Dalam hal kekeluargaan ini, saya terpanggil untuk menyentuh berkenaan dengan keganasan rumah tangga. Keganasan rumah tangga merupakan masalah sosial yang perlu ditangani bagi memastikan negara kita dapat mencapai kemajuan bukan sahaja di bidang fizikal malah juga dari segi masyarakatnya yang maju dan berdaya saing yang tinggi.

Dalam hal ini, pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sekarang yang begitu aktif dan agresif dalam usaha melahirkan masyarakat penyayang dan lebih agresif. Banyak program telah berjalan, dirancang dan bakal dilaksanakan. Kembara Kebajikan *1Malaysia Family Care* yang menyediakan program seperti Program Khidmat Bantu Rumah, Program Jejak Psikologi Rakyat *1Malaysia (PR1SMA)*, *1M Community Transformation Centre*, perkhidmatan sukarelawan secara percuma, *JobsMalaysia*, peluang pekerjaan, *jumble sale*, *car boot sale* dan lain-lain. Program ini pastinya dapat memberi manfaat kepada masyarakat seluruhnya dan semoga ia dapat dilaksanakan dengan jayanya di seluruh negara.

Hari itu peringkat pelancarannya dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di Pagoh di peringkat kebangsaan. Tahniah kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Kita lihat semula berkaitan dengan isu keganasan rumah tangga. Mengikut statistik dari tahun 2000 hingga 2012, sebanyak 42,499 kes keganasan rumah tangga dilaporkan berlaku di seluruh negara. Manakala statistik Polis Diraja Malaysia mencatatkan dari tahun 2007 hingga 2012 sebanyak 18,124 kes keganasan rumah tangga. Maknanya setiap tahun 3,000 kes dilaporkan dan mengikut...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Keganasan itu arah mana? Lelaki perempuan sahaja atau suami kepada isteri sahaja?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Ini rasa saya mengikut firasat saya Tuan Yang di-Pertua, ini mesti kes suami dera isterilah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Isteri dera suami tidak ada kes?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Jarang berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Cuma ada saya dengar hari itu pada tahun yang lepas isteri dera suami. Saya ucapkan tahniah kepada isteri yang berani dera suami itu walaupun kata...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Jadi Yang Berhormat ini pro keganasan wanitalah ini?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Walaupun kata orang berdosa tetapi hendak tidur kena minta maaf kerana wanita ini kena beranilah. Jangan dia sahaja hendak dera kita. Sama-sama hendak cari makan Tuan Yang di-Pertua, betul tak? Dia cari rezeki, kita pun cari rezeki. Sama-sama menampung rumah tangga...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sama-sama tidak ada ganaslah lagi baik.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh tanya sedikit?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh Yang Berhormat?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Apakah bentuk dera yang isteri kenakan kepada suami? Apa bentuk dera? Jelaskan.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Pertamanya kena tengok dahulu, dia kena belajar suami dia dera dia macam mana. Selepas itu, dia dera suami dia, selepas itu lagi ...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Contoh?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Contoh? Contoh terakhir, tidur berasinglah. Engkau aku tidur, padan muka. Engkau tidur katil lain, aku tidur katil lain. Ini *off the record*lah. Itu dera juga itu.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kalau derhaka boleh asing. Kalau isteri derhaka pada suami, boleh asing. Betul?

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Dia tidak derhaka. Dia kalau derhaka, dia terus tidak jumpa malam. Dia tidak derhaka, dia sayang sebenarnya. Cuma keadaan itu ...

■1700

Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas: Yang Berhormat minta laluan sedikit Yang Berhormat, boleh? Saya cukup tertarik dengan isu yang dibawa ini. Masalah yang pertamanya tentang isteri dera suami. Ada satu kes pernah berlaku Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan saya. Suami dia ini hendak kata jahat pun tidak jahat mana pun, hendak kata baik pun tidak baik mana. Antara sedang-sedang. Akan tetapi si isteri ini dia terlalu lebih sangat cemburunya. Sikap cemburu itu terlalu melampau. Jadi ada satu kali itu apabila suami dia balik dia tunggu belakang pintu dan bantai dengan *baseball*. Pengsan si suami. Bini, si isteri itu pukul suami itu dengan *baseball*. Jatuh tertiarap, pengsan suami itu.

So, saya hendak tanya Yang Berhormat macam mana keadaan macam ini? Adakah dari segi hukumnya bagaimana dan apakah nasib keluarga itu? Apakah isteri itu akan berpisah berlaku dan bagaimana keadaan itu? Ini berlaku bukan sahaja orang lelaki yang seksa isteri, isteri pun lebih dahsyat lagi kadang-kadang menyeksa si suami, menyeksa si lelaki.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey, cukuplah Yang Berhormat. Bolehlah itu. Saya rasa dengan izin, *point taken*- bolehlah Datuk Hajah Noriah mahu meneruskan soal keganasan ini atau sudah cukup ganas kita? *[Ketawa]*

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Kita wanita sebenarnya tidak cukup ganas Tuan Yang di-Pertua. Itu belum ganas lagi. Kalau sampai ke tahap dia tidak tahan dia ada lagi ganas nanti jumpa saya, saya cerita kemudian ada orang yang lebih ganas daripada Datuk Yahaya cakap itu.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Bukan, sebenarnya iktibar yang hendak kita pelajari daripada perdebatan sekejap tadi. Bahawa bila kita bercakap tentang keganasan kita haruslah bercakap tentang keganasan mengemukakannya dengan kuota yang seimbang bahawa keganasan itu bukan berlaku satu pihak sahaja, berlaku dua pihak. Akan tetapi saya rasa tidak usahlah terlalu panjang mengenai keganasan ini. Perlu pindah pada topik lain Datuk Hajah Noriah.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya wanita ini tidak ganas. Kalau baru satu atau dua orang dia belum ganas lagi. Datuk Yahaya jangan susah hati. Wanita memang baik. Selalu yang jahat ini orang lelaki. Lelaki jangan ganas-ganas dengan wanita.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya rasa ayat-ayat provokatif yang seperti itulah yang menyebabkan keganasan *[Ketawa]*

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Wanita ini yalah cemburu itu semua manusia ada. Lelaki kalau dia cemburu lagi dahsyat. Wanita biasa, itu memang naluri dia. Okey kita teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Point* lain, *point* lainlah.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Mengikut pecahan aduan, keganasan lagi belum habis lagi ini. Keganasan rumah tangga mengikut pecahannya seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kes Keganasan Rumah Tangga
2007	3,756
2008	3,769
2009	3,643
2010	3,173
2011	3,277
2012 (Dua bulan pertama)	506

Statistik itu juga menyebut mangsa keganasan rumah tangga biasanya wanita berusia 26 tahun hingga 35 tahun. Yang umur atas-atas itu dia sedih, menangis sahaja. itu dia tidak mengadu.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya minta Datuk Hajah Noriah binti Mahat boleh simpulkan masa tiga minit. Sudah lebih setengah jam sudah.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Sudah hendak habis Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia tidak ganggu tadi memang saya sudah habis. Ini ambil masa kecederaan. Manakala dalam kajian- minta maaf Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Teruskanlah, teruskan. Cepat sedikit ya.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Manakala dalam kajian dijalankan pihak media dan ahli akademik antara faktor berlakunya keganasan rumah tangga masalah cetek atau kurang pengetahuan agama, kemiskinan yakni kewangan, sifat panas baran suami atau isteri, masalah anak, cemburu, masalah komunikasi, main kayu tiga, tekanan hidup dan pengaruh arak. Kajian menunjukkan bahawa keganasan rumah tangga meninggalkan kesan negatif isteri dan anak. Bagi isteri didera secara mental dan fizikal dan berterusan akan mengalami kemurungan sehingga membawa kepada sakit jiwa dan kemungkinan melepaskan rasa marah terhadap anak dan tidak dapat menjalankan kehidupan yang normal.

Tuan Yang di-Pertua, jadi di sini saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan berapakah jumlah kes-kes berkaitan keganasan rumah tangga yang telah diambil tindakan didakwa dan kes-kes yang pelakunya telah dikenakan hukuman sejak tahun 2000 lagi. Sejauh manakah kementerian menjalankan kerjasama dengan agensi bagi melaksanakan Program Pencegahan dan Pemulihan? Sejauh manakah kejayaan terhadap pelaksanaan program ini berjaya dilaksanakan? Saya mohon kerajaan supaya dapat meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dan Kesalahan Keganasan Seksual di bawah Seksyen 375 bagi mengatasi masalah keganasan rumah tangga ini. Apakah pelan tindakan jangka panjang untuk mengatasi masalah keganasan rumah tangga di Malaysia ini?

Kementerian dicadangkan menambah kaunselor-kaunselor yang khusus di bidang kekeluargaan dan menyediakan khidmat untuk mereka mangsa-mangsa seramai 18,194 dan mangsa-mangsa yang tidak melaporkan kes-kes mereka serta cara mereka mendekati mangsa dan bagaimana pula khidmat kaunseling untuk anak-anak yang menjadi mangsa?

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk menghabiskan walaupun ada lagi ini. Jadi saya setakat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Titah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus untuk menyampaikan pendapat.

5.06 ptg.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: *Bismillahi Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi taala wabarakaatuh.* Salam sejahtera salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan untuk saya bangun dan turut sama mengambil bahagian dalam membahaskan Titah Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong sempena pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Ketiga Belas pada tanggal 10 Mac 2014. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan menjunjung kasih dan menyampaikan sekalung tahniah di atas Titah Diraja oleh Ke Bawah Duli Tuanku yang jelas amat prihatin dan mengambil berat di atas kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat jelata.

Ke Bawah Duli telah menyentuh hampir semua perkara yang berkisar kepada perpaduan, kemakmuran dan keharmonian rakyat termasuk keprihatinan Tuanku dan Raja Permaisuri ke atas

insiden kehilangan pesawat MH370 yang sehingga hari ini masih belum mendapat petunjuk jelas akan nasib semua anak kapal dan penumpangnya. Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk turut sama bersimpati dan doa agar ahli-ahli keluarga penumpang dan anak kapal yang terlibat agar dapat bertenang dan tabah menghadapi dugaan yang ditentukan oleh Allah SWT ke atas umatnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ke Bawah Duli Tuanku dalam Titah Baginda telah menyentuh beberapa perkara penting yang saya kira perlu diberi perhatian penuh oleh kerajaan. Bagi ucapan saya pula saya ingin menyentuh beberapa isu di peringkat nasional dan juga di peringkat tempatan iaitu di kawasan saya di Wilayah Persekutuan Labuan. Isu perpaduan dan keharmonian nasional.

Tuan Yang di-Pertua, Ke Bawah Duli Tuanku telah menyentuh perkara berkaitan keamanan, kestabilan dan kemakmuran negara yang di kecapai selama ini agar berterusan dinikmati oleh generasi seterusnya. Ramuannya bukan sahaja hasil program yang telah diterapkan oleh kerajaan tetapi ianya juga memerlukan kerjasama erat oleh rakyat dalam bentuk sokongan padu.

Pada pandangan saya negara kita bertuah kerana di sebaliknya masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya kita masih mampu hidup secara toleransi dan muhibah. Walaupun kadangkala diuji dengan ancaman penghasut dan tohmahan yang palsu yang bertujuan menggoncang perpaduan yang selama ini utuh terjalin.

Imbas kembali selepas peristiwa 13 Mei 1969 isu perpaduan dianggap amat penting oleh pihak pemerintah dan juga turut membuka mata masyarakat semasa itu betapa pentingnya perhubungan erat sesama kaum.

■1710

Jelas 12 tahun selepas merdeka pada tahun 1957, masyarakat masa ini mengambil mudah dan tidak terfikir langsung di sebalik keghairahan memacu ekonomi fizikal, aspek perpaduan kita dipinggirkan. Maka, pelbagai program dan kempen disediakan. Rukun Negara dihidupkan sebagai tiang seri dan prinsip berukunan bersama, kempen muhibah dan perpaduan dilaksanakan secara berterusan menggunakan semua media yang ada ketika itu. Mungkin kaedah lama yang cuba digandingkan...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh celah, boleh?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh. Saya harap jangan terlalu panjang kerana kita kesempatan masa sebenarnya sekarang.

Dato' Lim Nget Yoon: Ya, pendek sahaja.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Boleh, dua minit sahaja.

Dato' Lim Nget Yoon: Semakin kita ambil berat tentang perpaduan dan semakin kita mengadakan rancangan dan program-program untuk membaiki keadaan tetapi saya nampak semakin lama semakin konflik perkauman itu meningkat. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Inilah kenapa saya isukan perkara ini dalam Dewan kerana kita nampak sedikit rapuh dalam perpaduan kita pada masa ini. Jadi ingat pada semua rakyat tidak pilih ideologi politik pun. Perpaduan ini adalah lebih penting daripada segala-galanya. Jika kita tidak berpadu mohon maaf. Kita tidak perlu lagi seperti yang telah berlaku pada 12 tahun yang lalu. Mungkin kaedah lama yang cuba menghentikan suntikan elemen patriotisme, ideologi dan propaganda tidak sesuai lagi

untuk rakyat Malaysia hari ini. Akan tetapi saya berpandangan semangat kempen itu masih penting. Mahu tidak mahu kita harus menerima hakikat bahawa isu kerenggangan kaum perlu diatasi dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin sudah terlalu lama kita mengabaikan soal perpaduan atau mengambil mudah hal itu. Bila terhantuk barulah tengadah. Demikianlah peribahasa Melayu. Ini soal masa depan negara kita. Dalam negara pelbagai kaum, kita tidak ada pilihan lain memastikan wujudnya keharmonian kaum di negara kita yang tercinta ini. Saya ambil contoh di negara Indonesia memberikan tumpuan kepada pembinaan negara bangsa menggunakan bahasa sebagai paksinya. Namun demikian, mereka juga berhadapan dengan masalah perpaduan untuk jangka panjang. Kita mungkin menghabiskan terlalu banyak masa mencorakkan kemajuan ekonomi lalu mengabaikan aspek pembinaan negara bangsa yang sebenar. Inilah masa untuk membuat perubahan. Masanya belum terlambat. Rasanya elok juga direnungkan makna persefahaman dan kerukunan bagi kita semua demi masa depan bersama.

Saya ingin mengisukan isu tempat saya sendiri iaitu isu harga barangan mentah di Wilayah Persekutuan Labuan. Dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda turut menyentuh isu kenaikan harga barang serta kos sara hidup yang meningkat. Dalam menuju ke arah negara berpendapatan tinggi, tuanku amat mementingkan kesejahteraan hidup rakyatnya. Dalam perkara ini saya terpanggil untuk menyentuh isu tempatan iaitu di kawasan saya di Labuan sebagai sebahagian wilayah persekutuan bebas cukai. Daerah Labuan sebenarnya tersepit di antara pembangunan fizikal dan ketidakseimbangan ekonomi dan kos sara hidup.

Memang benar Labuan menikmati potongan cukai dan pelbagai insentif lain tetapi beberapa bahan makanan asas, bahan makanan basah dan makanan kering contohnya sayur, buah-buahan dan daging di mana harganya tidak seimbang dan lebih mahal dari tanah besar negeri Sabah. Apatah lagi jika dibandingkan dengan harga semenanjung. Ini mungkin disebabkan faktor pengangkutan serta kebergantungan kepada barangan dari tanah besar Sabah.

Berdasarkan pemerhatian saya mendapati bahawa barangan tertentu masih dijual pada harga yang lebih tinggi. Tiada perubahan ketara dalam proses walaupun ada diskaun tambang feri. Harga barangan bayi seperti susu juga masih tidak konsisten kerana sistem pembungkusan baru oleh syarikat susu formula dengan berat yang ditambah. Saya percaya pengguna di Labuan mempunyai fikiran yang jelas bahawa mereka tidak mengharapkan pengurangan drastik harga barangan dalam masa satu atau dua bulan tetapi harga barang-barang sepatutnya menurun akibat diskaun 50% yang memberi kesan ke atas kos pengangkutan sekali gus menurunkan harga yang dibawa masuk ke Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, Labuan adalah di antara negeri-negeri di negara ini yang bergantung semata-mata atas barangan yang diimport dari tanah besar Sabah. Oleh itu ia sentiasa menghadapi masalah kekurangan barangan keperluan terutama semasa musim perayaan disebabkan pergantungan berlebihan ke atas barangan yang diimport. Labuan sebenarnya masih mengharapkan pelabur dalam sektor pembuatan makanan untuk mengurangkan pergantungan ke atas barangan yang diimport.

Saya ingin mengambil kesempatan memuji langkah kerajaan yang telah memperuntukkan sejumlah RM20 juta untuk satu program khas untuk membendung kenaikan kos sara hidup yang termasuk mewujudkan simpanan stok makanan laut dan sayur-sayuran. Difahamkan program ini akan dikendalikan oleh FAMA, dengan izin, *Federal Agriculture Marketing Authority* dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NIKMAT). Untuk itu, FAMA telah diperuntukkan kira-kira RM8 juta manakala nikmat sebanyak RM12 juta. Dana ini akan digunakan untuk mengimport makanan laut dan sayur-sayuran dalam jumlah yang besar yang akan di kumpul sebagai stok penimbal. Harapan saya ialah Labuan tidak dipinggirkan dalam program seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengaju beberapa soalan dalam isu ini. Soalannya, sejauh manakah *progress* program keseragaman harga di Labuan sehingga hari ini? Adakah cadangan untuk membuka Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) berskala besar di Labuan dalam masa terdekat? Soalan seterusnya ialah sejauh mana kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan komited membantu memantau kenaikan dan ketidakseimbangan harga barangan terutamanya barangan berasaskan bahan mentah dan kering agar harganya dapat dikawal dan seimbang.

Saya ingin menyentuh satu isu mengenai dengan isu yang lama iaitu isu mengenai SPANCO. Saya terpanggil untuk menyentuh isu pajakan sewaan kenderaan Kerajaan Pusat, kerajaan negara dan agensi berkaitan.

■1720

Ini kerana SPANCO ini menjalankan perniagaan penswastaaan, pemilikan dan penyelenggaraan kenderaan kerajaan. Satu operasi yang menguntungkan kerana Kementerian Kewangan dikenakan caj yang tidak menentu mengikut keadaan kenderaan dan kerajaan membayar kos sewaan, penyelenggaraan dan pembaikan kepada SPANCO setiap bulan berasaskan bilangan dan jenis kereta yang dipajak. Sebenarnya idea ini ialah baik tetapi mungkin boleh ditambahbaik lagi. Mengapa sewaan sehingga 25 tahun iaitu daripada 1994 hingga 2018? Mengapa dibuat secara *direct nego*? Saya bukan persoalkan *direct nego* tetapi saya berpandangan kurang bijak jika termanya terlalu lama sehingga 25 tahun. Maka patut dinilai prestasi setiap tahun sebelum disambung kontrak, kalau kerjanya memuaskan tidak ada apa yang perlu di risau. Benarkah sewa SPANCO ini mahal dari beli kenderaan biasa?

Isu tempatan yang saya ingin suarakan ialah isu dua blok kuarters guru di Wilayah Persekutuan Labuan. Perkara yang sama telah saya bangkitkan iaitu apakah status dua blok kuarters guru di Labuan yang sehingga ini masih belum digunakan walaupun sudah lama bertahun-tahun siap dan sudah pun diperbaiki, memakan kos yang tinggi. Kalau tidak silap saya kos baik pulih ini lebih kurang RM110,000. Ini adalah satu pembaziran dan ini sekiranya dapat diguna pakai dapat membantu lebih kurang 16 keluarga guru.

Pernah beberapa guru berjumpa dengan saya memohon untuk mendapat kuarters. Saya sedih ialah antaranya guru mempunyai tiga anak perempuan yang sudah dewasa, suami beliau mengidap penyakit strok. Satu rumah sewa di kampung hanya dua bilik, bagaimana? Jadi, apakah perancangan

jangka panjang Kementerian Pendidikan bagi memastikan guru-guru yang berkhidmat di Labuan mendapat kemudahan kuarters yang secukupnya? Oleh kerana jika sekiranya kebajikan guru-guru tidak dijaga dengan baik, macam mana mereka sebagai guru untuk bekerja dan mengajar murid-murid kalau hati mereka kurang senang.

Ini menimbulkan masalah kerana jika tiada kuarters, guru ini terpaksa menyewa dan sudah tentu kos sara hidup guru ini semakin meningkat. Bukannya senang untuk mendapat rumah sewa di tempat saya sekarang kerana lebih ramai yang memerlukan rumah-rumah sewa seperti jabatan kerajaan, pegawai di dalam syarikat dan sebagainya, yang mana syarikat-syarikat besar ini mencurahkan masuk ke Labuan, yang memerlukan rumah kediaman.

Saya juga terpanggil berkenaan dengan isu penstrukturan semula organisasi ESSCOM. Saya terpanggil menyentuh pelan organisasi ESSCOM ini selepas berlakunya insiden penculikan warga China dan pekerja warga Indonesia di Pulau Singamata, Semporna baru-baru ini. Saya pada mulanya berpandangan selepas insiden Lahad Datu tahun lalu ESSCOM yang ditubuhkan pada 2013 mampu menangani sebarang insiden pencerobohan dengan bantuan tentera dan pihak polis serta APMM. Bagaimanapun, insiden penculikan ini sebenarnya mengecewakan kerana ESSCOM masih lagi terdapat kekurangan dan pelbagai alasan timbul seperti kurang anggota, kerenah birokrasi, kawasan yang terlalu luas dan berbagai-bagai lagi alasan.

Saya difahamkan lima jawatan utama menerajui Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah yang membabitkan tiga elemen utama iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan awam. ESSCOM ini diketuai oleh Ketua Pengarah dan terdapat empat jawatan pengarah diwujudkan membabitkan bahagian pertahanan, keselamatan, ketenteraman awam dan risikan bersama. Sebanyak 30 hingga 40 perjawatan akan diwujudkan di bawah ESSCOM melibatkan 6 iaitu elemen ATM, PDRM dan Awam. Saya bercadang struktur perjawatan harus dirombak dengan melantik individu yang lebih pakar dalam strategi bidang pertahanan negara. Saya yakin jika ianya dilakukan sudah pasti bakal menambah baik pertahanan ESSCOM di sebelah Pantai Timur Sabah itu.

Terakhir ialah Labuan sebagai hab *oil and gas*. Saya berpandangan kedudukan Labuan sebagai hab *oil* dan gas boleh ditambah baik dengan membuka peluang pekerjaan kepada anak tempatan di Labuan sendiri. Hari ini, Labuan terkenal sebagai hab *oil* dan gas di sebelah Timur Malaysia malah di Asia Tenggara. Bermula daripada perniagaan bentuk sokongan *oil* dan gas hari ini Labuan menjadi tumpuan utama syarikat luar negara dan tempatan mempunyai keyakinan membuka operasi mereka di sini. Saya beri contoh syarikat *Petron*, *Petronas*, *Shell* dan lain-lain merupakan antara syarikat *oil and gas* yang beroperasi ditambah lagi syarikat *support* dan *service* seperti Baker Hughes, SCOMI, Petra Technology dan lain-lain syarikat yang semakin bertambah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat, boleh tidak saya minta Yang Berhormat menyimpulkan dalam masa 5 minit supaya kita dapat membahagikan masa yang tinggal 25 minit seorang. Jadi, kalau Yang Berhormat dapat menyimpulkan dalam masa lima minit.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: *Insyallah*, lima minit. Dengan puluhan syarikat *oil and gas* beroperasi dan permintaan tenaga kerja yang tinggi Labuan hari ini dilimpahi oleh ramai pekerja luar

sama ada dari Malaysia mahupun luar negara. Ironinya dari pemantauan saya, anak-anak muda tempatan di Labuan masih berhijrah keluar mencari pekerjaan. Bila ditanya katanya, "*Tiada peluang pekerjaan di Labuan walaupun sudah memohon*".

Saya akui ramai pekerja anak-anak tempatan yang telah bekerja di sektor *oil and gas* di Labuan tetapi masih ramai memerlukan pekerjaan dan tidak mendapat tempat dengan alasan tiada kemahiran, pengalaman dan kelayakan akademik. Saya sebenarnya masih tidak berpuas hati dengan alasan seperti ini. Belia Malaysia dan belia di Labuan, tidaklah dikatakan mereka ini malas. Mereka sebenarnya ingin bekerja, di mana minyak keluarinya daripada perut Labuan dan dari Sabah, jadi kenapa belia tempatan dipinggirkan? Ini saya rasa perlu perhatian.

Jadi, untuk pengambilan pekerjaan mesti ada pemantauan. Pengambilan pekerjaan mereka senang, dia kata tidak layak. Jadi yang tidak layak diambil dan yang layak pula dia kata tidak layak. Kalau mereka tidak diberi pekerjaan macam mana mereka ada pengalaman? Mestilah diberi peluang untuk menjawat jawatan, di situlah mereka akan menerima pengalaman. Enam bulan, satu tahun saya jamin mereka tentu mempunyai pengalaman yang luas. Saya harap dapatlah syarikat *oil and gas* memberi perhatian dan pandangan saya ini, memang hak pengambilan pekerja itu hak mutlak syarikat tetapi kenanglah jasa baik yang menyediakan struktur tanah dan prasarana lain untuk beroperasi di Labuan.

■1730

Bantulah anak tempatan, buatlah kerja-kerja CSR dengan membuka peluang pekerjaan agar Labuan dalam jangka masa panjang akan kekal identitinya sebagai hab *oil and gas* dan anak tempatan kekal sebagai peneraju utama industri minyak dan gas.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus Satu isu lagi ya, Tan Sri.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Dua minit.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa?

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Dua minit,

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey. Teruskanlah.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Saya juga terpanggil untuk menyentuh isu kerja jalan raya dan jalan susur di Labuan. Labuan ini sebuah pulau yang kecil dan pelan jalan raya ringkas sahaja. Dalam masa dua jam, kita sudah boleh memandu mengelilingi pulau. Bagaimanapun, jalan raya hanya menghubungkan bandar-bandar pekan dan perumahan utama dan memerlukan kita memandu mengikut jalan yang sama untuk ke tempat yang berlainan. Dalam erti kata lain, tidak ada jalan *short cut* atau jalan susur untuk kampung-kampung atau kawasan yang masih lagi belum dihubungi oleh jalan besar.

Perkara ini telah saya bawa dan bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini pada tahun 2012. Tuan Yang di-Pertua, masalah ini juga mengundang kepada kesesakan, terutamanya di waktu puncak memandangkan semua pengguna jalan raya perlu melalui jalan yang sama. Mungkin bilangan kenderaan di Labuan masih lagi terkawal tetapi saya khuatir jika pelan jalan raya tidak ditambah menghubungkan kawasan-kawasan tertentu dengan segera, kesesakan akan bertambah. Ini kerana kedudukan Labuan sebagai pulau bebas cukai dan hab *oil and gas* menjadi daya penarik tenaga kerja dari luar untuk datang ke Labuan.

Mungkin pihak Kementerian Kerja Raya boleh melawat Labuan dan meninjau sendiri akan permasalahan ini jika perlu, saya juga ingin membantu. Sekian dahulu ucapan saya dalam menzahirkan ucapan menjunjung kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Ke-13 kali ini. Saya mohon menyokong. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Waalaiikumussalam*, terima kasih Yang Berhormat. Saya nak pastikan semua Yang Berhormat yang nak berucap itu elok berada dalam Dewan. Ini kerana kita ada tak ramai lagi iaitu yang dalam senarai ini ada Yang Berhormat Abdul Shukor Sultan, Yang Berhormat Dato' Hajah Madinah, Yang Berhormat Datuk Jamilah, Yang Berhormat Datuk Roslin dan Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Salim Sharif. Itu sahaja yang ada yang memberi nama kepada saya buat hari ini. Di samping itu di mana Yang Berhormat yang telah pun berucap, saya nasihatkan eloklah tunggu sama-sama.

Kita ini yang dah sudah pun elok tunggu, ada manfaatnya kalau kita sama-sama mendengar dan tidak mahu dibiarkan Dewan ini kosong. Itu saya minta bersama-sama kerjasama dan di sebelah kiri saya ini seorang pun tak ada nampaknya ini. Itu saya nak tegur juga, nanti esok agaknya kata tak cukup masa, tak dapat berucap. Ini saya nak tegas dalam perkara ini, saya minta kerjasama. Sekarang tanpa membuang masa, saya persilakan Dato' Dayang Hajah Madinah. Kalau boleh Yang Berhormat, mana yang *preamble* itu kurangkan dan juga *go to the point*, dengan izin, untuk mana sahaja Yang Berhormat fikir yang belum diusik, Yang Berhormat sila kemukakan tetapi yang dah ada banyak diusik itu kalau boleh elakkan. Sekian, terima kasih.

5.34 ptg.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam 1Malaysia dan salam perpaduan.

Sekali lagi terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri atas peluang yang diberi kepada saya untuk turut membahaskan titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena keberangkatan Baginda merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Parlimen Malaysia pada 10 Mei 2014 yang lepas.

Terlebih dahulu, secara peribadi saya dan bagi pihak rakyat negeri Sarawak Bumi Kenyalang, dengan kesempatan dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin merakamkan rasa simpati kami kepada seluruh anggota keluarga semua krew dan penumpang atas tragedi yang berlaku ke atas pesawat MAS

MH370 yang sentiasa diiringi dengan doa daripada seluruh rakyat Malaysia termasuk kami di Sarawak agar pencariannya dipermudahkan oleh Allah SWT dan semoga anggota keluarga mereka sentiasa tabah dan tenang menghadapi musibah ini.

Saya menjunjung kasih titah ucapan Baginda Tuanku yang jelas membawa mesej penting, tegas lagi padat untuk semua Ahli Parlimen dan rakyat jelata. Atas beberapa perkara dalam titah Baginda yang menarik perhatian saya adalah seperti berikut; dalam usaha mengurangkan beban kenaikan kos sara hidup ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat menjadi keutamaan Kerajaan Barisan Nasional, pelbagai inisiatif dilaksanakan termasuk program penyenggaraan harga barangan untuk Sabah dan Sarawak. Penduduk Sarawak, terutamanya yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar dan juga pedalaman merasa lega dan berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana akan meneruskan program penyeragaman harga seperti seruan Baginda Tuanku supaya kerajaan memperbanyakkan Kedai Rakyat 1Malaysia seluruh negara.

Seperti yang dimaklumkan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dalam sesi soal jawab lisan pagi kelmarin bahawa Kedai Rakyat 1Malaysia akan didirikan di semua kawasan Parlimen di seluruh negara. Di sini saya ingin mencadangkan agar penambahan Kedai Rakyat 1Malaysia di kawasan-kawasan Parlimen di Sarawak diberi keutamaan. Maksud saya, didahulukan memandangkan kawasan Parlimen di pedalaman dan juga di luar bandar yang begitu jauh jaraknya dari bandar yang menjadi masalah kepada penduduk di sana untuk mendapatkan barangan keperluan asas harian. Baginda Tuanku juga menyeru kerajaan agar meningkatkan usaha untuk mewujudkan lagi pekerjaan bernilai tinggi yang bukan sahaja membantu meningkatkan produktiviti negara malah menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara.

Ke arah itu, kerajaan akan terus memperkukuhkan ekonomi dengan menggalakkan pelaburan berkualiti, memperluaskan pasaran, mengarusperdanakan sains, teknologi dan inovasi dan mengungguli modal insan. Untuk merealisasikan seruan dan harapan Baginda Tuanku itu dan untuk memperluaskan lagi bidang teknologi, inovasi dan kreativiti, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan memberi lebih peluang kepada pelajar-pelajar anak tempatan untuk mengikuti kursus atau latihan, terutamanya mereka yang tidak dapat atau tidak mampu melanjutkan pelajaran lebih tinggi. Contohnya, lepasan SPM tapi mereka mempunyai bakat dan kemahiran. Selain itu, perlu ditambahkan juga pusat Giat MARA dan kolej komuniti termasuk bagi kita di negeri Sarawak yang luas untuk menempatkan kemasukan pelajar-pelajar baru nanti.

■1740

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, Kerajaan Barisan Nasional begitu komited dalam memastikan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat bandar dan luar bandar. Ini termasuklah kumpulan-kumpulan etnik peribumi di Sabah dan Sarawak yang terus dipertingkatkan dalam menyediakan dan menaik taraf kemudahan infrastruktur asas yang diperlukan agar aktiviti-aktiviti seperti bidang ekonomi, pertanian dan pelancongan dapat dilaksanakan seluas-luasnya.

Menyentuh tentang kemudahan infrastruktur dan dalam mengatur langkah kita ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju berpendapatan tinggi, saya berharap kerajaan

mempercepatkan kemudahan bagi perkhidmatan dan perhubungan yang disediakan untuk bandar juga diusahakan untuk kawasan luar bandar. Contohnya kemudahan teknologi maklumat (ICT) yang menggunakan kaedah fiber optik dengan kelajuan maksimum hendaklah diperluaskan ke kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak.

Dengan ini, sekurang-kurangnya kawasan-kawasan tersebut mempunyai akses yang dapat digunakan oleh masyarakat luar bandar. Justeru, *connected society*, dengan izin, dapat diwujudkan antara masyarakat bandar dan masyarakat luar bandar. Malah, rakyat Malaysia di Sarawak juga dapat berhubung dengan dunia luar.

Dalam bidang pelancongan dan perniagaan contohnya, usahawan produk pelancongan misal kata berada di Baram di Sarawak akan dengan mudahnya di hujung jari dapat membuat *business online* dengan rakan usahawannya contohnya di negara Kanada. Di sini, saya juga ingin mencadangkan supaya Syarikat Telekom Malaysia memperluaskan pelaburannya yang besar juga ke negeri Sarawak agar dapat membantu dalam pelaksanaan teknologi maklumat di sana.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda Tuanku begitu prihatin tentang perkembangan institusi keluarga di seluruh negara ini di mana baginda menyarankan agar ia terus diberi perhatian. Antaranya melalui penambahan pusat khidmat keluarga bergerak terutama di kawasan pedalaman seperti di Sarawak dan Sabah. Segala bantuan dan usaha ke arah memperkasakan golongan wanita termasuk ibu tunggal serta orang kelainan upaya supaya mereka juga tidak dipinggirkan dalam arus pembangunan negara. Betapa tingginya harapan Baginda Tuanku kepada generasi muda dan belia hari ini yang merupakan aset penting kepada negara ibarat cermin wajah negara kita Malaysia pada masa hadapan.

Harapan Baginda Tuanku agar golongan ini terus didampingi melalui program pembangunan yang *inclusive* dan komprehensif berteraskan pendekatan dari belia untuk belia yang merangkumi aspek-aspek kepimpinan, kemahiran, keusahawanan dan kesukarelawan dengan menyemai semangat patriotik dan semangat hormat-menghormati antara satu sama lain. Untuk merealisasikan harapan Baginda Tuanku itu terhadap golongan muda dan belia demi masa hadapan negara, peranan institusi keluarga amat berhubung kait. Keluarga merupakan komponen penting dalam proses pembentukan masyarakat dan seterusnya negara.

Tanpa institusi keluarga, kewujudan sesebuah negara tidak akan sempurna. Islam melihat keluarga sebagai sebuah institusi pencorak masyarakat yang bakal dibina. Justeru, kedua-dua pemimpin keluarga iaitu ibu dan bapa seharusnya memainkan peranan yang sama penting dengan melengkapkan diri sendiri dengan ilmu pengetahuan keibubapaan, pendidikan agama untuk kesejahteraan rohani selain pendidikan akademik ke arah memastikan kejayaan institusi keluarga masing-masing.

Pendidikan, pembentukan peribadi dan bimbingan anak-anak bermulanya dari rumah. Maka peranan serta pengaruh ibu dan bapa dalam mendidik anak-anak adalah lebih penting dan besar skopnya berbanding dengan peranan guru di sekolah. Bercakap tentang institusi keluarga, ibu dan bapa sebagai pengemudi bahtera rumah tangga haruslah sentiasa mengekalkan tali kasih sayang, kemesraan dan kebahagiaan. Apa yang membimbangkan kita akhir-akhir ini ialah kita difahamkan

bahawa kes penceraian di kalangan pasangan Melayu semakin meningkat. Kepada pihak JAKIM, saya ingin hendak tahu apakah sebab-sebab sebenarnya yang menjurus kepada penceraian berlaku di kalangan pasangan Melayu akhir-akhir ini? Apakah inti pati kursus pra perkahwinan untuk setiap bakal pengantin perlu diperbaiki dan dikemaskinikan agar bersesuaian dengan tuntutan semasa dan juga perkembangan sosial yang berlaku dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap tahun dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda Tuanku akan menyentuh tentang peri pentingnya perpaduan rakyat dan keharmonian negara. Baginda Tuanku juga berulang-ulang mengingatkan rakyat negara ini bahawa apabila terurainya perpaduan, negara akan menuju kehancuran. Justeru, Baginda Tuanku menyeru agar semua pihak mengelak daripada membuat sebarang kenyataan atau tindakan yang bersifat provokasi dan menyentuh sensitiviti mana-mana pihak.

Pada pendapat saya, penubuhan Majlis Konsultasi Perpaduan Negara untuk tujuan memelihara keharmonian negara dan juga Pelan Permuafakatan Nasional yang dicetuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selepas Pilihan Raya Umum ke-13 yang lalu yang berlandaskan kepada empat teras utama iaitu sosial, politik, kerajaan dan hubungan antarabangsa amatlah tepat dan harus dialu-alukan.

■ 1750

Dalam hal ini saya ingin cadangkan supaya golongan muda perlu dibabitkan dalam inisiatif untuk menyatupadukan rakyat selain berusaha ke arah modal perpaduan sosial yang dapat membantu memastikan perpaduan kekal menjadi objektif utama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah lagi?

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: *Alhamdulillah*, uniknya negeri Sarawak Bumi Kenyalang walaupun mempunyai lebih kurang 30 kaum peribuminya dengan latar belakang agama, kepercayaan dan budaya yang berbeza-beza, namun semangat perpaduan sentiasa kukuh terpelihara. Atas semangat perpaduan kukuh itulah memberi kemenangan mudah kepada Barisan Nasional kerana semua kaum bumiputera Sarawak adalah penyokong tegar Barisan Nasional dan Sarawak sebagai simpanan tetap atau *fixed deposit*, dengan izin, untuk Barisan Nasional.

Contohnya baru-baru ini pada Pilihan Raya Kecil N51- Balingian, berlangsung pada 29 Mac lalu, dengan mudahnya mengekalkan kerusi Barisan Nasional sekali lagi, malah dengan majoriti lebih meningkat daripada Pilihan Raya Negeri 2011. Jelas ini menunjukkan kemenangan Barisan Nasional di Balingian membuktikan bahawa walaupun Balingian adalah kawasan luar bandar Sarawak, namun penduduk dan pengundi di sana sudah cukup matang dan berpandangan jauh dalam membuat pilihan bijak dan tepat demi kemajuan dan pembangunan kawasan Balingian yang berterusan demi kesejahteraan penduduknya.

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak kerana telah

menyerlahkan kewibawaan dan kematangan Malaysia sebagai sebuah negara yang komited dan serius dalam peranan penting, kerjasama erat dan sumbangan ikhlas Malaysia di arena antarabangsa. Bukan sahaja dalam bidang keselamatan, ekonomi dan sosiobudaya di rantau Asia Tenggara, malah turut menyumbang kepada penyelesaian di wilayah-wilayah yang menghadapi krisis. Di peringkat ASEAN contohnya, kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak menyaksikan peristiwa bersejarah Majlis Menandatangani Perjanjian Perdamaian di antara Kerajaan Filipina dengan Bangsamoro yang berlangsung di Manila pada bulan Mac lepas membuktikan lagi peranan Malaysia sebagai pihak pengantara dalam usaha mendamaikan puak-puak yang telah bertahun-tahun bertelagah. Susulan kejayaan tersebut harapan kita dalam Dewan yang mulia ini agar negara kita Malaysia yang bakal menjadi pengerusi ASEAN akan mampu menerajui usaha-usaha bagi merealisasikan komuniti ASEAN 2015, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri perbahasan saya dengan serangkap pantun.

*Rakyat sepakat membawa berkat;
Pembangunan dapat diperhebat;
Hasil ekonomi terus dipertingkat;
Demi negara dan kesejahteraan rakyat.*

Dengan itu saya mohon menyokong Titah Baginda Tuanku. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tanpa membuang masa lagi saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman. Saya hendak peringatkan sekali lagi kalau boleh saya minta sama-sama kita belajar di Dewan ini, jangan membaca kalau boleh. Catatkan masa itu, tengok rekod dari semasa ke semasa untuk melatih cara berbahas tanpa membaca. Terima kasih.

5.55 ptg.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan kesempatan kepada saya untuk sama-sama turut berucap membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kedua Parlimen Ketiga Belas pada 10 Mac 2014 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya akan banyak mengambil masa sedikit untuk mengetengahkan isu keselamatan Sabah. Dalam persidangan yang lepas saya telah banyak mengutarakan dan membahaskan isu ini tetapi insiden penculikan yang baru berlaku di Pulau Singgah Mata, Semporna, Sabah di mana seorang pelancong China dan seorang warga pekerja *resort* warga Filipina telah membuka mata banyak pihak yang bertanya sama ada tahap keselamatan di Sabah benar-benar terjamin. Apabila ESSCOM ditubuhkan harapan yang diletakkan ialah supaya keselamatan

rakyat dan wilayah Sabah dapat dilindungi. Namun dengan kejadian yang berlaku ini telah menimbulkan banyak persoalan akan keberkesanan langkah keselamatan yang dilaksanakan. Kes penculikan dua orang wanita di Singgah Mata Resort, Semporna merupakan salah satu insiden yang banyak berlaku di Pantai Timur Sabah selama ini.

Marilah kita sama-sama mengimbas kembali kejadian-kejadian yang telah berlaku. Pada Oktober 1979, kumpulan lelaki bersenjata merampas feri, Saleha Baru dengan 44 orang penumpang di dalamnya di Semporna. Mereka membebaskan 27 orang tebusan dalam masa dua hari tetapi 17 orang ditahan selama berbulan-bulan. Dua orang penumpang terbunuh dalam kejadian itu, seorang gadis berusia sebelas tahun lemas dan seorang lelaki ditembak mati oleh perampas.

Pada 29 April 2000, satu kumpulan yang diterajui oleh Abu Sayyaf menculik 21 orang dari Pulau Sipadan. Mereka diculik dan dibawa ke kem kumpulan itu di Pulau Juyo di mana kesemua mereka kemudiannya dibebaskan secara berperingkat-peringkat dengan yang terakhir dibebaskan pada 11 September tahun yang sama. Pada 12 September 2000, 14 orang lelaki menaiki dua buah bot laju dengan bersenjatakan senapang M16 menculik tiga orang rakyat Malaysia di Pulau Padanan, 38 kilometer Timur Laut Semporna. Tebusan diselamatkan apabila tentera Filipina melancarkan serangan terhadap penculik tersebut beberapa hari kemudiannya.

Selepas dua kejadian tahun 2000 ini, pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia telah diwujudkan di Semporna. Selepas itu penculikan pelancong berlaku di beberapa pulau di Pantai Sabah, di Pulau Mataking Resort, Borneo Paradise Resort iaitu sempadan Lahad Datu dan Kunak di mana enam orang diculik. Penculikan yang berlaku kepada dua orang warga Sarawak yang sedang membawa sekau, membawa batu kelikir daripada Sarawak ke Indonesia. Penculikan yang telah berlaku kepada dua warga Malaysia yang berketurunan Cina ketika membuka ladang kelapa sawit di Lahad Datu.

■1800

Pada 8 Februari 2010, dua rakyat Malaysia yang bekerja di ladang ternakan rumpai laut di Pulau Sebangkat ditangkap oleh lelaki bersenjata yang tidak dikenali. Kedua-dua mereka yang diculik ini iaitu Lai Wing Chau, 35 tahun, dan Tsen Viu Chung, 43 tahun, dijadikan tawanan selama lebih 10 bulan sebelum dibebaskan di Pulau Tawi-Tawi Selatan Filipina.

Dua tahun kemudian pada 14 November 2012, Tung Wee Jie dan Wee Wei, kedua-duanya adalah sepupu diculik di ladang sarang burung mereka yang dikendalikan keluarga di Lahad Datu. Wee Jie, 26 tahun, berjaya melarikan diri dari penculik itu dengan melepaskan dirinya menggunakan garpu selepas ditawan selama hampir sembilan bulan di Pulau Jolo. Sepupunya, Wee Wei malangnya tidak dapat diselamatkan kerana meninggal dunia semasa dalam tahanan.

Dua insiden berlaku pada tahun 2013. Yang pertama pada 27 Ogos apabila kira-kira 20 lelaki bersenjata menculik sembilan nelayan Malaysia dari dua bot berhampiran Pulau Mabul. Pulau Mabul ini antara pulau yang betul-betul *famous* di Semporna. Walau bagaimanapun, kumpulan lelaki bersenjata segera membebaskan mangsa dan melarikan diri selepas mereka ditipu oleh tawanan mereka belayar ke pangkalan Pasukan Gerakan Am berhampiran dengan pulau berkenaan.

Kejadian kedua pada 15 November 2013, kumpulan lelaki bersenjata menyerbu tiga daripada lima vila terapung di Pulau Pom Pom, Semporna. Ketika pencerobohan itu, pelancong Taiwan, Hsu Lin Min, 57 tahun, terbunuh dan isterinya, Chang An Wei, 58 tahun, diculik. Selepas 36 hari, beliau dibebaskan oleh penculik dan kembali ke Taiwan.

Dalam insiden terbaru ini, penculik telah menuntut wang tebusan sebanyak RM36.4 juta untuk membebaskan pelancong China tersebut. Tuntutan wang tebusan kerap kali menjadi agenda utama oleh penculik dalam setiap insiden penculikan. Persoalannya, setakat mana kerajaan harus melayani tuntutan sedemikian? Wang peruntukan yang sepatutnya disalurkan untuk rakyat terpaksa diagihkan kepada penculik ataupun pegganas. Oleh itu, kewajipan kerajaan bertindak lebih tegas dalam mengatasi isu ini.

Kejadian tersebut juga telah mengeruhkan hubungan Malaysia dengan China yang sudah pun sukar setelah tragedi MH370 sehingga menyebabkan pelancong negara itu enggan datang ke Malaysia. Apa sekalipun, keselamatan di Pantai Timur Sabah adalah penting sekiranya kita hendak membawa pelancong masuk. Maka, ia mesti berada di tahap yang baik.

Sebenarnya baru-baru ini saya telah berjumpa dengan beberapa orang pelancong. Mereka mengatakan tragedi MH370 adalah satu kejadian yang di luar daripada kuasa kita. Akan tetapi, tragedi penculikan di Semporna baru-baru ini sebenarnya kita dapat menghalangnya. Itu adalah satu tragedi kita katakan adalah satu kecuaiian daripada pihak kerajaan.

Dengan jarak Pantai Timur Sabah yang begitu luas, dengan terdapatnya banyaknya pulau serta berhampiran dengan wilayah Filipina telah membolehkan pegganas mencero boh masuk ke Sabah dengan begitu mudah sekali. Tindakan pegganas ini dipermudahkan lagi apabila mereka mendapat sokongan dan bantuan daripada pendatang asing tanpa izin ataupun PATI yang begitu ramai di negeri Sabah. Justeru, kerajaan harus bertindak segera untuk menghapuskan PATI ini kerana merekalah antara punca mengapa pegganas-pegganas ini berupaya bergerak dan mencero boh wilayah kita.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya kerajaan haruslah lebih komited dan mengadakan satu *taskforce* yang khas dan bersepadu khusus untuk menangkap PATI ini. Kerajaan juga harus bertindak tegas untuk menghapuskan perkampungan air yang ramai didiami oleh PATI. Rakyat tempatan yang tinggal di kampung-kampung air tersebut hendaklah ditempatkan di satu penempatan yang lain dan mudah diawasi. Manakala PATI hendaklah dihantar pulang ke negara asal mereka.

Selain daripada itu, saya juga mendapati bawah beberapa aspek pengurusan ESSCOM perlu diperbaiki. Saya melihat aspek *command and control*, dengan izin, masih lagi kurang meyakinkan. Dengan penglibatan begitu banyak unit Angkatan Tentera Malaysia, PDRM dan APMM, adalah perlu pemerintahan ESSCOM diketuai oleh pegawai tertinggi angkatan tentera yang saya dapati lebih berpengetahuan dan berwibawa untuk menggerakkan aset-aset yang ada bersama-sama dengan pegawai tertinggi PDRM.

ESSCOM juga harus memberi tumpuan yang lebih baik di pusat pengairan khasnya di pulau-pulau yang menjadi tumpuan pelancong dengan mengadakan pasukan keselamatan yang mengawal dan meronda tempat-tempat tersebut. Apa yang berlaku Pulau Singamata di mana pasukan

keselamatan tidak berada di *resort* tersebut semasa kejadian berlaku, adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian khusus untuk diatasi.

Selain daripada itu, saya juga menggesa ESSCOM meningkatkan lagi kemampuan perisikan di Sabah bagi membolehkan tindakan membanteras sebarang elemen pengganasan atau pencerobohan dilaksanakan dengan lebih berkesan. Kita harus mencontohi semula modul risikan yang digunakan semasa zaman penentangan komunis yang lalu yang telah kita praktikkan dengan jayanya. Pada waktu itu, cawangan *special branch* dari PDRM telah berjaya mengumpul maklumat penting sehingga berjaya membantu menghapuskan pergerakan komunis.

Isu penyeludupan petrol dan diesel. Saya juga ingin membawa perhatian Dewan yang mulia ini kepada isu penyeludupan petrol dan diesel yang bersubsidi yang semakin menjadi-jadi walaupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan telah mengambil tindakan yang sepatutnya.

Akibat daripada kegiatan penyeludupan ini telah menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM1.2 bilion dalam tempoh lima tahun. Ketirisan tahap serius bagi diesel bersubsidi telah menyebabkan perbelanjaan tahunan kerajaan meningkat dua kali ganda dalam tempoh tersebut. Sia-sia sahaja kerajaan melaksanakan pelbagai langkah untuk menambah pendapatan kerajaan seperti pelaksanaan GST dan penambahbaikan sistem kutipan cukai oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri tetapi dirosakkan oleh aktiviti penyeludupan ini. Justeru itu, saya menggesa pihak berkuasa memperkukuhkan lagi mekanisme penguatkuasaan bagi membendung sindiket penyeludupan petrol dan diesel termasuk mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap pesalah.

■1810

Penguatkuasaan tersebut termasuk memfokuskan terhadap usaha menjejaki dalang sebenar kegiatan yang merugikan kerajaan. KPDNKK perlu memperkenalkan syarat-syarat ketat terhadap penjualan bahan api di stesen-stesen minyak memandangkan kebanyakan ketirisan didakwa berlaku di premis-premis berkenaan. Penguatkuasaan adalah penting, bukan terhadap mereka yang mencuri sahaja tetapi stesen-stesen minyak yang menjual minyak ini perlu dihukum dengan lebih berat sebagai pengajaran.

Di samping itu, pihak berkuasa perlu menggunakan alternatif lain termasuk menggunakan kekuatan agensi lain seperti polis, kastam dan yang berkaitan untuk mempertingkatkan pemantauan dengan memantau rekod penjualan bahan api berkenaan di stesen-stesen minyak dan melakukan pemeriksaan di kawasan-kawasan sempadan negara dengan lebih kerap.

Penguatkuasaan penguatkuasaan juga boleh dilaksanakan dengan memantau penjualan bahan api pada skala besar oleh stesen-stesen minyak yang mana boleh membantu menjejaki dalang sebenar sindiket berkenaan. Aktiviti penyeludupan juga nampaknya semakin berani dengan adanya aktiviti diesel bank kering atau penyimpanan diesel yang menyumbang kepada majoriti penyeludupan petrol dan diesel bersubsidi di negara ini. Diesel bank kering melibatkan penggunaan jutaan diesel bersubsidi setiap tahun yang antaranya melibatkan industri perkapalan. Begitu juga kita lihat minyak bersubsidi yang diberikan kepada para nelayan juga telah disalahgunakan.

Sepatutnya minyak tersebut digunakan untuk membantu nelayan-nelayan bagi menangkap ikan tetapi sebaliknya lain pula yang dilakukan. Mereka telah mengambil jalan mudah dengan menjual minyak yang diberi secara subsidi pada harga yang menguntungkan. Hasil ikan yang diharapkan daripada mereka untuk dibawa pulang tidak menjadi kenyataan. Oleh yang demikian, saya mencadangkan mekanisme penguatkuasaan dan tindakan undang-undang yang ketat hendaklah diambil bagi mengatasi isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh satu perkara lagi iaitu tragedi pesawat MH370. Walaupun banyak yang telah didebatkan berhubung tragedi ini baik di Parlimen mahupun di media, pelbagai teori bagaimana pesawat ini telah diperkatakan. Ada yang logik tetapi ada juga yang tidak masuk akal. Justeru itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan beberapa perkara yang saya harap dapat diberi penjelasan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya amat berharap pesawat ini dapat ditemui dengan segera. Sudah hampir lebih sebulan setengah kejadian ini berlaku, sudah lebih sebulan setengah. Sehingga sekarang tiada petunjuk kukuh di mana pesawat ini berada. Saya amat bersimpati kepada kesemua waris dan ahli keluarga penumpang dan krew pesawat ini dan harap mereka bersabar dan tabah menghadapi ujian ini.

Saya percaya pesawat ini dapat ditemui juga nanti. Namun begitu saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri sama ada kerajaan meletakkan satu titik noktah terhadap usaha pencarian pesawat ini. Ini adalah kerana jikalau masa yang diperlukan untuk mencari pesawat lebih panjang, pasti akan melibatkan kos pencarian yang terlalu tinggi. Apa akan jadi sekiranya negara-negara yang membantu dalam operasi mencari ini menarik diri. Apakah dengan aset dan kemampuan yang ada membolehkan kerajaan meneruskan usaha mencari. Saya juga ingin tahu berapakah tempoh masa yang akan diambil bagi mengisytiharkan kesemua penumpang dan krew pesawat ini sebagai orang hilang atau meninggal dunia. Ini adalah untuk mengatasi segala masalah yang akan timbul jika keadaan berterusan tanpa pengesahan jelas dilakukan.

Okey, masalah belia sudah disentuh, saya tidak ingin menyentuh Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu, sekian terima kasih dan *wabilahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullaahi taala wabarakaatuh*. Saya mohon menyokong Titah Seri Paduka Baginda. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan.

6.16 ptg.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya seperti kawan-kawan yang lain, Ahli-ahli Yang Berhormat ingin mengambil bahagian dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Terutama sekali saya ingin menzahirkan ucapan rasa simpati di atas insiden MH370. Saya terpanggil bersama-sama ke bawah Duli Tuanku dan Raja Permaisuri untuk menzahirkan rasa simpati di atas insiden kehilangan MH370 pada 8 Mac 2014

yang lalu. Hari ini hampir sebulan setengah, masih tiada khabar berita dan nasib ke atas semua penumpang dan anak kapal.

Apa yang ingin saya bangkitkan isu di sini Tuan Yang di-Pertua, semasa insiden ini berlaku macam-macam tohmahan yang dilemparkan kepada Kerajaan Malaysia yang mengatakan kita ini tidak kompeten dan sebagainya. Sebenarnya bagi saya kita patut menyanjung angkatan tentera kita. Melalui radar angkatan tentera yang dapat mengesan tetapi mereka ini terutama sekali media-media pembangkang Tuan Yang di-Pertua, saya mengikuti komen-komennya sakit hatilah yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua tetapi saya terpaksa berucap di sini memberi penghormatan kepada angkatan tentera yang mana walaupun kita tidak canggih tetapi radar daripada angkatan tentera telah dapat mengesan pesawat MH370 berpatah balik.

Kita kena faham, satu-satu benda yang kita dapat, kita kena dapat *verification* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Mereka ini tidak sabar, kalau dapat kena jawab. Di sini saya hendak merakamkan tahniah, sebenarnya saya hendak merakamkan tahniah kepada *spokesperson* kita iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin, Dato' Ahmad Jauhari Yahya dan Dato' Azaruddin. Ketiga-tiga ini berdepan dengan seratus lebih pemberita-pemberita luar negara, mengasak soalan-soalan yang kadang-kadang tidak relevan sama sekali.

Satu soalan yang ditanya oleh pihak agensi luar yang menyoal kepada Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin, "*Are you cousin to Najib?*". Takkan soalan itu boleh dapat balik kapal terbang. Ini kita sudah nampak macam cuba hendak dipersendakan. Akan tetapi *alhamdulillah*, saya di Dewan yang mulia ini yang saya hendak sebut nama-nama ini supaya kita rekodkan, ini penghargaan pada diri saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Setujukah Ahli-ahli Yang Berhormat semua?

Beberapa Ahli: Setuju.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih. Itu bab MH370, selesai satu bab. Kedua saya hendak sentuh bab kos sara hidup Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak kos sara hidup ini betul dengan kita tarik subsidi gula dan kita naikkan harga minyak tetapi saya tengok dari sudut yang lain. Apa yang berlaku, keadaan ini jadi dengan serta-merta. Apabila ucapan kepimpinan kita dari Menteri Pertanian yang mengatakan hendak potong orang tengah.

■1820

Apabila isu ini disebut oleh Menteri yang berkenaan dan pucuk pimpinan juga begitu. Dalam masa seminggu kita tengok semua barang-barang naik. Ini macam jadi satu perancangan. Daripada sayur, ikan, barang-barang kering semua naik. Bagi saya ini macam benda yang terancang. Terpaksalah pihak kerajaan melantik Timbalan Perdana Menteri untuk menubuhkan satu jawatankuasa. Turun tiap-tiap Menteri, tiap-tiap agensi turun. Di sini saya hendak sarankan kepada pihak penguat kuasa. Kita tidak payah tunggu musim raya, bermusim-musim.

Sebenarnya benda ini kena berterusan Tuan Yang di-Pertua. Penguat kuasa ini kena berterusan. Sekarang ini kalau tuan-tuan masuk pergi ke kedai-kedai tanda harga sudah tidak ada dah sebab dia tahu kita ini bermusim. Kita panas, panas sekejap sahaja. Bila isu ini sudah reda, sudah elok,

sudah *control* semua okey. Apa yang saya hendak sarankan di sini pihak penguat kuasa berterusan. Kalau tidak cukup ambil sementara sebagai apa Yang Berhormat katakan tadi.

Kita baca dalam surat khabar dalam masa lima, sepuluh tahun kita telah rugi RM1.2 bilion hasil minyak yang diseludupi keluar dan sebagainya. Ini kekurangan penguatkuasaan. Saya hendak maklum kepada Tuan Yang di-Pertua, saya pergi kepada satu kedai minyak. Saya tanya macam mana kita hendak *detect* orang bubuh minyak lebih? Dia ada sistem Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau penguat kuasa ini dia buat kerja dia tidak payah duduk di luar. Kita duduk di dalam, kalau orang itu pakai kad- saya tanya dia, macam mana ini cara kita hendak tahu kalau orang pakai lebih. Dia kata mudah. Kalau kita pakai kad, kita *swap* kad itu, kita ambil minyak kita bubuh. Kawan yang di dalam ini dia nampak berapa ratus dia itu bubuh minyak. Logik kepada akal satu kereta normallah kira boleh masuk RM120, RM130. Tiba-tiba RM250 pun dok pam lagi Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya tanya apa tindakan kamu? Dia bagi saya nombor kereta ini Tuan Yang di-Pertua. Tidak kurang dari 15 buah kereta yang telah *diblacklist* satu kedai itu. Saya kata terima kasih. Kedai minyak yang lain tidak ambil tindakan macam ini...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kemukakan pada pihak yang berkenaan.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: *Insyah-Allah.*

Tuan Yang di-Pertua: Tengok macam mana dia bertindak.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Betul, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebab saya rasa terpenggil. Ini saya buat kerja. Demi Allah Tuan Yang di-Pertua, bukan saya bercakap benda kosong.

Tuan Yang di-Pertua: Baguslah itu.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Saya buat kerja.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Jadi saya minta penguat kuasa boleh jumpa saya. Kalau saya hendak jumpa saya tidak kenal siapa dia itu.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Mohon mencelah.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Sila, sila mencelah.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma ingin meminta pandangan Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak. Kita di kebanyakan kementerian kita mempunyai berbagai-bagai akta rang undang-undang tetapi saya rasa kelemahan yang kita hadapi adalah daripada segi penguatkuasaan. Jadi, saya rasa banyaknya berlaku salah guna ini disebabkan oleh penguatkuasaan kita yang kurang mantap.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat apabila kita ingin memilih penguat kuasa ini kita harus memberi satu integriti harus kita titik beratkan. Keduanya, mereka ini harus diberi kursus dan diberi penekanan agar kerja-kerja penguat kuasa ini dapat dijalankan dengan lebih efektif. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju kelemahan kita daripada penguat kuasa. Oleh sebab itu saya kata, saya sarankan perkara ini. Kalau

kita kurang penguat kuasa kita ambil tambah dan kita bagi daripada segi insentif. Saya hendak cadangkan cara insentif kalau dahulu pada pihak kastam kalau dia dapat tangkap sekian banyak, kita ada bagi imbuhan. Jadi kerajaan kena memikir kalau ketirisan kita sehingga RM1.2 bilion kalau kita ambil tambahan dan kita bagi *reward* saya ingat kita akan dapat mengatasi benda-benda ini. Okey, itu bab berkenaan dengan penguatkuasaan.

Kedua saya hendak sebut berkenaan kos sara hidup. Saya harap Kementerian Pertanian hidupkan semula program bumi hijau. Sekarang ini Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita ini sebagai pengguna lah. Saya cakap saya buat Tuan Yang di-Pertua. Saya tanam cabai dalam pasu, saya tanam serai dalam pasu. Kadang-kadang kita kalau pergi *market*, pergi pasarlah kita beli serai 4 seringggit Tuan Yang di-Pertua, kita pakai satu. Cuba kita tanam di rumah kita dalam pasu. Ini orang-orang wanita ini semua nanti hendak bubuh pokok bunga bagi cantik. Kita bubuh, kita tanam pokok serai. Hendak pakai serai kita ambil sebatang. Kalau rakyat kita ini 'dok' ada 27 juta, kita kata setengah sudahlah. Selesai masalah makanan ini Tuan Yang di-Pertua.

Saya bukan pakar tetapi saya buat. Kalau mahu cabai Melaka boleh *mai* rumah saya, saya tanam. Kalau mahu benih. Itu saya kata kita kena pulihkan balik benda-benda ini.

Tuan Yang di-Pertua: Semua cabai ada Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Ada, macam-macam cabai ada.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Boleh, boleh. Untuk Nala *special* kita bagi dekat dia.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, sila.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Jadi saya sudah sebut berkenaan dengan sara hidup, berkenaan dengan orang tengah, pihak berkuat kuasa. Jadi saya harap sangat-sangat lah pihak kementerian. Sayanglah, macam-macam dasar dah sebenarnya Yang Berhormat kita sudah buat. Dasar kita ini sudah macam-macam dah kita buat. Pelaksanaan kita cukup lemah, cukup lemah. Minta maaf. Jabatan-jabatan yang ada penguat kuasa ini tolonglah simpati. Jangan dok kata kita orang politik ini sahaja pandai bercakap. Tidak. Kita hendak membantu, kita buat dasar *you all* jalan. Ada masalah patah balik dekat kita. Itu di Dewan yang mulia ini kita bercakap.

Okey Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak sentuh saya bercakap semua topik-topik ringkas Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan ambil masa. Berkenaan dengan polis saya hendak ucapkan tahniah kepada pihak keselamatan kita yang bertungkus-lumus yang membanteras jenayah-jenayah dan juga kita pun sudah luluskan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat sudah digazetkan itu. Jalan Tan Sri Khalid, jalan. Bukan masa lagi dah, masa untuk panggil, hendak bercakap, cik sayang ini habis dah. *Time is over. Now we talk about business.* Jalankan kerja Tan Sri Khalid.

Dato' Seri Zahid kita bagi sokongan penuh, jalan...

Seorang Ahli: [*Tepuk*]

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Sokong ya? Terima kasih. Sebab benda-benda ini kita tengok. Saya selalu mengintai media-media parti pembangkang Tuan Yang di-Pertua.

Inilah *target* dia orang- Zahid Menteri yang paling tidak guna. IGP Khalid adalah IGP yang paling tidak guna. Jadi kita boleh faham. Jadi, di Dewan yang mulia ini saya terpaksa sebut nama-nama ini supaya kita bagi penghormatan kepada mereka. Tepuklah sedikit...

Beberapa Ahli: [*Tepuk*]

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Sedikit-sedikit, penghujung. Tadi saya setuju dengan Yang Berhormat Tuan Syed Shahir berkenaan dengan di lebuhraya itu kita adakan satu pondok polis dan sebagainya. Saya hendak tambah lagi atas apa Yang Berhormat katakan tadi. Berkenaan dengan trafik Tuan Yang di-Pertua. Tak tahu Tuan Yang di-Pertua lebih arif berkenaan dengan ini. Saya ini ada orang *mai* jumpa saya minta tolong sampaikan dalam Dewan yang mulia ini.

Apabila kita kena *accident* Tuan Yang di-Pertua. Katakan kita *accident* di Ipoh, kita kena buat laporan di pejabat polis itu. Kereta kita sudah lingkup dah. Si kawan tadi itu balik ke Kedah. Polis panggil dia pula suruh ambil *statement* di Ipoh. Jadi kita minta kalau dibolehkan mangsa yang kena kemalangan tadi itu dia pergi ambil laporan di balai polis di Kedah, sebab di Kedah sendiri sudah ada IO dia bahagian trafik. Sekarang ini zaman canggih. IO itu ambil *statement*. Hak mula tidak apalah dia pergi ke Ipoh. Hendak ambil *statement* itu di Kedah itu suruh dia pergi di balai di Kedah, ambil *statement*, pegawai itu dia pun *authorized officer* tandatangan, faks *mai* ke Ipoh. Selesai masalah.

■1830

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, betul Yang Berhormat, ini mengikut pengalaman saya sendirilah. Sebenarnya dasar dalam polis ini, ada SOP Yang Berhormat. Pelaksanaan juga, penguatkuasaan juga, kata laporan polis boleh buat di mana-mana Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Yes.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau berlaku kemalangan, kereta polis datang, polis itu boleh ambil lapor dekat situ sahaja, tak perlu pergi ke balai polis. Itu memang ada. Untuk maklumanlah, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya yang tak arif. Tuan Yang di-Pertua orang yang arif. Jadi di situ saya tak berani bercakap benda yang saya tak arif, saya tak berani cakap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi satu ruang yang cukup arif. Benda ini supaya pihak polis tolonglah, apa yang saya kata dan apa yang saya bagi, tolong perjelaskan...

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat. Teruskan.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Tuan Yang di-Pertua terima kasih.

[*Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang kedua, saya hendak sebut berkenaan dengan polis juga. Kalau dahulu Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 60-an, apa yang berlaku, tiap-tiap kali bila kita keluar, kita ini diwajibkan bawa kad pengenalan. Semua kita ini kena bawa kad pengenalan. Pada tahun 60-an dahulu kalau kita keluar, polis akan tahan kita, "*Encik, kad pengenalan*". Sebelah pun kad pengenalan. Akan tetapi sekarang ini,

saya nampak polis kalau tahan kita, pertama sekali dia *check road tax*. Dia *check road tax*, dia tengok cermin gelap, lepas itu dia minta lesen. *That's all!* Saya hendak sarankan, saya minta pihak polis buat *check* tiap-tiap rakyat Malaysia dan PATI sebab yang datang daripada India ini, macam Nalla ini [Ketawa]

Kita tak tahu yang datang daripada India ini berapa punya ramai. Muka macam Nalla. Tak tahu! Lepas itu Nalla datang tepuk meja, "*Pasal apa aku tak dapat kerakyatan?*" Sebab yang datang itu muka macam Nalla, sebab kita lepas. Ada yang datang daripada China. Di sini pun kita sudah ada, rakyat kita orang China. Yang datang daripada Indonesia, tak tahulah, daripada muka Olian kah, Khalidkah. Saya tak bolehlah, mereka kata *lagu* lain pula. Ha! Tuan Yang di-Pertua sudah gelak dah. Saya tak mahu sebut sayalah. Jadi, tiga komponen ini *dok* ada lebih kurang 2.5 juta.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, sebentar. Saya hendak tanya sahabat saya Yang Berhormat Shukor Sultan. Mana punya Sultan, tak tahulah. Dia Sultan. Pasal apa, sebut saya punya nama? Dia pun ada satu India [Ketawa] Itulah yang saya mahu tanya. Tolong jawab.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih, terima kasih. *Sorry*lah saya tak nampak [Ketawa] Yang Berhormat saya tak nampak. Tak tahulah, sama dengan *seat* pun saya tak tahulah. *Sorry*, atau pasal rendah [Ketawa] Yang Berhormat, *sorry* Yang Berhormat ya. Ini sahaja dia mahu usik sama saya Yang Berhormat.

Okey, jadi apa yang saya hendak katakan di sini Tuan Yang di-Pertua, polis dia kena *check*. Kita ada 2.5 *million* PATI. Dato' Seri Shahidan beritahu hari itu dalam Dewan yang mulia ini kita ada 142,000 daripada UNHCR. Lagi dua juta PATI ini berkeliaran. Naik kereta dengan saya, empat orang saya bubuh. Habis sangat mereka nak minta IC, minta saya. Sekarang ini kita minta pihak polis sudah bagi kebebasan, minta dalam empat orang dalam kereta, empat-empat bawa keluar IC. Barulah kita dapat *control*, penguat kuasa. Kalau tidak, tak akan selesai masalah ini.

Sudah cerita bab polis, *check* IC selesai. Tentang PATI pun saya sebut berkenaan dengan yang ini. Lagi satu bab kerakyatan. Bab kerakyatan ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kena serius. Kena betul-betul ikut peraturan yang termaktub dalam perlembagaan. Ada yang jadi warganegara Malaysia ini hendak bercakap Melayu pun tak boleh. Ya, Allah ya TuhanKu. Tak boleh! Kita duduk di hotel, Yang Berhormat Olian tanya, muka macam muka Melayu. Tahu-tahu, Nepal. *So*, orang macam itu tak apalah tak boleh bercakap Melayu. Ini warganegara bawa keluar IC, tengok. Macam mana kerakyatan ini, kita boleh dapat benda-benda macam ini?

Jadi, saya minta kepada Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid, Menteri dalam Negeri serius. Baru-baru ini dalam akhbar tunjuk ada dekat 2,000 orang daripada Britain hendak balik ke sini [Disampuk] US! Minta maaf, US. Sejumlah 200 hendak minta balik kerakyatan. Dulu mereka koyak. Jangan bagi orang ini semua, tak payah bagi. Biar dia itu Melayu sekali pun jangan bagi. Keempat, saya hendak sentuh berkenaan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kita bercakap tentang kos sara hidup dan sebagainya. Anak yatim ini Tuan Yang di-Pertua, kita bayar RM8. Tiap-tiap kali saya berdiri selagi saya dilantik sebagai Senator dalam Dewan ini, saya akan bercakap. Dibagi RM8 suruh anak kita makan lima kali. Tadi saya dengar Yang Berhormat cakap pencen RM900 tak cukup dan sebagainya, anak

yatim kita bagi RM8, sehari lima kali suruh makan. Duit itulah hendak bayar gas, duit itu hendak beli barang, duit itu hendak bagi anak-anak makan.

Sudah dekat dua tahun dah saya minta kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Saya minta Jabatan Kebajikan Masyarakat jawab sebab apa yang mereka tak boleh naikkan geran yang dibagi kepada anak-anak yatim, yang mana rumah-rumah anak yatim ini diluluskan oleh JKM. Ikut peraturan dan sebagainya. Sampailah masa, *adjust* sedikit. Kalau PATI kita boleh bayar sampai RM20 ke atas, orang duduk dalam penjara kita boleh bayar macam itu...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh celah?

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Boleh, boleh.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tadi Yang Berhormat sebut ada 2,000 yang minta balik warganegara. Sebenarnya bukan 2,000, sebenarnya 24,000. Jadi, saya hendak tahu, apa akan jadi pada jumlah 24,000 itu? Kalau Yang Berhormat tak boleh jawab, minta Yang Berhormat Menteri jawab nanti. Adakah semua sekali minta dan apakah hendak beri semua sekali atau apakah hendak ditolak? Itu satu. Kedua, banyak yang minta warganegara tetapi palsu, tak tulen, tak betul, tipu, *cheating*. Jadi, apakah tindakan kepada yang minta tetapi palsu? Okey, *thank you*.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih bukan *thank you*.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya ada kuasa, kalau saya ada kuasa saya tolak. Akan tetapi saya tak ada kuasa, saya bagi kuasa kepada Dato' Seri Shahidan untuk jawab. Betul Yang Berhormat?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Betul. Saya harap Yang Berhormat Shahidan tolak juga. Tolak!

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: *Alhamdulillah*, Terima kasih Yang Berhormat. Bab kerakyatan pun dah selesai. Saya hendak kena sebut juga bab sodomi 2 ini, sodomi [*Disampuk*] Saya memang tak mahu cakap benda ini. Akan tetapi bila Ahli Yang Berhormat bangkit bercakap berkenaan hakim tak adil bab itu. Saya kata benda ini tak betul. Tak payahlah kita pertikai bab hakim. Dulu kita pertikai, 65 kali punya batal, *postpone! Postpone! Postpone!*

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: [*Bangun*]

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Dia bangkit dah. Orang sebut yang itu, bangkit.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Yang Berhormat, itu siapa punya kes itu Yang Berhormat, yang kena tanggung? Nama boleh sebut? Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Itu *you* punya kawan baiklah. Saya kalau boleh tak mahu sebutlah. Kes itu sudah jalan.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Yang Berhormat, itu tidak patut.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Nanti Yang Berhormat Nalla. Boleh tak kita ringkaskan?

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tak, saya mahu tanya dia. Kita mahu tahu nama siapa itu?... [*Disampuk*] Saya ada kawan ramai, ini Olian pun kawan, Yang Berhormat pun kawan. Di atas duduk, Tuan Yang di-Pertua pun saya punya kawan. Siapa itu kawan?

■1840

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Okey, tidak apa. Saya sebutlah. Nama dia Anwar Ibrahim.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Apa yang hendak sebut ini, saya tidak pening sangat bab Anwar, saya pentingkan bab hakim. Kita kalau boleh, kita tidak payah sentuhlah.

*[Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Keputusan sudah buat, kita terima. Masa tangguh, hakim pertama tolak, kita terima. Kita yang lulus undang-undang, kita terima. Akan tetapi bila *mai* isu ini, kita bercakap, tidak kena. Bagi saya, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya kena tegurlah di Dewan yang mulia ini, saya tidak pernah cakap tapi saya kena sebut. Saya tidak cakap, saya sebut. Okey Yang Berhormat Nalla, okey ya? *All right*, terima kasih.

Tadi saya ingat akhir sekali baru ini Tuan Yang di-Pertua, saya ada baca dalam keratan akhbar...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Yang Berhormat, boleh celah sedikit.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Boleh.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bila Anwar Ibrahim didapati bersalah di Mahkamah Tinggi dulu, semua pembangkang kata adil, *best*, baik, hakim baik. Akan tetapi bila dia bersalah di Mahkamah Rayuan, pembangkang kata hakim tidak adil, hakim tidak betul, hakim tipu, kena buang, kena pecat. Bagaimanakah Yang Berhormat, andaian Yang Berhormat bagaimana, pendapat Yang Berhormat tentang dakwaan-dakwaan, terutama pembangkang, terutama Yang Berhormat Syed.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak hendak panjangkan benda ini. Sebenarnya saya percaya kepada kewibawaan kehakiman negara. Kita ada slot, kita ada daripada Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan sebagainya. Kita ikut prosedur. Kita orang-orang BN ini ikut, kita patuh, kita tidak ada masalah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat saya rasa sudah cukuplah tentang isu itu ya.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Okey, *alhamdulillah*.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kita pindah ke isu lain.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Okey, isu yang saya pun hendak habis sudah Tuan Yang di-Pertua. Saya tengah dok sebut ini, depa mencelah yang bukan-bukan. Ini masalah dia. Isu kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya baca dalam *statement*, Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengeluarkan *statement* Ketua Pembangkang setuju berkenaan kenaikan elaun Ahli-ahli Yang Berhormat. Setuju atau tidak setuju saya bercakap ini, boleh cakap? Okey dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kita tidak tahulah kalau surat khabar itu tidak betul, jangan salah saya. Saya boleh ambil keratan akhbar itu tunjuk.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri jawab kepada Ketua Pembangkang, *insya-Allah* saya akan bawa. Kalau Ketua Pembangkang setuju, saya akan bawa kepada Kabinet untuk dipertimbangkan semula. Yalah, tidak tahulah berapa, 10,15, 20. Angka saya tidak tahu tapi saya serah kepada budi bicara Yang Berhormat Dato' Seri Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya ingat beliau berhati mulia juga hendak bagi, tidak siapa tahan kan benda itu hendak bawa.

Saya haraplah Dato' Seri serius *about it*. Saya- banyak yang suruh saya bercakap bab ini. Saya cakap bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, akhir sekali...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ini sudah dua kali akhir sudah ini.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Celah sikit.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Begini, saya rasa cukuplah. Masa sudah singkat sangat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Dato' Seri, dia bagi celah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Akan tetapi saya tidak kasi *[Ketawa]*

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bagilah Tan Sri, member baik. Tolonglah ini penting.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sebut saja, tidak payah jawab. Boleh tidak dalam masa setengah minit Dato' Haji Abdul Rahman.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Begini, bab Senator naik gaji, sokong. Saya hendak tanya guru-guru, dia naik gaji tiga tahun sekali berdasarkan *time based*. Tiga tahun, empat tahun sekali. Akan tetapi pegawai kerajaan, SPA, tidak naik-naik, 10 tahun, 11 tahun, tidak naik. Itu ada beza. Kenapa guru tiga tahun, empat tahun naik. Pegawai kerajaan, SPA, JPA, tidak naik-naik. Jadi, saya mahu penjelasan. Kalau tidak boleh, Yang Berhormat Menteri minta, kalau boleh silakan.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Terima kasih Dato' Abdul Rahman. Saya hendak jawab tapi Tuan Yang di-Pertua kata dia akan jawab. Serah balik pada Dato' Seri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya hendak jawab tapi Tuan Yang di-Pertua kata jangan jawab. Saya akur kepada perintah *[Dewan riu]* Sekian, terima kasih.

Dengan ini saya mohon menyokong...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tidak tahu dia kata gitulah *[Ketawa]*

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: ...Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasihlah kerana akur dengan harapan saya. Akan tetapi walau bagaimanapun benda ini telah diserahkan kepada Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan. Okey, terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Puan Roslin untuk memberi pandangan.

6.45 ptg.

Puah Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, mohon ampun mempersembahkan satu ucapan di bawah Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong,

*Buah salak dari seberang,
Kayu jati dibuat titi,
Titah penuh kasih dan sayang,
Penuh nasihat, teguran dan puji.*

Saya mengambil kesempatan atas keprihatinan Duli Tuanku terhadap insiden yang menimpa pesawat MH 370. Hampir dua bulan peristiwa malang ini berlaku. Pelbagai usaha telah dilaksanakan. Tahniah kepada para petugas dan pemimpin negara yang tidak henti berusaha untuk menjejaki pesawat yang malang itu. Kaum keluarga diharapkan bersabar menghadapi dugaan. Tahniah kepada Wisma Putra yang berusaha membantu meringankan beban tanggungan. Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Cabaran hidup tanpa yang disayangi amat kita fahami. Akan tetapi tempoh sebegini, sokongan pelbagai pihak baik dari moral dan material amatlah dihargai.

Suami kehilangan isteri. Ibu kehilangan anak yang dikasihi. Si anak kehilangan harapan diri. Terlalu cepat terjadi dan terlalu seksa menanti. Kehilangan tidak dapat ditukar ganti. Sukar, sedih ditanggung sendiri. Mungkin ada yang berfikir yang pergi tetap pergi tetapi apakah nasib yang ditinggalkan ini. Dulu berdua, kini sendiri, bagi si isteri membesarkan anak-anak, siapa kan peduli. Justeru itu, sebagai seorang wanita dan ibu, saya memikirkan apakah nasib balu dan anak-anak mangsa. Ternyata juga apakah cukup pihak-pihak yang berkenaan membantu mereka meringankan beban yang tidak terhingga.

Selepas kehilangan mereka yang tersayang, ibarat jatuh ditimpa tangga. Surat bank sudah diterima, lantaran dahan bergantung sudah tiada. Menambah susah di dalam dada. Pihak yang berkenaan, khasnya bank-bank perlulah lebih bertimbang rasa. Pihak insurans semestinya segera menyegerakan pampasan kepada mangsa supaya beban dipikul kurang menyeksa. Perkara ini bukan mudah. Satu perubahan drastik dalam hidup. *Stress* akibat bebanan hutang perlu kita bantu. Insurans amat penting bagi rakyat. Syabas, iBR1M banyak membantu kita perlu. Cuma kaedah tuntutan sedikit keliru. Orang kampung internet tidak tahu. Pada pihak berkenaan silalah bantu. Pemahaman tentangnya wajib dibuat selalu.

Ekonomi Malaysia semakin meningkat. Kaedah pengurusan hasil daripada kegiatan ekonomi terus diangkat supaya taraf kehidupan rakyat tidak disekat, menambah maju, makmur dan berkat. Kemajuan negara memerlukan modal. Salah satu darinya adalah dari cukai yang dikenakan. GST diperkenalkan tapi ada pihak masih bebal. Perkara bagus terus dilaga-lagakan. GST menjadikan sistem percukaian negara lebih efektif, efisien, telus dan mesra perniagaan. Bukan untuk menekan, bukan ikut perasaan. Ini memerlukan satu proses yang teliti. Bukan Malaysia sahaja yang melaksanakan ini. Sudah 160 negara telah melaksanakan GST. Cuma setengah pihak sahaja membuat isu. Mungkin sengaja ingin kerajaan menjadi buntu.

Saya mohon pihak kerajaan, khasnya Kementerian Kewangan, khususnya kastam lebih memperhebatkan kempen pemahaman kepada rakyat bawahan. Program ini perlu dilakukan dengan merekrut ahli-ahli masyarakat. Pemahaman perlu dibuat dengan maklumat yang tepat, langkah proaktif

perlu dilaksanakan di sekolah-sekolah, di universiti-universiti dan lain-lain tempat... *[Mengucapkan beberapa rangkap madah]*

■1850

*Ada terjadi di tempat saya,
Pegawai dihantar bagi tujuan seranta,
Menjelaskan GST terlalulah seksa,
Siapa yang mendengar tiada fahamnya.*

*Mohon kerajaan gunakan kaedah yang mudah,
Jangan dibuat ianya susah.
Akibatnya banyak maklumat tersasar,
Menyebabkan rakyat menjadi gusar.*

*Ada pihak mengambil kesempatan,
Memberi maklumat tidak benar,
Ramai terpengaruh dan menjadi liar,
Ada yang bercadang demonstrasi dan berhemah kasar.*

Sudah maklum bahawa wang dikutip digunakan balik kepada pembangunan negara. Salah satunya membantu yang miskin hidupnya sengsara. Inisiatif subsidi bersasarkan memang dialu-alukan...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh mencelah?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya tidak terlalu penting, saya rasa ditangguhkanlah ya.

Dato' Lim Nget Yoon: Penting juga, pendek dan penting.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Adakah celah ini dalam bentuk puisi juga? Tidak.

Dato' Lim Nget Yoon: Tidak.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Silakan.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Oleh sebab Baginda Tuanku menyeru semua pihak dan semua Ahli Parlimen untuk menjayakan sistem GST ini tetapi mengikut ucapan tadi, kita memang dapat tindakan memang panggil *rarely*. Bolehkah kata yang tindakan tersebut menentang Titah Tuanku. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Yang Berhormat, saya rasa sebenarnya penerangan di peringkat bawahan itu perlu dibuat secara menyeluruh dan semangnya bagi suara-suara yang menentang ini memang sengajalah kita nampak memang mereka ini memang menentang bukan pada dasar kerajaan bahkan sedikit sebanyak juga menentang ucapan ke Bawah Duli Tuanku. Itu sahaja yang saya berani komenlah. Jadi saya teruskanlah ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya, sila.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: *[Mengucapkan beberapa rangkap madah]*

*Inisiatif subsidi bersasar memang dialu-alukan,
Pengagihan BR1M perlu ditambahbaikkan.*

*Ramai merungut apabila nama mereka tiada,
Pegawai tidak tahu bila ditanya,
Perlulah satu panduan yang lebih nyata.*

*Mungkin BR1M tidak besar bagi yang mampu,
Tetapi bagi rakyat marhaen banyak membantu.*

*Ramai yang bersyukur kepada tuhan,
Terima kasih kepada kerajaan.*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh peningkatan kualiti hidup masyarakat luar bandar. Manfaat ini amat besar kerana pelbagai program pembangunan telah diperkenalkan, penubuhan RTC iaitu Pusat Transformasi Desa perlulah diperbanyakkan tetapi saya ada satu soalan tentang memperkukuhkan pusat latihan kemahiran... *[Mengungkapkan beberapa rangkap madah]*

*Kami di kampung memerlukan ilmu,
Sebab negara semakin maju,
Perlu kemahiran dalam pekerjaan,
Juga kemahiran dalam perniagaan,
Kerana mereka ingin menjadi usahawan.*

*Berkenaan produk pertanian berpermintaan tinggi,
Burung walet, tanaman herba dan pembangunan industri,
Perlulah diperkembangkan di kampung-kampung tradisi,
Nampaknya pelabur luar hebat ke mari,
Tinggallah kami jadi pemerhati.*

*Minta Kementerian Pertanian mengambil perhatian,
Kami ingin menjadi masyarakat perindustrian,
Bantulah kami dalam pembangunan,
Bantulah kami dalam industri hiliran.*

*Ramai anak-anak keluar universiti,
Ramai juga berjawatan tinggi.*

*Terima kasih kepada sistem pendidikan,
Terima kasih kepada kerajaan.*

*Mohon dibantu anak desa,
Mudahkanlah Tabung Siswazah bagi yang ingin berniaga.
Mereka perlu pertolongan segera,
Mereka dari keluarga susah bukan orang berada.*

*Bila sudah bekerja ingin pula berkeluarga,
Ramai yang memiliki rumah sendiri,
Tetapi lebih ramai yang bertahun-tahun terus menyewa,
Kerana tak mampu hingga kini.*

*Mohon dipermudahkan,
Mohon berilah tanah bagi anak muda ini,
Bagi memulakan penghidupan.*

*Kerajaan perlu memberikan bantuan,
Kasihaniilah mereka yang kurang berkemampuan.*

Tuan Yang di-Pertua... *[Mengungkapkan beberapa rangkap madah]*

*Kesejahteraan masyarakat jadi keutamaan,
Dulu tinggal di kampung-kampung,
Kini di bandar tinggal di taman-taman,
Kehidupan kampung jadi kenangan.*

*Namun nilai kekampungan ini perlu dipupuk terus di bandar-bandar,
Supaya semangat gotong-royong tidak pudar,
Mengambil berat di masa senang, di masa sukar,*

*Urban village perlu ditonjolkan,
Supaya budaya kita dapat dikekalkan,
Walaupun sudah jauh tinggal di perantauan.*

*Di bandar besar banyak cabaran,
Mengejar masa mencari makan,
Budaya sudah bercampur-campuran,
Ramai yang sesat hilang pegangan.*

*Ada yang tidak bertanggungjawab,
Ditinggalkan ibu bapa seumpama kucing kurap,
Di rumah orang tua mereka ditinggalkan,
Mengira saat sehingga meninggal.*

*Undang-undang perlu diperketat,
Berkenaan kewajipan menjaga ibu bapa,
Inilah tanda penyakit masyarakat,
Mengejar material semata-mata.*

*Usia emas jadi cabaran
Antara bebanan dan juga kebanggaan,
Program khas perlu dilaksanakan;
Membolehkan mereka diberikan perlindungan.*

*Ramai yang bermimpi keluarga bahagia,
Mempunyai suami, anak semua,
Ramai juga tidak berjaya,
Menjadi ibu tunggal di usia muda.*

*Akibat ramai ibu muda,
Masalah sosial semakin nyata,
Tekanan kehidupan semakin menyala,
Hendak mengadu pada siapa?*

*Anak-anak wajib dibesarkan,
Perlu dijaga, diberi makan,
Perlu juga diberi pelajaran,
Supaya maju dan tidak ketinggalan.*

*Ibu tunggal perlu diberi perhatian,
Jangan mereka diberi cacian,
Nasib bukan satu pilihan,
Ini semua dugaan Tuhan.*

*Kenapa susah sangat Baitulmal membantu,
Wang zakat kenapa hendak dicatu,
Kenapa pegawai diam membantu,
Tidakkah mereka ingin membantu?*

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong usul Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah]: Terima kasih.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: ...Saya sudahi dengan *wabilahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh*.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [*Mengungkapkan serangkap pantun*]

*Terima kasih ucapan Puan Roslin di senja hari,
Bahasa bersajak bernada puisi,
Sekarang kita dengar satu ucapan lagi,
Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif sudilah berdiri.*

6.57 ptg.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.*

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya membahaskan Titah Seri Paduka Baginda sempena pembukaan Dewan untuk Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua.

Pertama sekali saya ingin memanjatkan kesyukuran dan terima kasih kepada Dewan kerana telah melantik saya serta Dewan Undangan Negeri Sembilan yang telah mencalonkan saya sebagai anggota baru Dewan Negara pada hari Isnin yang lalu. Ibarat adik bongsu, baru tiga hari, kalau salah tolong tunjukkan.

*Bukan lebah sebarang lebah,
Lebah bersarang di rumpun buluh,
Bukan sembah sebarang sembah,
Sembah menyusun jari sepuluh.*

Tuan Yang di-Pertua, banyak Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang isu-isu MH370, saya tidak perlu mengambil banyak masa tetapi apa yang saya ingin perkatakan hari ini ialah kita perlu merakamkan jutaan terima kasih kepada Menteri Pertahanan dan juga Kerajaan Malaysia dan juga mereka-mereka yang telah bersusah payah bekerja keras demi mencari MH370 yang entah di mana. Apa yang kita mahukan ialah rakyat Malaysia bersama-sama menyokong ataupun memberikan pandangan yang baik. Kita tidak mahu ada mereka-mereka yang cuba menggunakan media-media ataupun menggunakan hebahan cerita yang tidak benar dan akhirnya Kerajaan Malaysia dipandang keadaan yang tidak aman ataupun kerajaan yang tidak memikirkan keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan isu biometrik di Jabatan Imigresen Malaysia. Jabatan Imigresen Malaysia telah memperkenalkan sistem biometrik bagi kemasukan pelancong dari warga asing ke negara ini semuanya menggunakan pintu masuk iaitu ICQ Centre. Walau bagaimanapun, banyak berlaku kemasukan warga asing yang bolos kerana kelemahan sistem. Antaranya yang selalu berlaku ialah *offline* pada sistem di pintu masuk sempadan dan juga sistem ini tidak *online* dengan pihak keselamatan luar negara seperti USA, Britain dan lain-lain negara.

■ 1900

Saya juga berharap pihak Kementerian Dalam Negeri dapat memantau operasi pendatang tanpa izin khususnya di kawasan pedalaman dan ladang pada fasa pertama dan kedua. Namun begitu walaupun banyak operasi penangkapan PATI ini dilakukan tetapi masih ramai lagi PATI khususnya di kawasan-kawasan seperti Pasar Borong Selayang, Pasar Borong Selangor serta kawasan-kawasan perniagaan di pasar-pasar malam. Ini dikhuatiri berlaku ketirisan maklumat semasa operasi penangkapan PATI dijalankan. Bolehkah pihak KDN memberi statistik tangkapan dari awal tahun ini serta kos untuk menghantar pulang PATI ini. Oleh yang demikian saya berharap pihak KDN khususnya Jabatan Imigresen dapat meningkatkan operasi penangkapan PATI di masa hadapan.

Saya juga berharap pihak KDN dapat mengadakan operasi besar-besaran iaitu terhadap warga Afrika ataupun lebih dikenali dengan awang hitam yang banyak mencetuskan masalah sosial dan jenayah di kawasan tempat tinggal mereka. Mereka ini berselindung di sebalik pas pelajar tetapi menyalahgunakan pas pelajar tersebut untuk membuat aktiviti sosial yang tidak sihat dan jenayah di negara ini. Oleh yang demikian, pihak KDN dapat mempertingkatkan serta memperketat pemberian pas pelajar ini khususnya untuk warga Afrika.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perdana Menteri bagi meningkatkan fungsi Majlis Keselamatan Negara seharusnya diperkasakan dengan memberi lebih peranan dan situasi dalam perkara-perkara yang melibatkan keselamatan negara. MKN perlu lebih proaktif dan lebih efisien dalam menangani isu-isu keselamatan khususnya di Pantai Timur Sabah, ESSCOM. Ini kerana apabila berlaku insiden penculikan pelancong asing baru-baru ini yang seperti dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, nampaknya negara kita masih lagi boleh dibolosi oleh anasir-anasir jahat ataupun mereka yang mengancam keselamatan negara. Tidak cukupkah dengan senjata? Tidak cukupkah dengan teknologi yang ada? Dengan peristiwa-peristiwa yang lalu nampaknya belum boleh kita katakan bahawa pantai timur Sabah ini selamat kerana pelancong-pelancong datang ke Malaysia ini hendak berehat dan akhirnya diancam dengan ugutan dan penculikan. Jadi saya berharap KDN boleh menambah kekuatan senjata, kekuatan polis ataupun Kementerian Pertahanan supaya di kawasan pesisir pantai ini diperkukuhkan lagi dengan teknologi-teknologi yang hebat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dalam soal baru-baru ini berlakunya kemalangan bas ekspres dan lori perdagangan. Ini melibatkan juga mendiang Yang Berhormat Karpal Singh pada 17 April yang lalu. Jadi bila berlaku kemalangan demi kemalangan, kalau berlaku satu, berlaku dua lagi, berlaku tiga lagi. Tidak tahu pula esok mungkin kena pada Ahli Parlimen dan lain-lainnya lagi. Jadi saya berharap supaya kita ini mempertingkatkan lagi soal pemilihan pemandu bas kerana pemandu bas inilah membawa ramai penumpang-penumpang, nyawa penumpang ini terletak pada pemandu bas. Kalau pemandu bas ini, sebelum naik bas, ambil ganja, dadah dan sebagainya, keselamatan penumpang ini amat dikhuatiri. Jadi kebanyakan mereka yang terlibat dalam kemalangan ini bila dibuat saringan air kencing ataupun darah, didapati mereka ini pun menggunakan dadah.

Maknanya Tuan Yang di-Pertua, sebelum bawa bas ini oleh kerana perjalanan yang jauh, dia pekena dulu. Jadi dia kena dadah dan sebagainya, agaknya dia tengok jalan itu walaupun selekoh,

nampak lurus jalannya. Jadi berlakulah kemalangan yang sebegini rupa. Jadi saya berharap pihak SPAD ataupun JPAM mengambil tindakan tegas supaya menggunakan balik atau dulunya ada disebut kotak hitam ataupun kita buat GPS dan tahu laluan bas tersebut. Jadi apa pun puncanya, kalau kejadian itu berlaku, kemalangan itu sudah berlaku, kotak hitam ini cuma laporan. Jadi sebelum berlakunya kemalangan ini, lebih baik daripada pemandu bas, keadaan bas dan juga kotak hitam ini perlu kita kuatkuasakan peraturan ini agar kemalangan seperti ini tidak berulang lagi dan juga mengurangkan kemalangan yang maut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri supaya melihat kewujudan restoran francais. Apa yang kita lihat hari ini francais makanan segera dari luar negara seperti *KFC*, *McDonald's*, *Starbucks* dan lain-lain lagi sampai kita tidak boleh sebut, terlampau banyaknya. Jadi adakah mereka ini datang ataupun melabur ke Malaysia ini mengikut peraturan yang sebenarnya? Kalau jumlah berapa pegangan ekuiti ataupun saham rakyat Malaysia ataupun Kerajaan Malaysia yang dilihat hari ini sesuka hati hendak buka. Kalau situ ada *McDonald's*, depan pun ada *McDonald's*, *KFC* dan sebagainya. Kita tahulah kalau *KFC* ini di bawah *Johor Corp*. Kalau *McDonald's* ini siapa punya?

Saya berharap supaya ekuiti ataupun pegangan saham ini mestilah setidak-tidaknya 51% dikuasai oleh rakyat Malaysia. Kita tidak mahu esok terlalu banyak francais yang ada ini, akhirnya kita melihat sahaja benda yang berlaku, pelabur mudah masuk sedangkan francais ini wujudnya *win-win situation* ataupun menang-menang sama di mana melantik pengusaha-pengusaha tempatan ataupun bumiputera yang sama-sama boleh. Bukan dia sendiri yang menjalankan. Kalau semua dia jalankan, keadaan ini akhirnya kita tidak dapat ataupun rakyat Malaysia tidak dapat merebut peluang yang ada pada sistem francais yang kita laksanakan dan dasarnya kita buat sendiri. Saya mohon agar kementerian hal ehwal pengguna mengkaji semula keadaan ini dan laporkan kembali ataupun jawab soalan ini agar kita jelas keadaan ini.

Begitu juga dengan pasar raya-pasar raya yang besar, kalau di Kuala Lumpur di bandar-bandar besar tidak ada rasa macam perkara biasa. Kalau di kampung, kalau di daerah-daerah yang kecil contohnya di Kuala Pilah, kawasan Menteri contohnya, banyak gerai ataupun kedai-kedai kecil. Bila masuknya *Giant* ataupun pasaraya ini, akhirnya peluang untuk orang meniaga ini kurang. Kalau semua orang pergi situ, akhirnya kita membunuh balik peniaga-peniaga yang kita satu masa dulu kita bagi pinjaman TEKUN, kita bagi beberapa pinjaman dengan harapan mereka ini berjaya.

Sebenarnya dalam pada yang sama juga kita telah membunuh ataupun membawa mereka ini seorang yang boleh jadi muflis kerana pinjaman tersebut dan tidak mampu bayar kerana semua *Giant* sudah sapu, semua *Tesco* yang sapu. Jadi mana hak dia sebagai rakyat, hak dia sebagai peniaga-peniaga kecil yang mahukan sedikit keuntungan bagi menyara kehidupan. Tidak mampu setiap bulan dapat BR1M. BR1M hanya setahun sekali. Jadi kalau keadaan BR1M hendak bergantung harap untuk menyara mereka, saya rasa perkara ini kita perlu teliti dan mohon supaya KPDNKK mengkaji semula kebanjiran pasar raya-pasar raya yang tidak mengikut unjuran-unjuran ataupun tempat-tempat yang sepatutnya kita lakukan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Suruhanjaya Pilihan Raya. Agensi Suruhanjaya Pilihan Raya ini merupakan suruhanjaya yang bebas yang mana dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jadi saya masuk hari yang pertama saya difahamkan ada pihak pembangkang yang mengatakan SPR ini di bawah Jabatan Perdana Menteri. Jadi saban hari sudah banyak pilihan raya, masih banyak lagi keliru. Kalau saya tiga hari keliru di sini tidak apa tetapi yang bercakap itu sudah lama. Sudah lama soalnya SPR dikatakan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Sebenarnya perkara ini dia tahu tetapi hendak meletakkan bahawa benda ini apa pun yang berlaku, kalau kekalahan pun dalam SPR, kelemahan dalam SPR kerana presiden parti atau Perdana Menteri kita. Jadi ini saya hendak perbetulkan supaya mereka ini jelas bahawa SPR ini di bawah Suruhanjaya Pilihan Raya dan tidak ada kena mengena, dia bergerak bebas. Jadi pihak sebelah sana agar memahamilah bahawa itu bukan isu sebenarnya. Kalau isu SPR buat perkara tidak betul, rasanya satu kerusi pun pihak pembangkang tidak menang. Jadi kita ini adil, jadi kita bagilah hak yang sama. Yang betul itu betul, yang tidak itu tidak. Akuilah hakikat sebenarnya.

■1910

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh tentang PR1MA. PR1MA ini diperbadankan dan ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 untuk merancang, membangun, membina dan menawarkan perumahan berkualiti tinggi berkonsepkan cara hidup moden bagi penduduk bandar berpendapatan sederhana antara RM2,500 ke RM7,500. Jadi sasaran ini, harga yang ditawarkan adalah RM100,000 satu unit ke RM400,000. Memang dasar kerajaan yang Perdana Menteri umumkan ini sangat baik. Perumahan Rakyat 1Malaysia sangat baik. Jadi kita berharap agar perumahan ini benar-benar dapat menyasarkan kita punya *target* iaitu 50,000 unit.

Jadi apa yang membimbangkan saya pada hari ini, kerana contohnya- saya ini berasal dari Negeri Sembilan, jadi saya ambil contoh Negeri Sembilanlah. Contohnya Seremban Sentral. Ia diumumkan dan dilancarkan sebelum pilihan raya sebanyak 3,000 unit di Seremban Sentral. Jadi sehingga hari ini, hampir setahun lebih iaitu satu tahun sebulan atau dua bulan, jadi tidak nampak tindakan-tindakan ini. Saya memohon agar PR1MA ini menyatakan apa masalahnya sebenar. Isu tanahkah atau isu peruntukkankah, atau apa-apa yang membuatkan projek ini lambat dijalankan?...

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Yang Berhormat, mohon mencelah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya, sila.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik bila Yang Berhormat sebut soal pelaksanaan PR1MA kerana kita tahu ini adalah satu dasar yang bagus yang diperkenalkan oleh kerajaan yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun cukup bersungguh-sungguh hendak melaksanakan PR1MA ini.

Akan tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ini juga terkait dengan soal pelaksanaan macam mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Norliza tadi, soal penguatkuasaan di bawah tidak mengambil tempat sepertinya? Jadi kita juga khuatir, adakah kerana pelaksanaan ataupun ada pihak-pihak yang gagal untuk melaksanakan, ia akan memberikan imej yang tidak begitu baik kepada

kerajaan sedangkan dasarnya bagus untuk membantu dan ini telah menjadikan satu perkara yang dinanti-nantikan oleh rakyat.

Jadi kita tidak mahu nanti ada pihak-pihak yang tertentu, macam Yang Berhormat sedia maklum, SPR dikatakan letak di bawah Jabatan Perdana Menteri walhal benda itu budak sekolah Darjah Enam pun tahu bahawa ia di bawah Suruhanjaya. Jadi kita tidak mahu nanti ini juga dikaitkan kononnya kerajaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dipersalahkan. Jadi sebelum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dipersalahkan dan kerajaan dipersalahkan, jadi apakah pandangan Yang Berhormat? Di manakah perkara ini yang membuat ada sedikit masalah? Mungkin pandangan Yang Berhormat ini saya rasa boleh disampaikan kepada pihak yang berwajib ataupun kementerian supaya mereka dapat menjawab. Jadi saya mohon pandangan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sebelum Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim menjawab, Yang Berhormat kata tadi Yang Berhormat dari Negeri Sembilan, bukan? Kata orang Negeri Sembilan, bertangga naik, berjinjang turun. Oleh kerana itu, patut sebelum langsung kepada dia, tangga sini dahulu, baru tangga di sana. Tidak apa, sila.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya bukanlah orang yang selayaknya untuk berkata-kata ataupun menjawab. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, lebih baik kita minta pihak PR1MA ini melaporkan laporan lengkap tentang pembangunan yang ada mungkin melibatkan kawasan-kawasan lain di seluruh negara. Sebanyak 50,000 unit itu di mana? Jadi supaya Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini dapat faham dan jelas, daripada saya yang menjawab yang agak tidak jelas dan kelabu. Jadi lebih baiklah...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh beri jalan?

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Ya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh? Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tangga naik turun.

Seorang Ahli: Jangan lupa tangga.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tangga naik sini, turun sana. Sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Di Malaysia, PR1MAkah atau PPRTkah, apa jenis rumah, berapa bilik? Ada tiga bilik. Jadi kita rasa tidak betul sebab tiga bilik tidak cukup. Ayah dan emak satu bilik. Anak-anak lelaki satu bilik, anak perempuan satu bilik. Kalau anak ramai lelaki, perempuan ramai, tidak cukup bilik. Tetamu datang tidak cukup bilik dan barang-barang tidak cukup bilik. Jadi timbul masalah psikologi, sumbang mahram. Campur lelaki dan perempuan haram, *even though* adik-beradik.

Akan tetapi di Singapura bilik, *at least* lima buah. Semua rumah di Singapura lima. Saya sudah syorkan di Dewan ini sudah acap kali tetapi tidak jalan, tidak makan. *So* bagaimana pendapat Yang Berhormat untuk hendak makan dan melaksanakan lima buah bilik supaya masalah sosial tidak timbul, masalah psikologi tidak timbul, masalah sumbang muhrim tidak timbul, dan masalah tetamu datang tidak timbul? Jadi saya harap Yang Berhormat orang baru tetapi cekap dan pandai, gagah perkasa, bagaimanalah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya awal-awal tadi saya berkata bahawa saya ini adik bongsu. Jadi hujahan-hujahan soalan itu, rasa saya, saya tidak dapat menjawab secara detil tetapi kalau sudah ramai itu, ambillah sebuah rumah ataupun tambah sebuah rumah lagi jadi rata. Jadi ini mungkin soalan yang agak saya tidak mampu hendak jawab. Jadi kalau Yang Berhormat hendak tambah seorang lagi, boleh dapat dua buah rumah. Jadi yang pertama untuk isteri pertama dan kedua untuk yang kedua. Jadi ada enam bilik. Jadi cukup Yang Berhormat, saya rasa...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kalau anak ramai...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Nanti, nanti...

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Minta...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tiga orang berdiri.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tangga, tangga...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kalau anak ramai, contoh sepuluh orang...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh tidak semua duduk sekejap? Okey, Yang Berhormat Puan Norliza.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengikut tangga. Saya cuma ingin menjawab sedikit ataupun meminta pandanganlah daripada Yang Berhormat yang baru berhujah tadi. Saya rasa sekiranya menambah rumah atau menambah isterilah senang cerita, ia tidak menyelesaikan masalah tetapi ia menambahkan masalah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Bukan itu tergantung...

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Sebenarnya, dengan kos bebanan hidup sedia ada ini, saya rasa ianya akan lebih menambahkan masalah. Walau bagaimanapun, saya merasakan sebenarnya saranan Yang Berhormat Senator Dato' Rahman adalah baik tetapi kekangannya sekarang, macam tadi hujah saya, kos *construction* sekarang yang semakin meningkat.

Jadi mungkin pihak kementerian ataupun apa pandangan Yang Berhormat sekiranya pihak kementerian mungkin dapat mengkaji berapakah bilangan tanah-tanah milik Kerajaan Persekutuan di seluruh Malaysia di semua negeri yang boleh kita bangunkan dengan perumahan PR1MA. Mungkin dengan menggunakan tanah-tanah kerajaan yang kita *acquire* ini, maka kita dapat memenuhi permintaan atau cadangan Yang Berhormat Dato' Rahman supaya dibina rumah lima bilik, sebab bila tanah itu tanah milik Kerajaan Persekutuan, mungkin ianya boleh *dinegotiate*, dengan izin. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya, sila.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi kedua-dua cadangan ini kita terimalah, bagus. Jadi untuk memendekkan kita punya perbahasan petang ini, jadi boleh saya teruskan, ya? Ya, kita ambil kira dan kita boleh terimalah itu pandangan kedua-dua Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama FELDA adalah mengurangkan kemiskinan luar bandar melalui penempatan semula. Sehingga ini, FELDA telah mewujudkan 11 buah wilayah FELDA dengan jumlah keseluruhan rancangan sebanyak 336 buah. *Alhamdulillah*, melalui rancangan FELDA ini, kerajaan dapat memajukan ekonomi rakyat luar bandar dan menyelesaikan masalah kemiskinan luar bandar. Peneroka FELDA dapat memberikan pendidikan yang sempurna kepada generasi kedua FELDA dan kebanyakan mereka telah berjaya dan berhijrah ke bandar.

Oleh yang demikian, kawasan rancangan FELDA ini hanya dihuni oleh generasi pertama yang menjadikan peneroka dan sebahagian sahaja generasi kedua. Usaha pihak FELDA untuk mengadakan rumah untuk generasi kedua amat dialu-alukan. Walau bagaimanapun, untuk mengadakan rumah generasi kedua ini memastikan bahawa mereka akan tinggal di FELDA sekiranya peluang pekerjaan wujud. Jadi apa yang berlaku hari ini, kita tahu bahawa FELDA telah pun membina banyak rumah pasang siap di seluruh negara.

■1920

Jadi kebanyakan rumah-rumah ini dibina dalam kawasan Rancangan FELDA. Jadi dalam kawasan Rancangan FELDA ini dibina kerana tidak mahu anak-anak generasi kedua ini berkongsi rumah dengan ayah ataupun sebagai peneroka yang ada. Jadi generasi kedua ini dibina rumah baru yang dipanggil Rumah Generasi Ke-2. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah rasa prihatin bahawa anak-anak ataupun mereka yang ada generasi kedua dalam FELDA ini terbela. Jadi apa kebimbangan saya ini adalah kerana konsep rumah tersebut nilai ia RM70 ribu hingga RM80 ribu.

Jadi setiap anak peneroka FELDA ini kalau hendak dipilih, ada melalui temu duga dan sebagainya. Tidak boleh orang luar hanya generasi kedua dalam FELDA. Jadi apa kebimbangan saya apabila harga rumah ini RM80 ribu, anak-anak ini kalau tidak ada kerja, tidak bekerja di kawasan FELDA tersebut, tidak menyediakan kilang, tidak menyediakan apa jua bentuk IKS dan sebagainya, akhirnya rumah-rumah tersebut kosong. Siapa yang akan menunggu? Bangladesh. Siapa yang menunggu- Indonesia, siapa lagi?... Vietnam dan lain-lain.

Ini yang kebimbangan kerana mereka akan pergi keluar dan dia kena bayar bank. Kalau tidak bayar bank rumah kena lelong dan dia kena *blacklist*. Jadi apa langkah kerajaan? Saya difahamkan di bawa ke tapak samaian ataupun yang lain-lain, yang ini kadang-kadang orang-orang muda, generasi kedua ini tidak berminat. Kalau boleh, buatlah perkara-perkara yang boleh anak muda ini turut sama. Contohnya kalau boleh kilang SGV buat ke negara ini pindahkan ke Serting atau ke Palong atau Bera dan sebagainya. Jadi rumah yang dibuat ini ditunggu. Jadi soal sekarang ini kalau tidak ada duit, bagaimana hendak bayar?

Jadi saya berharap pihak FELDA yang juga di bawah Jabatan Perdana Menteri dapat mengambil kira banyak rumah dibina, kadang-kadang kita naik rasa takut. Adakah rumah ini untuk orang lain duduk? Macam pekerja ladang contohnya esok. Macam rumah-rumah berlaku di ladang-ladanglah. Buat rumah cantik-cantik, akhirnya orang luar duduk. Jadi apa sebenarnya matlamat kita

buat Rumah Generasi Ke-2 ini perlu disediakan dia punya peluang pekerjaan sekali agar mereka ini boleh duduk di kampung-kampung.

Kalau ada perkara ini, tidak ada lah berlaku penghijrahan. Apabila ada perkara ini tidak ada lah generasi kedua dalam FELDA ini terlibat dengan dadah dan sebagainya. Jadi mohon pada Dewan hari ini supaya kita sama-sama menyokong perkara ini agar semua kawasan-kawasan yang terlibat, banyak tempat seluruh negara terlibat di dalam kawasan FELDA tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Pendidikan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Di bawah Program Transformasi Pendidikan dapat mengurangkan beban guru pada hari ini. Melalui sistem ini, pelajar kita akan dididik supaya berfikir secara tinggi dan guru hanya memantau di samping menjelaskan apa yang sepatutnya pelajar buat.

Perbezaan dengan sistem pembelajaran berasaskan peperiksaan sebelum ini yang mana guru-guru banyak dibebani dengan urusan perkeranian. Walau bagaimanapun, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian Pendidikan yang mana terdapat rungutan di kalangan guru-guru kerana mereka masih mempunyai beban lain seperti komitmen mengadakan sukan, mengadakan hari anugerah, menguruskan disiplin pelajar, mengadakan gotong-royong, memastikan keceriaan sekolah dan satu lagi terpaksa menjaga pusat sumber. Oleh kerana guru mengajar, tetapi kena jaga pusat sumber. Lahirnya guru mengajar, menjaga pusat sumber. Jadi nampak macam ada yang tidak kena.

Bolehkah saya mendapat penjelasan daripada pihak berkenaan, guru-guru ini diberi jaminan tugas mereka fokus kepada pengajaran dan pembelajaran. Jadi saya mohon Kementerian Pendidikan agar meneliti beban guru yang saya sebutkan tadi.

Selain daripada beban guru, terdapat juga masalah yang sangat popular di kalangan guru-guru iaitu isu pertukaran dan juga penempatan negeri. Setiap hujung tahun dan pertengahan tahun, bulan enam dan bulan dua belas, ramai guru-guru yang ditempatkan di pedalaman Sabah, Sarawak ataupun di negeri-negeri seperti di Johor akan mengemukakan permohonan pertukaran antara negeri. Antara negeri yang menjadi pilihan guru-guru tersebut adalah negeri Kelantan, Kedah dan Terengganu. Sebagai contoh, statistik pertukaran antara negeri bagi sekolah rendah ke negeri Kelantan sesi Januari tahun 2012 seramai 2,352 orang. Januari tahun 2013 seramai 1,837 orang dan manakala Januari 2014 seramai 2,465 orang.

Statistik pertukaran antara negeri bagi sekolah rendah di negeri Johor serta sesi Januari tahun 2012 seramai 1,870 orang. Januari tahun 2013, 1,464 orang dan Januari tahun 2014 seramai 2,011 orang. Melalui statistik tersebut, saya ingin mendapat penjelasan daripada KPM, apakah masalah pertukaran guru ini yang akan kekal sehingga bila-bila? Jika dilihat trend yang ada sama seperti tahun-tahun yang lalu selalu jawapannya tiada kekosongan. Kalau habis pun dia cakap, "*Siapa suruh jadi guru?*". Jadi sebagai guru ini kita perlu membela guru ini sebab gurulah mendidik anak bangsa kita seperti Tuan Yang di-Pertua, dulu membina negara bangsa daripada DPP dulu.

Saya masih lagi ingat bahawa guru ini kita perlu memahami keadaan kalau berpisah suami isteri timbullah bak kata Yang Berhormat Senator yang tadi, akan timbullah satu, dua dan tiga. Jadi keadaan ini kalau kita katakan guru kena berada di Sabah, bila masa *timeframenya*- setahun, dua tahun? Kadang-kadang guru-guru yang ada di Sabah ini tidak balik-balik.

Saya ada berkesempatan dengan melawat sekolah-sekolah di pedalaman. Saya melihat kadang-kadang rintihan guru ini mengatakan saya bersalin atas bot. Saya sudah duduk di Semporna, di Pulau Bum Bum. Masih lagi tidak dapat tukar. Adakah pilih kasih, atau adakah apa-apa yang perlu? Jadi kalau keadaan ini berlaku, saya rasa berlakulah keadaan ketirisan unjuran guru ini tidak tepat. Jadi hanya guru yang selalu datang di kementerian diberikan keutamaan. Sedangkan di pedalaman, walaupun di pedalaman P1, P2 dan P3, P1 dibayar RM500; P2 dibayar RM1,000; dan P3 dibayar RM1,500. Kalau ikut kepayahan, kesengsaraan hidup, wang bukan segala-galanya.

Kalau keadaan itu tidak boleh jumpa Giant, tidak boleh jumpa *Tesco*, tidak jumpa *McD* yang tadi. Jadi tidak guna duit itu, hendak beli ikan sardin pun dengan kos RM500. Oleh sebab saya sebut RM500, terpaksa naik bot, jalan kaki, 4x4 baru sampai dekat rumah. Baru sampai dekat kuarters yang ada. Itu pun kalau ada kuarters, ini pula menumpang di rumah panjang. Menumpang lain-lain dan berlakulah guru-guru yang diperkosa dan sebagainya. Kalau guru lelaki kita tidak kisah, sebab dia pandai hidup dalam hutan. Akan tetapi kalau guru perempuan, bak kata wakil rakyat kita tadi perlu pembelaan. Jadi saya berharap agar kita adakan satu peraturan syarat yang nyata, kalau guru tersebut itu satu tahun duduk, satu tahunlah kita pulangkan balik ke negeri-negeri yang dipohon.

Begitu juga mereka-mereka yang duduk selesa pada negeri-negeri tertentu. Perlulah ada pertukaran, jangan harap guru besar, pengetua, guru-guru yang lain daripada *posting* yang pertama sampailah pencen walaupun pencapaian sekolah itu teruk tetap dikekalkan pada sekolah yang tersebut. Jadi kita ada merit, kita ada apa, diharap pihak kementerian mengkaji semula tentang isu-isu yang ada.

Begitu juga perumahan guru di luar bandar. Saya lihat kadang-kadang hendak dapatkan air bersih di luar bandar, tidak ada. Terpaksa tadah air bukit dan air gunung. Masih teruk lagi kalau keadaan tengah malam, guru wanita ini hendak ke tandas, terpaksa duduk di luar. Terpaksa beramai-ramai, seorang hendak buang air sepuluh orang datang tunggu. Itu kalau sepuluh orang, kalau seorang? Siapa yang akan menemani beliau? Inilah kita bimbang dari segi keselamatan yang ada pada keadaan guru kita di pedalaman...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat, kita ada masa satu minit lagi. Kalau boleh Yang Berhormat simpulkanlah dalam 50 saat.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak sebut lagi satu, soal Kementerian Pendidikan juga. Soal untuk menggunakan peraturan peruntukan yang sedia ada pada PPD, pada guru besar dan lain-lain. Kita lihat kadang-kadang bumbung terbang satu bumbung sahaja terbang. Perlu dapatkan kelulusan daripada kementerian ataupun JPN dan sebagainya. Satu bumbung tercabut, air hujan. Kita hendak menunggu kelulusan tersebut, kita kerugian lebih banyak daripada satu bumbung. Apa yang saya maksudkan di sini ialah

apabila bumbung tercabut, hujan pun turun, bawahnya ada komputer. Jadi kita punya komputer habis tidak boleh pakai. Jadi oleh kerana peraturan ini tidak membolehkan ia *ad hoc* dalam keadaan ini...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ini kerana peraturan meminta kita berhenti pukul 7.30. Kalau sekiranya...

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Tidak, tidak. Sudah habis sudah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: ...Yang Berhormat ingin menyimpulkan, boleh simpulkan. Kalau hendak disambung, pagi esok rasanya Yang Berhormat sudah bercakap 30 minit.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Saya habiskan di sini.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Telah bercakap mengenai peraturan-peraturan mengehendaki kita berhenti sekarang.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Saya berhenti sekarang. Jadi sebelum saya mengakhiri perbahasan pada hari ini saya ucapkan terima kasih kepada semua. *Insyah-Allah* saya akan mengutarakan lagi persoalan-persoalan tentang Kementerian Pendidikan yang perlu ditambah baik oleh kementerian yang kebetulan Yang Berhormat Timbalan Menteri dia ada di sini. Saya harap jawapan akan datang dapat diperolehi. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Walaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Salim.

Dengan itu saya menangguhkan mesyuarat ini hingga pukul 10, pagi esok. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.31 petang.]